

# ABDULLAH AHMAD BADAWI

Mencari Damai Abadi

S. HASHIM AHMAD

Cetakan Pertama Mac 2004

© 2004 S. Hashim Ahmad  
Juz'Art

Penerbit: **JUZ' ART (000978011-D)**

No:8-1, Jalan 2/23A, Taman Danau Kota, 53300 Kuala Lumpur.

Tel : 603- 41429627 Fax : 603-41429276 E-mail : juzart@hotmail.com

Kerjasama : **MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA (MBKM)**

Kementerian Pendidikan Malaysia

Paras 3, Blok J (Utara) Pusat Bandar Damansara, 50604 Kuala Lumpur.

Tel : 603-20983115 Fax : 603-20953535 E-mail : mbkm@po.jaring.my

Pencetak: Print Art Marketing (000975951-D)

Hakcipta terpelihara

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem kekal atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan- dalam penerbitan.

S. Hashim Ahmad

Abdullah Ahmad Badawi : mencari damai abadi / S. Hashim Ahmad.

ISBN 983-3153-00-3

1. Abdullah Haji Ahmad Badawi. Dato' Seri, 1939-. 2. Prime ministers--Malaysia--Biography. 3. Malaysia--Politics and government. I. Judul. 923.2595

Pengarah Penerbitan: Syed Shahron

Pengarah Seni: Syed Shahrin

Grafik dan Rekaletak: Sharifah Suriani & Syed Shahmir

Pengawal Mutu: Zabedah Shahir, Zuraini Mat Yasim & Mohd Asri Asgari

Panel Penasihat:

Encik Roselan Zainal

(*Setiausaha Majlis Buku Kebangsaan Malaysia - MBKM*)

Encik Siatan bin Ahmad

Tuan Haji Shamsuddin Abu Bakar

(*Ibu Pejabat Barisan Nasional*)

Encik Shamsudin Puteh

Encik Suhaimi Nordin

(*Multimedia Development Corporation Snd.Bhd.*)

Penyunting :

Encik Shamsudin Puteh

27 SEP 2004

MAJLIS BUKU KEBANGSAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB 01144581

M  
923.2595  
ABDS  
✓ M

# ABDULLAH AHMAD BADAWI

Mencari Damai Abadi

S. HASHIM AHMAD

Penerbitan :



Juz' Art (No: 000978011-D)

Kerjasama :



Majlis Buku Kebangsaan Malaysia



"Isteriku Zabedah, anak-anakku Shahron, Shahrin, Suriani dan Shahmir serta menantu-menantuku, Norman dan Zuraini. Sujudlah kepada Allah S.W.T. Mintalah kepada Ar-Rahman, Al-Qudus Yang Maha Suci. Tidak sesat kamu di dunia fana ini. Akan diberi rahmat dan kesejahteraan ke atas dirimu serta zuriatmu..."

Ingatlah amanat Aboh





# SEKALUNG BUDI

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Mohamad Rahmat

Datuk Abdul Aziz Haji Shamsuddin

Yang Berbahagia Datuk Kamarulzaman Zainal  
(Pengarah Berita dan Ehwal Semasa TV3)

Encik Zainal Abidin Abdul Rahim  
(Ibu Pejabat Barisan Nasional)

Yang Berbahagia Datuk Mohd. Noor Ahmad

Yang Berbahagia Datuk Haji Mohamad Subky Raof

Yang Berbahagia Datuk Asiah Abu Samah

Dr. Sharifah Nor Puteh  
(Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Yang Berbahagia Datuk Abdul Aziz Ahmad

Encik Abdullah Hassan  
(Penolong Ketua Pengarang, Kumpulan Akhbar Utusan Melayu)

Tuan Haji Kamaruddin Ahmad  
(Mudir Madrasah Idrissiah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak)

Tuan Haji Mohd Kamaluddin Taib  
(Kementerian Pendidikan Malaysia)

Encik Tajuddin Daud  
(Kementerian Pendidikan Malaysia)

Encik Mazlan Mohamad  
(Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Kapt. (B) Tuan Syed Alimin Syed Hassan

Kumpulan Akhbar Utusan Melayu (M) Berhad

Perpustakaan Foto Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia


Perbadanan Perpustakaan Negara Malaysia

Pustaka Antara Sdn. Bhd.

The Edge

Bayan Publications

Dan mereka yang telah memberikan pandangan, idea serta sumbangan  
dalam melengkapkan lagi penerbitan buku ini.







## KATA PENGANTAR

Buku "**ABDULLAH AHMAD BADAWI - Mencari Damai Abadi**" ini diterbitkan semasa Perdana Menteri Malaysia Kelima masih berada di ambang tahun pertama beliau memegang tampuk pemerintahan negara dalam "era zuriat ulama" menerajui Malaysia. Secara kebetulan pula angka lima merupakan bilangan angka pelengkap dalam rukun Islam. Maka, Perdana Menteri yang telah mengambil alih tugas secara rasminya pada hari Jumaat yang merupakan penghulu kepada segala hari secara kebetulannya bersamaan 5 Ramadhan, sangat signifikan kepada umat Islam khususnya.

Begitu juga lumrahnya apabila Allah berkehendakkan seseorang hambaNya untuk menjadi seorang pemimpin, maka diangkat darjat hambaNya itu dan ditempatkan pada tahap yang tinggi untuk dihormati. Sebagai makhluk pilihan, Abdullah Ahmad Badawi diangkat lebih tinggi martabat beliau bukan sekadar menjadi Perdana Menteri Malaysia, tetapi juga sebagai Pengerusi umat manusia sejagat yang bernaung di bawah Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) dan Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang mempunyai lebih 1.3 billion penduduk.

Buku tulisan S.Hashim Ahmad yang ke-11 ini mengajak pembaca mengikuti rentetan jejak-jejak Perdana Menteri Malaysia Kelima, Abdullah Ahmad Badawi dengan mengimbas kembali sejarah susur galur beliau yang telah banyak menabur jasa kepada bangsa, negara dan agama Islam di Malaysia dan khususnya dalam perjuangan UMNO. Jariah susur galur Abdullah Ahmad Badawi terlalu besar nilainya.





Pendekatan yang dibawa dalam buku ABDULLAH AHMAD BADAWI - Mencari Damai Abadi ini mempunyai kelainan daripada buku-buku yang pernah ditulis oleh S.Hashim Ahmad sebelum ini. Dalam mengolah subjek yang menjadi fokusnya dalam buku ini beliau lebih bersahaja dalam mempersembahkan kisah yang hendak disampaikan selain mencungkil beberapa kisah eksklusif yang menjadi rentetan sejarah dalam susur galur atau yang berkait rapat dengan diri Perdana Menteri itu sendiri.

Pihak Juz' Art merakamkan ucapan terima kasih kepada Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) yang sedia bekerjasama dalam penerbitan buku ini. Kepada mereka yang terlibat, pihak kami juga tidak lupa mengucapkan terima kasih atas segala sumbangan dan kerjasama secara berterusan yang telah diberikan sehinggalah buku ini sempurna diterbitkan. Semoga Allah membalas budi baik dan pertolongan Tuan/Puan semua.

PENERBIT





**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Director General of Education Malaysia*

**KATA ALU-ALUAN**



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah serta syabas kepada S. Hashim Ahmad kerana berjaya menghasilkan sebuah buku yang begitu relevan dengan keperluan semasa. Buku berjudul Abdullah Ahmad Badawi - Mencari Damai Abadi tulisan beliau ini diterbitkan ketika kebanyakan orang, khususnya rakyat Malaysia, begitu mengagumi serta berminat untuk mengenali secara

lebih dekat Perdana Menteri Malaysia Kelima, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang mula memegang jawatan pada 31 Oktober 2003.

Berbeza dengan buku lain mengenai Abdullah Ahmad Badawi yang berada di pasaran sekarang, karya terbaru S. Hashim Ahmad ini mempunyai keistimewaan tersendiri kerana, antara lain, ia menceritakan dan mengupas secara mendalam pelbagai peristiwa suka duka yang dilalui oleh Perdana Menteri Malaysia Kelima ini yang merupakan anak dan cucu kepada ulama serta pejuang kemerdekaan Tanah Melayu yang begitu tersohor di seluruh Nusantara.

Bagi pembaca umum, buku ini boleh dijadikan sumber yang amat berguna untuk mengenali dan menjejaki latar belakang kehidupan Abdullah Ahmad Badawi, dari zaman kanak-kanaknya hinggalah liku-liku perjalanan politik yang telah beliau harungi sebelum tiba di kemuncak kerjaya politiknya sebagai Perdana Menteri. Mereka yang membaca



buku ini pasti merasa bertuah kerana dapat mengetahui pelbagai kisah, fakta dan penjelasan yang dipersembahkan oleh penulisnya mengenai Abdullah Ahmad Badawi dengan secara bersahaja tetapi cukup menarik.

Bagi golongan pelajar pula, maklumat serta analisis yang terkandung dalam buku ini dapat membantu mereka menambah pengetahuan mengenai seorang lagi pemimpin negara serta hal-hal kenegaraan yang sudah pasti amat berguna dalam memperlengkapkan diri masing-masing sebagai pelajar. Di samping itu, sifat-sifat mulia yang dimiliki oleh pemimpin ini seperti ketinggian akhlak, keikhlasan, ketekunan, kesabaran dan kebijaksanaan dalam mengharungi ranjau kehidupan boleh dijadikan teladan dan rangsangan kepada mereka untuk berusaha menjadi insan yang berjaya dalam segenap bidang suatu hari kelak. Antara pengajaran paling utama yang boleh dimanfaatkan oleh para pelajar melalui diri Perdana Menteri Malaysia Kelima ini ialah betapa mereka tidak seharusnya bersikap putus asa apabila mengalami sesuatu kegagalan kerana sekali gagal, bukan bererti seseorang itu gagal sepanjang hayat.

Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada S. Hashim Ahmad atas kegigihannya menghasilkan sebuah karya yang begitu bernilai dan menjadi suatu khazanah negara yang amat besar ertinya kepada setiap rakyat Malaysia yang mementingkan hasil penulisan secara jujur, berwibawa dan bertanggungjawab.

**SELAMAT MAJU JAYA**



DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Merangkap  
Pengerusi Majlis Buku Kebangsaan Malaysia



## KANDUNGAN

1. Abdullah Mencari Damai Abadi... 1
2. Teguh Hadapi Cabaran ... 17
3. Mahathir Penuhi Hasrat Ahmad Badawi ... 39
4. Abjadnya Betul, Orangny Lain ... 53
5. Akhirnya Ke Kepala Batas Juga Pulangnya ... 79
6. Lontaran Idea Yang Murni ... 101
7. Jodoh Bertentang Meja ... 121
8. Perjuangan Seorang Ulama ... 141
9. Besarnya Jasa Haji Abdullah Fahim... 155
10. Insan Yang Memenuhi Tuntutan Illahi ... 179








## **ABDULLAH Mencari Damai Abadi**



Selain merupakan hari yang penuh berkat dan penghulu segala hari, Jumaat, 31 Oktober 2003 adalah hari yang amat bersejarah serta besar ertinya kepada negara kita, Malaysia. Ini kerana, pada tarikh tersebut, seluruh dunia menyaksikan proses peralihan pucuk kepimpinan negara ini yang berjalan dengan amat tertib dan penuh harmoni, tanpa dicemari episod perebutan kuasa atau krisis seperti yang berlaku di sesetengah negara.






Pada hari tersebut, yang bersamaan dengan 5 Ramadan 1424 Hijrah, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi atau lebih mesra dengan panggilan Pak Lah, mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mengundur diri secara sukarela setelah menerajui Malaysia dengan cemerlang selama 22 tahun. Sebelum ini, Abdullah adalah Timbalan Perdana Menteri Malaysia, jawatan yang beliau sandang sejak 8 Januari 1999 setelah tidak terisi selama hampir empat bulan.

Abdullah yang bersifat dan berperwatakan sederhana serta berhemah tinggi menerima tanggungjawab untuk meneruskan kesinambungan kepimpinan negara supaya lebih cemerlang, gemilang dan terbilang untuk merealisasikan impian Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Pewaris jati pejuang kemerdekaan negara ini, telah melakar dan mewarnai stail kepimpinannya yang tersendiri, berbanding dengan Perdana Menteri Malaysia sebelum ini. Zuriat ulama ini secara jelas menzahirkan kemurnian jiwanya yang ingin mengembara dalam mencari kedamaian rohani demi memelihara kesucian diri dan mendapatkan keredhaan Illahi sepanjang kepimpinannya.

Hasrat Abdullah ini dinyatakan dengan jelas melalui sajak nukilan beliau yang dideklamasikannya semasa masih menjadi Timbalan Perdana Menteri lagi. Apa yang dicari oleh Abdullah adalah menjadi impian setiap manusia walaupun setiap orang mempunyai tafsiran berbeza mengenainya. Bagi kebanyakan orang, kedamaian adalah suasana



**TAK LEPAS PELUANG ...** Beginilah kebiasaannya sambutan orang ramai yang terasa begitu mesra semasa menemui dan bersalaman dengan Perdana Menteri Ke-5.

tenang dan aman yang dinikmati oleh jiwa serta perasaan apabila bebas daripada sebarang gangguan yang berbentuk fizikal dan emosi. Bagi yang lain pula, kedamaian mempunyai makna yang lebih luas serta merangkumi kehidupan di dunia dan akhirat.

Bagi Abdullah, kedamaian yang beliau cari adalah kedamaian hakiki yang menepati tuntutan jiwa insaniah yang berlandaskan keimanan dan ketakwaan. Kedamaian yang beliau cari juga bukan sesuatu yang bersifat sementara, yakni yang diperlukan semasa hidup di dunia semata-mata, tetapi juga di alam akhirat yang abadi sifatnya.


Impian dan kerinduan Abdullah terhadap kedamaian hakiki dan abadi ini tergambar dengan jelas melalui puisi nukilan beliau yang berjudul "Ku Cari Damai Abadi." Puisi yang sarat dengan falsafah dan hasil pemikiran ini pertama kali beliau deklamasikan pada Malam Puisi Utusan Ke-10 dan membacanya sekali lagi semasa mengakhiri ucapan perasmian Persidangan Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO pada 17 Jun 2003, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

Setiap perkataan serta bait puisi berkenaan mempunyai mesej mendalam bagi mereka yang mementingkan keluhuran dan kebenaran dalam melayari bahtera perjuangan. Ia juga amat relevan bagi seluruh warga UMNO, terutama generasi baru yang sedang berada di dalam bahtera parti yang memperjuangkan kemakmuran tanah air dan maruah bangsa. Di samping itu, puisi tersebut juga bolehlah dianggap sebagai landasan atau hala tuju Abdullah dalam melayari bahtera kehidupan beliau sebagai pemimpin untuk memastikan ia tidak tersesat atau karam dirempuh badai



TERIMA KASIH ... menerima cenderamata berupa sajak hasil karya beliau daripada wakil Wanita UMNO.






kejahilan dan kerakusan, terutama pada zaman yang amat mementingkan kebendaan, pangkat dan kuasa ini.

Besar kemungkinan, puisi yang beliau nukilkan ini adalah berdasarkan segala pengalaman yang telah beliau lalui sepanjang bergiat dalam bidang politik bagi menjelaskan kepada umum betapa beliau bukanlah seorang pejuang yang mementingkan kesenangan atau sanjungan. Sebaliknya, perjuangan beliau selama ini adalah semata-mata untuk mencari keredaan Allah.

Berdasarkan prinsip inilah beliau tidak berputus asa, kecewa atau marah apabila ditimpa musibah semasa berjuang. Itulah sebabnya kekalahan beliau semasa merebut jawatan Naib Presiden UMNO pada 1993 diterima dengan penuh redha. Keputusan Dr. Mahathir menggugurkan beliau daripada Kabinet pada 1987 juga diterima dengan hati terbuka dan tanpa banyak bicara. Beliau sentiasa bersyukur dalam menerima ketentuan Allah s.w.t. kerana yakin bahawa takdir sentiasa mengatasi tadbir, biarpun kadang kala tadbir cuba mengatasi takdir.

Puisi tersebut juga menggambarkan sikap Abdullah yang mempunyai pendirian tersendiri dalam memperjuangkan kepentingan bangsa, negara dan agama Islam yang maha suci. Ia juga mencerminkan keperibadian beliau yang sentiasa mementingkan sifat sederhana dalam segenap perkara dan tidak akan membiarkan pangkat dan kuasa menguasai dirinya kerana ia tidak membawa kepada kedamaian hakiki yang beliau cari dalam kehidupan ini.



Untuk merungkai sedikit sebanyak maksud yang tersirat di dalam puisi berkenaan, marilah kita ikuti dan cuba memahami serta menghayatinya dari baris ke baris.

### Aku cari bukan harta bertimbun-timbun Untuk hidup kaya

Setiap manusia mempunyai angan-angan, cita-cita dan perasaan untuk menikmati kesenangan dalam kehidupan. Kebanyakan mereka berhasrat untuk menjadi kaya-raya dan mempunyai banyak harta. Untuk mencapai matlamat itu, ada antara mereka yang tidak mepedulikan tentang halal atau haram usaha yang dilakukan, asalkan apa yang dihajati menjadi kenyataan.

Bagaimanapun, bagi Abdullah, keutamaan beliau dalam kehidupan bukanlah untuk berusaha bermati-matian atau menggunakan segala pengaruh dan kuasa yang ada untuk mengumpul harta supaya dapat menjalani kehidupan sebagai orang kaya.


Falsafah kehidupan Abdullah ini diperjelaskan lagi dalam rangkap berikutnya yang berbunyi:

### Aku cari bukan wang berjuta-juta untuk hidup bergaya

Melalui rangkap ini, Abdullah menegaskan bahawa beliau juga tidak bersifat tamak dan semata-mata berusaha untuk mengumpul wang


dengan sebanyak mungkin bagi membolehkannya hidup dengan bergaya. Prinsip ini adalah sejajar dengan latar belakang kehidupan beliau sebagai anak kepada Allahyarham Haji Ahmad Badawi dan cucu kepada Allahyarham Haji Abdullah Fahim, dua tokoh agama yang amat disegani semasa hayat mereka.

Pegangan ini juga adalah sejajar dengan didikan agama yang beliau terima daripada mereka dan semasa menuntut di universiti bahawa manusia yang dilalaikan oleh harta benda dan wang ringgit serta kehidupan yang melampaui batas agama, termasuk mengamalkan sikap bermegah-megah dan membazir, akan rugi di dunia dan akhirat.





**MERENUNG JAUH** ... Abdullah Ahmad Badawi sedang merenung masa depan rakyat dan negara dalam usahanya untuk menjadikan mereka cemerlang, gemilang dan terbilang.



Seterusnya, Abdullah menjelaskan bahawa beliau juga amat berhati-hati dalam memilih kawan. Ini bukan bererti beliau memandang pangkat atau darjat keturunan mereka, tetapi lebih kepada akhlak, keikhlasan dan komitmen mereka terhadap kehidupan yang sebenar. Ia juga bukan mereka yang hanya gemar bersuka ria dan tidak serius dalam perjuangan. Sebaliknya, Abdullah mencari mereka yang boleh dijadikan kawan untuk membantu beliau melaksanakan tanggungjawab terhadap agama, bangsa dan tanah air.

Bagi beliau, tujuan manusia dihidupkan di muka bumi ini bukan untuk berfoya-foya tetapi beribadat dan melakukan amal soleh sebagai bekalan menuju akhirat. Alangkah ruginya manusia yang kehidupannya hanya diisi dengan bersuka ria hingga terlupa tanggungjawab masing-masing terhadap agama, bangsa dan tanah air.


Perkara ini terangkum dalam bait yang berbunyi:

*Aku cari bukan kawan-kawan  
Untuk hidup sekadar berfoya-foya*

Bagi mengelak salah faham dan salah tafsir tentang kawan yang menjadi pilihan beliau, Abdullah dengan jelas berkata:

*Aku cari mana dia Al Ghazali  
Aku cari mana dia Al Shafie*

Berdasarkan ungkapan di atas, kawan yang menjadi pilihan beliau,




khususnya dalam perjuangan politik ialah mereka yang bijak dan berpengetahuan dalam hal ehwal agama. Di samping memiliki ilmu agama yang tinggi, kawan yang beliau cari juga terdiri daripada mereka yang baik tingkah laku serta mematuhi perintah Allah dan tidak lokek menyebarkan ilmu kepada orang lain.

Ringkasnya, mereka yang ingin dijadikannya sebagai kawan untuk mentadbir negara dan membela nasib rakyat mestilah memiliki sifat-sifat mulia serta memahami ajaran Islam seperti ulama terkenal, Al Ghazali dan Al Shafie. Kedua-dua ulama ini terkenal kerana ketinggian ilmu dan kefahaman mereka tentang Islam. Dengan memiliki ciri-ciri itu, maka bolehlah mereka membantu beliau untuk melaksanakan amanah yang diberi oleh Allah kepadanya sebagai khalifah di muka bumi ini.

Harapan ini dengan jelas dinyatakan oleh Abdullah dalam bait berikut:

Kita bongkar rahsia kitab suci  
Cari pedoman  
Kita bongkar rahsia Sunnah Nabi  
Cari panduan

Melalui kata-kata yang terkandung dalam bait-bait di atas, Abdullah secara berterus terang menyatakan bahawa prinsip yang menjadi pegangan beliau dalam hidup ini tidak lain dan tidak bukan ialah segala apa yang terkandung dalam kitab suci al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad (S.A.W). Untuk mempraktikkan perkara ini, secara simbolik, beliau sebenarnya mengajak seluruh umat Islam supaya mempelajari




dengan lebih mendalam apa yang terkandung di dalam kedua-dua sumber itu agar mereka tidak mudah disesatkan oleh syaitan dan pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sebagai kitab yang diturunkan oleh Allah, Al-Quran merupakan gedung yang dipenuhi pelbagai khazanah untuk manfaat manusia. Berdasarkan hakikat inilah Abdullah mengajak kita supaya sama-sama membongkar segala rahsia yang terkandung di dalamnya demi kesejahteraan umat Islam sejagat. Beliau juga mengajak kita mengkaji Sunnah Nabi Muhammad (S.A.W) agar kita dapat mengambil manfaat daripadanya selain tidak mudah tertipu dengan Hadis-hadis palsu yang direka oleh musuh Islam untuk melemahkan kedudukan kita.

Dengan menjadikan dua sumber tersebut sebagai pegangannya, Abdullah tidak mudah lupa daratan sekalipun menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan dan berasal dari keluarga baik-baik. Pangkat dan kedudukan bukan menjadi matlamat utama beliau dalam mengharungi kehidupan dunia yang serba-serbi bersifat sementara ini. Apa yang beliau cari dalam hidup ini hanyalah keredhaan Allah dalam apa jua amal serta tindakan yang dilakukan tanpa mengharapkan pujian dan sanjungan manusia. Sifat terpuji yang menjadi label bagi Perdana Menteri Malaysia kelima ini tersimpul dalam bait-bait berikut:

Aku hidup kerana Dia Rabbi  
Dialah teman  
Dialah Wali  
Dia mencukupi



Aku hidup bererti  
Menikmati damai abadi

Demikianlah huraian ringkas sajak berjudul "Ku Cari Damai Abadi" nukilan Perdana Menteri Kelima yang begitu puitis dan kaya dengan falsafah serta penuh simbolik ini. Secara disadari atau tidak, sajak tersebut sebenarnya mencerminkan keluhuran budi, kesantunan peribadi dan ketinggian iman yang beliau miliki. Alangkah bertuahnya rakyat Malaysia dan dunia Islam mempunyai pemimpin seperti beliau. Semoga melalui kebijaksanaan fikiran, ketinggian iman dan keikhlasan hati yang dianugerahkan oleh Allah kepada Abdullah, seluruh rakyat Malaysia dan umat Islam sejagat akan menjadi lebih maju serta dihormati dan digeruni oleh masyarakat antarabangsa.







**DETIK BERSEJARAH ...** Mengangkat sumpah di hadapan Sri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, sebagai Perdana Menteri Yang Ke 5 di Istana Negara.






## 2

### **TEGUH HADAPI CABARAN**




Kekosongan kerusi Timbalan Perdana Menteri berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan UMNO akibat salah laku moral menjadi perhatian pelbagai pihak. Pemerhati dan penganalisis politik berpendapat bahawa Dr. Mahathir memerlukan seorang timbalan yang benar-benar boleh beliau percayai untuk mengisi jawatan itu dengan secepat mungkin. Pendapat ini memang tidak dapat dinafikan kebenarannya memandangkan Dr. Mahathir yang menerajui negara ketika itu berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuk yang datangnya dari kalangan anggota UMNO sendiri.



Walaupun pada permukaannya kedudukan Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO kelihatan tidak begitu tergugat, namun pada hakikatnya, kocakan serta gelombang yang melanda parti itu di peringkat bahagian dan cawangan parti adalah begitu hebat disebabkan oleh pengaruh Anwar Ibrahim yang begitu meluas. Demikian jugalah dalam kerajaan. Kakitangan perkhidmatan awam daripada pelbagai peringkat yang menjadi penyokong Anwar kelihatan hilang pertimbangan dan lupa pada tanggungjawab serta kesetiaan yang patut mereka curahkan kepada kerajaan yang memerintah, tanpa dipengaruhi sebarang sentimen kepartian atau kesetiaan melulu terhadap mana-mana individu. Tenaga pengajar di pusat-pusat pengajian tinggi dan sebahagian besar pemimpin pelajar sendiri yang terpengaruh dengan pelbagai tohmohan dan fitnah liar juga turut hilang pertimbangan dan lupa tanggungjawab mereka yang sebenar.

Berdasarkan senario ini, banyak pihak berpendapat bahawa satu-satunya cara yang boleh meringankan bebanan yang terpaksa dipikul oleh Dr. Mahathir ialah dengan melantik seorang timbalan. Bagaimanapun, seperti yang diketahui umum, Dr. Mahathir adalah pemimpin yang bijaksana dan tidak pernah tergopoh-gapah dalam membuat sesuatu keputusan, apatah lagi keputusan penting yang memberi kesan besar dan berpanjangan kepada negara dan rakyat Malaysia. Malah, apabila ditanya oleh wartawan bilakah beliau akan melantik timbalannya yang baru, Dr. Mahathir berkata beliau belum tergerak hati untuk mempunyai seorang timbalan, termasuk melantik seseorang untuk memangku jawatan tersebut.

Kenyataan Dr. Mahathir ini jelas menunjukkan bahawa beliau tidak




bercadang untuk mempunyai timbalan dalam tempoh terdekat dan sekaligus mencetuskan pelbagai ramalan di kalangan pemerhati politik tentang personaliti yang akan beliau lantik sebagai Timbalan Perdana Menteri suatu hari kelak. Antara nama yang disebut-sebut mempunyai peluang paling cerah untuk dilantik mengisi jawatan tersebut ialah dua orang Naib Presiden UMNO iaitu Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan Abdullah Haji Ahmad Badawi, Ketua Wanita UMNO, Datin Seri Rafidah Aziz, Tun Daim Zainuddin dan Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah.

Bagaimanapun, biar apa jua kriteria yang digunakan oleh para pemerhati dan penganalisis politik dalam membariskan nama-nama tersebut sebagai calon yang berpotensi dan berkemungkinan besar dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, namun satu perkara yang pasti ialah Dr. Mahathir akan memberi keutamaan kepada tokoh yang berakhlak mulia, berdisiplin, menghayati ajaran Islam sebenar dan berpengalaman dalam selok-belok politik tempatan dan antarabangsa.

Setelah meneliti beberapa kenyataan yang dibuat oleh Dr. Mahathir mengenai tokoh yang beliau cari untuk menduduki kerusi Timbalan Perdana Menteri, adalah amat jelas bahawa orang yang bakal dilantik itu tidak lain dan tidak bukan ialah Abdullah Haji Ahmad Badawi kerana beliau memenuhi kriteria dan prasyarat yang ditetapkan oleh Perdana Menteri.

Rekod pencapaian cemerlang yang dicatat oleh Abdullah sepanjang perkhidmatan beliau selama 21 tahun sebagai Ahli Parlimen Kepala Batas, Pulau Pinang dan 36 tahun sebagai ahli UMNO, tidak mudah ditandingi oleh tokoh lain. Pelbagai cabaran dan gelombang yang beliau tempuhi



dalam mengharungi badai kehidupan menjadikan Abdullah pemimpin yang matang dan tidak mudah terpedaya oleh segala macam kerehah serta tipu daya dalam arena politik, termasuk di peringkat antarabangsa.

Dengan berbekalkan keikhlasan, kesabaran dan keyakinan terhadap ketentuan Allah, Abdullah berjaya mengharungi pahit getir dan sepak terajang politik yang tidak pernah memilih mangsanya. Kecemerlangan beliau sebagai pentadbir dan kecekalan, kewibawaan, ketenangan, kematangan serta kebersihan yang beliau tunjukkan sebagai ahli politik serta dengan ketrampilan peribadi yang beliau pamerkan sebagai seorang penganut Islam sejati, memberi markah tertinggi kepada Abdullah berbanding calon lain untuk mengisi jawatan Timbalan Perdana Menteri. Akhirnya, dengan ketentuan Allah jua, beliau dipilih oleh Dr. Mahathir untuk menyandang jawatan tersebut.

Apabila memperkatakan tentang pelantikan Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri, adalah tidak lengkap jika tidak diimbau kembali rentetan sejarah awal pembabitan beliau dalam politik UMNO serta beberapa peristiwa penting yang melibatkan mereka yang pernah menjawat jawatan tersebut. Malah, kejayaan Abdullah untuk terus melangkah dari jawatan Timbalan Perdana Menteri kepada Perdana Menteri itu sendiri merupakan sesuatu yang amat istimewa serta wajar dikupas dengan penuh bijaksana berdasarkan peristiwa hitam yang melanda UMNO pada 1987 serta perhitungan politik yang beliau ambil pada tahun tersebut.

Tahun 1987 menyaksikan parti yang menjadi tonggak perjuangan politik orang Melayu di tanah pusaka nenek moyang mereka ini dilanda satu




**AKRAB ...** Abdullah Ahmad Badawi bersama Tun Dr. Mahathir, Najib Tun Razak dan Tan Sri Yusoff Noor sedang mendengar cerita Tun Sulaiman Ninam Shah (Allahyarham).





**HIDUP UMNO ...** Walaupun usia UMNO sudah menjangkau lebih 58 tahun, namun seruan HIDUP MELAYU dan HIDUP UMNO terus berkumandang. Abdullah Ahmad Badawi meneruskan tradisi laungan keramat ini.



krisis besar yang telah membawa kepada pengharamannya. Krisis yang menjadi titik hitam dalam sejarah negara ini berpunca daripada perasaan tidak puas hati di kalangan beberapa tokoh penting dalam UMNO terhadap gaya kepimpinan dan tindakan-tindakan tertentu yang diambil oleh Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri dan Presiden UMNO. Perasaan tidak puas hati dan penentangan terhadap gaya kepimpinan Dr. Mahathir ini terus merebak dan mewujudkan apa yang dikenali sebagai "Team B" dalam UMNO. Kumpulan yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah ini turut dianggotai beberapa pemimpin kanan UMNO lain termasuk Tan Sri Musa Hitam dan Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Walaupun pada mulanya alasan kumpulan berkenaan menentang Dr. Mahathir ialah kerana tidak bersetuju dengan gaya kepimpinan beliau, tetapi apabila anggotanya menjadi semakin ramai, agenda dan matlamat tokoh-tokoh yang mendokongnya menjadi semakin tersasar. Abdullah, yang ketika itu turut menyertai kumpulan tersebut, mengikuti dengan teliti apa yang sedang berlaku dan mendapati ia telah tersasar daripada perjuangan asal beliau iaitu untuk memelihara keutuhan UMNO.

Apabila mendapati arah tuju Team B kemudiannya lebih menjerus kepada usaha untuk memperjuangkan kepentingan politik individu tertentu, maka Abdullah menarik diri daripada menyokongnya kerana tidak mahu menjadi ahli yang derhaka kepada parti yang pernah diperjuangkan oleh Allahyarham datuknya, Haji Abdullah Fahim dan bapanya, Haji Ahmad Badawi.

Menyedari bahawa jawatan Naib Presiden UMNO yang beliau sandang

ketika itu bukan milik peribadi, tetapi adalah amanah yang diberi oleh ahli untuk memelihara parti itu, maka Abdullah telah keluar daripada kumpulan tersebut dan kembali kepada perjuangan asal iaitu untuk mempertahankan keutuhan parti yang disayanginya. Beliau tidak mahu melihat parti yang menjadi tempat bangsanya bernaung dan rakyat negaranya menumpang teduh dirobek dan dihancurkan akibat perebutan kuasa.

Demikianlah prinsip yang menjadi asas perjuangan Abdullah, zuriat kepada ulama dan pejuang kemerdekaan negara. Beliau sentiasa berpegang teguh kepada prinsip perjuangan UMNO dan bukan kepada agenda politik sesuatu kelompok atau kem yang boleh memecah-belahkan ahli parti, khususnya orang Melayu.


Dalam Perhimpunan Agung UMNO yang berlangsung pada 24 April 1987, Tengku Razaleigh mencabar Dr. Mahathir bagi merebut jawatan Presiden manakala Musa Hitam pula menentang Tun Ghafar Baba bagi jawatan Timbalan Presiden. Dalam pertandingan yang meninggalkan titik hitam dalam sejarah UMNO itu, Dr. Mahathir menang dengan memperolehi 761 undi manakala Ghafar Baba mengalahkan Musa Hitam dengan mendapat 739 undi. Kekalahan yang dialami oleh Tengku Razaleigh dan Musa ini



HIMPUNAN AG  
13HB. DISI  
BERSAMAAN 2



**GANDINGAN MANTAP** ... Abdullah Ahmad Badawi dan Najib Razak merupakan gandingan mantap ketika ini untuk memimpin rakyat dan negara. Turut kelihatan Hishamuddin Hussein yang menjana semangat kental pemuda negara.




menyemarakkan lagi kemarahan dan rasa tidak puas hati penyokong mereka terhadap Dr. Mahathir. Dalam kumpulan yang tidak redha menerima kekalahan ini, lahirlah pula sebuah kumpulan kecil yang dikenali sebagai "Kumpulan 11". Kumpulan inilah kemudiannya yang mengheret UMNO ke mahkamah hingga menyebabkan pendaftaran parti itu diharamkan.

Berbalik kepada Abdullah, kekalahan yang dialami oleh Tengku Razaleigh dan Musa Hitam tidak sedikit pun menjejaskan keyakinan anggota perwakilan terhadap prestasi dan kebolehan beliau. Buktinya, Abdullah telah berjaya mengekalkan jawatan Naib Presiden UMNO dengan memperoleh 879 undi, jumlah kedua tertinggi selepas Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad (bekas Menteri Besar Terengganu) manakala Anwar Ibrahim pula menduduki tempat ketiga. Dua tokoh utama Team B yang turut bertanding bagi merebut kerusi Naib Presiden iaitu Rais Yatim dan Harun Idris (Allahyarham) pula tewas dengan masing-masing mendapat 690 dan 398 undi serta menduduki tempat kelima dan keenam.

Bagaimanapun, kemenangan Abdullah dalam pertandingan tersebut tidak bererti beliau mendapat ganjaran seperti yang lazimnya dinikmati oleh orang lain. Apabila Perdana Menteri mengumumkan rombakan kabinet tidak berapa lama selepas Perhimpunan Agung UMNO berkenaan, Abdullah, yang sebelum itu menyandang jawatan Menteri Pertahanan, telah terkeluar daripada Kabinet baru Dr. Mahathir.

Walaupun beliau akur dengan keputusan yang diambil oleh Dr. Mahathir itu, namun, sebagai manusia, hati dan perasaan beliau sedikit sebanyak




tetap terusik dengan nasib yang menimpanya. Sebagai insan yang membesar dalam keluarga yang mementingkan didikan agama dan diasuh supaya redha menerima ketentuan Allah, maka apa yang menimpa beliau itu dianggap oleh Abdullah sebagai suatu ujian terhadap kesabaran dan keredhaannya dalam menerima ketentuan Ilahi. Kesedaran inilah yang menjadi penawar dan memberi kekuatan kepada Abdullah dalam menghadapi tindakan negatif serta kata-kata nista yang dilemparkan terhadap beliau.

Bagi Abdullah, keputusan Dr. Mahathir menggugurkan beliau sebagai anggota Kabinet merupakan suatu ketentuan Allah untuknya walaupun ada pihak yang menganggap tindakan tersebut diambil kerana penglibatan beliau dalam Team B suatu ketika dulu. Sekalipun tanggapan sedemikian kelihatan ada kebenarannya, namun, dalam hal ini, Abdullah lebih teguh mempercayai bahawa segala apa yang dilaluinya memang sudah tertulis di Luh Mahfuz dan oleh itu, beliau perlu menerimanya dengan penuh redha.

Sejak itu, tercatatlah sejarah dalam kehidupan Abdullah sebagai Naib Presiden UMNO dan bekas Menteri Pelajaran dan Menteri Pertahanan yang tidak mempunyai sebarang jawatan. Beliau merupakan Naib Presiden UMNO yang menganggur, suatu kedudukan yang tidak mudah diterima oleh kebanyakan pemimpin tertinggi parti itu kerana lazimnya, seseorang yang bergelar Naib Presiden UMNO diberi jawatan kanan dalam Kabinet. (sebelum pemilihan 1996).

Walaupun pengalaman yang ditempuh oleh Abdullah begitu pedih dan



menghiris perasaannya, namun, berkat kesabaran dan kepercayaannya yang tidak pernah goyah terhadap qada dan qadar Allah, beliau sentiasa bersikap tenang dan tidak pernah bertindak mengikut perasaan. Walaupun hati beliau agak terluka dengan apa yang dialami, tetapi ini tidak sedikitpun terpamer pada raut wajahnya. Abdullah sentiasa kelihatan ceria dan bersemangat dalam meneruskan perjuangan politiknya.

Seperti yang diketahui umum, politik adalah suatu bidang yang dipenuhi seribu kemungkinan. Politik juga adalah arena yang sering menyaksikan kerapuhan jambatan persahabatan dan medan permusuhan yang kadangkala begitu singkat usianya berbanding dengan apa yang dilihat dan dijangka. Sebagai orang politik, keadaan ini turut dialami oleh Abdullah.


Setelah tersingkir daripada Kabinet, Abdullah kehilangan ramai kawan yang takut untuk berdampingan dengan beliau kerana bimbang kedudukan politik mereka juga akan terjejas. Perkara ini berlaku kerana terdapat suatu gerakan oleh pihak tertentu ketika itu untuk menamatkan kerjaya politik Abdullah dan mereka yang dianggap menjadi sekutu beliau.

Bagaimanapun, seperti kata pepatah, rambut sama hitam tetapi hati lain-lain. Ketika menghadapi gerhana politik ini, Abdullah masih bermasib baik kerana mempunyai sahabat yang terus setia bersama beliau. Kehadiran mereka ini telah memberi semangat kepada beliau untuk terus berjuang dan memberi perkhidmatan kepada rakyat, khususnya orang Melayu dalam menghadapi cabaran dalam segenap bidang kehidupan.



**RENUNGAN BERWAWASAN ...** Sebagai Perdana Menteri, Abdullah Ahmad Badawi sentiasa berfikiran jauh.






Golongan ini terdiri daripada pemimpin parti dan individu yang benar-benar ikhlas dalam bersahabat dengan Abdullah serta yakin bahawa beliau adalah pemimpin yang benar-benar berjuang untuk bangsa, agama dan tanah air.

Sekalipun terpaksa menghadapi pelbagai ranjau dan duri dalam meneruskan perjuangan politiknya, namun Abdullah tidak menyerah kalah atau berputus asa. Dengan berbekalkan ketabahan dan ketakwaan kepada Allah Yang Maha Besar, beliau terus berkhidmat kepada parti, rakyat dan penduduk di kawasan yang diwakilinya dengan sebaik mungkin sekalipun kemampuan ekonomi beliau tidaklah sekukuh yang dimiliki oleh seorang menteri. Sepanjang tempoh tersebut, Abdullah tidak pernah lupa berdoa ke hadrat Allah agar segala khidmat yang beliau curahkan dalam keadaan yang amat terbatas itu dapat membantu dan memberi manfaat kepada rakyat.

Kecekalan dan ketabahan beliau dalam menghadapi cabaran dan dugaan hidup ibarat seorang nelayan kerdil yang tidak pernah berasa gentar dalam mengharungi lautan luas bersama sebuah perahu kecil. Kekuatan yang beliau miliki bukan digerakkan oleh nafsu tamak dan bongkak untuk mencari kedudukan diri tetapi dijana oleh kualiti iman dan akhlak yang tinggi dalam memperjuangkan nasib bangsa dan umat manusia sejagat.

Perjalanan Abdullah sebagai naib presiden parti menjadi bertambah rumit akibat kerenah musuh politik beliau yang mempunyai kedudukan tinggi dalam kerajaan dan parti yang sentiasa mencari jalan untuk melenyapkan pengaruh politik pemimpin yang berjiwa rakyat ini.




Ketika pengaruh Anwar Ibrahim begitu meluas di kalangan ahli UMNO, ketokohan Abdullah hampir terpinggir akibat gelagat negatif sesetengah pihak yang ingin melihat beliau tenggelam dalam arus perdana politik negara. Bagaimanapun, semua ini tidak menggugat keyakinan Abdullah terhadap ketentuan Allah dan beliau sering mengucapkan kata-kata yang berlandaskan ketakwaan setiap kali diajukan pertanyaan mengenai kedudukan beliau dalam parti dan kerajaan.

"Allah amat mengetahui akan diri ana. Kalau takdirnya orang-orang dalam UMNO menolak diri ana, terserahlah kepada Allah, tetapi ana tetap dalam UMNO walau siapapun jadi pemimpinnya," kata beliau apabila ditanya tentang perkara itu.

Jawapan tersebut menunjukkan betapa kukuhnya keyakinan beliau terhadap takdir Allah dan bukannya terhadap tadbir manusia.

Dalam keadaan serba kekurangan akibat tersingkir daripada Kabinet, Abdullah tetap meneruskan tugasnya sebagai Ahli Parlimen Kepala Batas yang memerlukan beliau berulang-alik dengan kapal terbang dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang. Pada masa yang sama, beliau juga perlu menjelajah ke segenap pelosok negara untuk menjalankan tanggungjawab sebagai Naib Presiden UMNO bagi menangani pelbagai urusan parti.

Tidak ramai yang mengetahui bahawa dalam tempoh berkenaan, walaupun berjawatan Naib Presiden UMNO, Abdullah berulang-alik ke sana ke mari hanya dengan menaiki kapal terbang kelas ekonomi. Perkara ini amat menyedihkan setiausaha politik Abdullah ketika itu, Allahyarham




Datuk Abdul Fatah yang berpendapat bahawa kemudahan yang dinikmati oleh pemimpin yang disayangi ramai itu tidak setimpal dengan tanggungjawab yang diamanahkan kepada beliau oleh parti. Bagaimanapun, bagi Abdullah, itu sahajalah kemampuan yang ada pada beliau disebabkan oleh keadaan.

Oleh kerana bersimpati dengan nasib yang menimpa ketua dan sahabat karibnya itu, Abdul Fatah melakukan pelbagai ikhtiar untuk mencari sumber kewangan bagi membiayai Abdullah dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pemimpin yang menduduki barisan tertinggi UMNO. Salah satu langkah yang diambil oleh Abdul Fatah ialah melabur sedikit wang di dalam pasaran saham tertentu. Berkat keikhlasan dan dengan izin Allah jua, usaha beliau ini membuahkan hasil yang mencukupi untuk membantu Abdullah menggunakan kelas pertama semasa menaiki kapal terbang.

Walaupun terkenal sebagai seorang pemimpin dan rakan yang tidak suka menyusahkan orang, namun Abdullah terpaksa menerima pertolongan Abdul Fatah demi menjaga hati sahabat karibnya itu yang beliau kenali hati budinya yang begitu ikhlas. Seperkara lagi yang membuat Abdullah tidak gusar menerima pertolongan Abdul Fatah ialah kerana beliau yakin sahabatnya itu benar-benar tulus dan tidak menaruh niat untuk menagih sebarang pembalasan daripadanya.


Menurut Datuk Kamarulzaman Zainal yang berkhidmat selama lebih kurang 20 tahun sebagai Setiausaha Akhbar Abdullah, dalam tempoh tiga tahun 10 bulan Abdullah tidak memegang sebarang jawatan dalam Kabinet, yang kebetulan sama tempohnya dengan pendudukan Jepun di



**MILIK RAKYAT ...** Abdullah Ahmad Badawi memberi khidmat yang terbaik dan saksama tanpa mengira pangkat atau usia. Inilah sebabnya itu perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri disambut baik oleh semua lapisan masyarakat.

*Tanah Melayu, beberapa individu pernah mendatangi bekas ketuanya itu untuk mengghulurkan bantuan berbentuk wang dan sebagainya.*


*"Tetapi, Pak Lah dengan cara terhormat menyatakan tidak dapat menerimanya sekalipun niat mereka itu ikhlas dan ingin membantu. Pak Lah bimbang dan takut termakan budi yang sukar untuk dibalasnya suatu hati nanti," kata Kamarulzaman.*



Setelah sekian lama tidak memegang sebarang jawatan dalam kerajaan, akhirnya beliau dipelawa menjadi pengerusi Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM). Bagaimanapun, Abdullah menolak tawaran tersebut kerana tidak mahu meninggalkan dunia politik yang sudah sehati dengan jiwanya. Minat Abdullah yang begitu mendalam terhadap politik terbukti apabila beliau sanggup melepaskan jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang disandangnya pada 1978. Sekiranya beliau menerima jawatan sebagai pengerusi syarikat gergasi nasional itu, Abdullah sudah tentu menerima pendapatan lumayan setiap bulan tetapi, pada waktu yang sama juga, kemungkinan besar ia turut mengubah kehidupan beliau daripada seorang ahli politik arus perdana kepada tokoh korporat yang berjaya dan tersohor.

Keputusan Abdullah menolak tawaran tersebut juga mungkin diambil kerana menyedari ia diiringi motif tertentu oleh mereka yang tidak senang dengan kehadirannya dalam barisan tertinggi kepimpinan UMNO. Sebagai ahli politik yang sudah masak dengan asam garam kehidupan, beliau dapat menghidu niat jahat mereka yang tidak mahu melihat beliau memperoleh kedudukan yang lebih tinggi dalam parti suatu hari nanti. Menurut perkiraan golongan ini, sekiranya dibiarkan Abdullah terus bergiat dalam politik, peluang mereka untuk memegang jawatan tertinggi dalam parti itu akan terhalang kerana tidak mampu mengatasi ciri-ciri istimewa yang dimiliki oleh Abdullah.

Semasa kehilangan jawatan menteri, Abdullah juga kehilangan ramai kawan. Apa yang lebih menyedihkan ialah mereka yang sebelum ini dianggap kawan oleh Abdullah, turut memandang rendah terhadap beliau. Malah, dalam satu kejadian semasa Abdullah pulang melawat




kawasan parlimen yang diwakilinya, ada antara mereka yang secara terang-terangan tidak lagi menghormatinya dengan bertanya: "Bila hang nak balik lagi?"

Di utara Semenanjung, perkataan "hang" adalah ganti nama bagi orang biasa yang bermaksud engkau atau awak. Ia tidak manis digunakan terhadap seseorang yang lebih berumur atau berpangkat. Perkataan tersebut selalunya digunakan dalam perbualan biasa antara rakan sebaya dan dianggap kasar jika digunakan terhadap seseorang yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat.

Sekalipun perkataan yang digunakan itu sedikit sebanyak menghina maruah beliau, namun Abdullah tetap menerimanya dengan senyuman sambil menjawab dengan tertib: "Insya Allah saya akan balik lagi".

Paling menyedihkan ialah apabila ada di kalangan tokoh UMNO Pulau Pinang sendiri yang tidak lagi menganggap atau melayan Abdullah sebagai pemimpin yang patut dihormati semata-mata kerana beliau tidak lagi berjawatan menteri. Pernah terjadi, apabila diajak menyambut ketibaan beliau dari Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang, salah seorang daripada mereka sanggup mengeluarkan kata-kata: "Sambut buat apa, dah jadi mayat hidup".

Sebenarnya, apa yang ingin diperkatakan di sini mengenai kisah tersebut ialah sikap buruk segelintir manusia yang tidak ikhlas dalam persahabatan dan hanya menghormati seseorang kerana kedudukan dan pangkatnya semata-mata.



Bagaimanapun, bagi Abdullah, semua ini berupa rahmat Allah kepadanya kerana, mungkin, dengan cara itu, beliau lebih mudah mengenali hati budi mereka yang selama ini mengaku sebagai rakannya. Melalui ujian itu juga, Abdullah mengetahui siapakah yang ikhlas terhadap beliau dan siapa pula yang bersifat munafik. Sebagai insan yang terasuh dengan didikan agama, Abdullah tidak pernah membalas layanan buruk yang diterimanya itu dengan mengeluarkan kata-kata kesat atau menunjukkan kemarahan apabila bertemu orang terbabit. Sifat beliau yang terpuji inilah yang membuat mereka yang bersalah dan bermusuhan dengannya sering didera oleh perasaan sendiri.

Namun demikian, Abdullah juga tidak miskin daripada segi sahabat yang terus menerima beliau biar dalam apa jua keadaan sekalipun. Mereka inilah yang banyak memberi kekuatan, keyakinan dan kegembiraan kepada beliau dalam meniti perjuangan yang begitu mencabar ketika terpinggir dari laluan kuasa. Mereka ini jugalah yang terus menghargai sumbangan dan kebolehan Abdullah serta sering mengunjungi beliau di pejabatnya di Bangunan Pernas, Jalan Raja Laut untuk berbincang atau mendapatkan nasihat tentang pelbagai perkara.



**SENTIASA CERIA ...** Wajahnya yang sentiasa tersenyum apabila berhadapan dengan orang ramai menjadikan Abdullah Ahmad Badawi disenangi rakyat.







## **MAHATHIR PENUHI HASRAT AHMAD BADAWI**



Setelah sekian lama menjadi naib Presiden UMNO yang tidak berjawatan menteri, Abdullah telah dipelawa oleh adik beliau, Ibrahim Ahmad Badawi untuk menjadi pengerusi syarikatnya, Dewani Industries. Sebenarnya kesanggupan Abdullah menerima pelawaan tersebut bukanlah kerana ingin mempunyai pendapatan lumayan bagi membolehkan beliau hidup setanding dengan seorang menteri, tetapi lebih bertujuan membantu memperkukuhkan lagi syarikat milik adik kandungnya itu dengan pengalaman serta ilmu yang beliau miliki.




Bagaimanapun, tindakan beliau menerima pelawaan adiknya itu turut menimbulkan tohmahan di kalangan sesetengah pihak, terutama mereka yang mementingkan keuntungan harta benda bahawa beliau dihimpit masalah kewangan dan oleh itu tiada apa lagi yang boleh diharapkan daripadanya. Tidak kurang juga yang membuat kesimpulan bahawa tujuan Abdullah menerima jawatan tersebut ialah untuk membolehkan beliau meneruskan cara hidup sebagai seorang menteri yang dilimpahi kemewahan.

Sebenarnya, walaupun tidak bergelar menteri, Abdullah tidak menghadapi masalah untuk menyara keluarganya kerana beliau telah beringat sejak awal lagi untuk menghadapi sebarang kemungkinan sebagai orang politik. Lagipun, beliau tidak memerlukan pendapatan yang terlalu besar untuk menyara kehidupan kerana pemimpin yang terkenal kerana keramahannya ini mengamalkan kesederhanaan dalam serba-serbi, termasuklah dalam menjalani kehidupan harian.

Apa yang dipaparkan di atas hanyalah sebahagian kecil daripada episod kehidupan dan rentetan pengalaman yang mewarnai dunia politik Abdullah sebelum bergelar Perdana Menteri Malaysia Kelima. Sebagai tokoh yang telah lama terlibat dengan gerakan politik tanah air, pelbagai kisah suka duka telah beliau alami. Pengalaman ini ternyata amat berguna bagi beliau dalam memimpin rakyat dan negara ke arah menuju masa depan yang penuh berliku pada era globalisasi ini.

Antara perkara menarik dan mungkin juga tidak diketahui umum tentang Abdullah ialah kisah atau sebab yang tersirat di sebalik pelantikan beliau sebagai Menteri Pertahanan. Kisah eksklusif ini tersimpan rapi dalam kubu ingatan Datuk Haji Md. Noor Ahmad, bekas setiausaha UMNO Bahagian Kepala Batas, yang pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan



Tasek Gelugur dari 1974 hingga 1986 dan Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat. Kisah ini berlaku pada tahun 1973 iaitu semasa Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein menjadi Perdana Menteri Malaysia.


Menurut Md. Noor, suatu hari, semasa beliau berada di rumah Allahyarham Haji Ahmad Badawi, telefon yang terletak di hadapannya berdering dan beliau pun menjawabnya. Setelah memberi salam, pemanggil menyatakan ingin bercakap dengan Ayah Haji iaitu gelaran bagi Ahmad Badawi. Permintaan itu segera beliau tunaikan dengan menyerahkan gagang telefon kepada Ustaz (panggilan biasa beliau terhadap Ahmad Badawi).

Semasa bercakap melalui telefon, Md. Noor mendengar Ahmad Badawi berkata, "Boleh, boleh, boleh...haa boleh." Seketika kemudian, Ahmad Badawi menyambung dengan berkata, "Tak apalah, ikan saya belilah."

Runtunan perasaan ingin tahu yang sukar dibendung membuatkan Md. Noor tidak sabar untuk mengetahui siapakah yang bercakap dengan Ahmad Badawi itu. Sebaik sahaja beliau selesai bercakap, Md. Noor terus bertanya Ahmad Badawi siapakah pemanggil tadi.

Ahmad Badawi menjawab pertanyaan itu dengan berkata: "Datuk Dollah Ahmad (sekarang Tan Sri) beritahu, Datuk Abdul Razak nak datang jumpa kita. Nak makan tengah hari."

Mendengar jawapan itu Md. Noor mengangguk tanda memahami apa yang diperkatakan oleh Ahmad Badawi sambil hatinya berkata tentu ada perkara besar yang menyebabkan Abdul Razak sanggup datang dari Kuala Lumpur ke rumah rakannya di Kepala Batas itu.



Sejurus kemudian, Ahmad Badawi berkata, "Tak apa, tak apa, ikan baru saya beli di Kuala Muda dan awak, Noor, saya minta tolong carikan udang galah," sambil menghulurkan RM60.00 kepada Md. Noor.

Ahmad Badawi juga meminta supaya Md. Noor datang sebelum pukul 12.30 tengah hari keesokan harinya untuk bersama mendengar apakah hajat yang hendak disampaikan oleh Abdul Razak.

Kira-kira pada pukul 12.20 tengah hari pada hari yang dimaksudkan, sebuah teksi yang dipandu oleh lelaki berbangsa India berhenti di hadapan rumah Ahmad Badawi. Pemimpin UMNO Kepala Batas itu dan Md. Noor tertanya-tanya siapakah pula yang datang itu sedangkan mereka mempunyai temu janji dengan Abdul Razak. Ini bukanlah bererti Ahmad Badawi memilih tetamu, tetapi jika boleh, beliau tidak mahu mana-mana tetamunya berasa kurang selesa atau kurang diberi layanan apabila mereka berkunjung ke rumahnya pada masa serentak.

Pertanyaan yang bermain di benak kedua-dua orang yang menunggu ketibaan tetamu kehormat itu terjawab apabila melihat Abdul Razak yang berbaju batik, bersama Dr. Mahathir Mohamad, turun dari teksi. Mereka terkejut kerana tidak menyangka seorang Perdana Menteri sanggup menaiki teksi untuk datang ke rumah seorang wakil rakyat (ADUN) tanpa diiringi pengawal peribadi dan pengiring bermotorsikal.


Setelah saling bersalam-salaman dan bertanya khabar, kedua-dua tetamu kehormat itu dipelawa oleh Ahmad Badawi untuk masuk ke rumahnya. Selepas beberapa ketika, Abdul Razak memecah kesunyian dengan berkata, "Tuan Haji, saya datang ni membawa hajat yang amat besar dan apa yang saya hajat ini Tuan Haji terimalah. Saya dah pergi ke Balik Pulau



**RAKAMAN BERSEJARAH ...** Haji Ahmad Badawi bersama Allahyarham Tun Saadon  
Haji Zubir



**MASIH DIKUNJUNGI ...** rumah bersejarah peninggalan Tuan Guru Haji Abdullah Fahim di Kepala Batas yang telah dibaik pulih dan dijadikan rumah UMNO.



dan ke Permatang Pauh. Untuk Permatang Pauh dan Balik Pulau kedua-dua tempat itu tidak sesuai. Jadi, untuk kawasan ini sesuai."

Oleh kerana kurang jelas mengenai maksud sebenar apa yang dikatakan oleh Abdul Razak itu, maka Ahmad Badawi bertanya kepada beliau apakah yang dimaksudkan dengan sesuai atau tidak itu.

Abdul Razak menjawab : "Saya hendakkan khidmat Encik Sofie Haji Ibrahim (Allahyarham Datuk), jadi hajat besar saya itu ialah supaya Tuan Haji terima Sofie, sebab saya perlukan fikiran dia dan kerja-kerjanya di kawasan ini. Jadi, untuk calon Kepala Batas dalam pilihan raya akan datang, saya nak letak Sofie".


Sebaik sahaja mendengar penjelasan Abdul Razak mengenai hajatnya itu, Ahmad Badawi menoleh kepada Md. Noor dan bertanya pendapatnya tentang perkara tersebut. Md. Noor sekadar mengangguk sebagai tanda beliau menurut sahaja apa yang diputuskan oleh ketuanya itu.

Setelah melihat reaksi positif yang diberi oleh Md. Noor, Ahmad Badawi berkata kepada Abdul Razak: "Kalau sudah begitu hajat Datuk, saya terimalah, tapi Datuk, kalau payah sangat, beri kat sayalah, tapi syarat."

Abdul Razak segera mencelah percakapan Ahmad Badawi itu dengan bertanya: "Syarat apa tu?".

"Beri saya jadi Menteri Pertahanan kerana saya nak hidupkan balik Kumpulan 36 (Kumpulan yang memperkasakan Pemuda UMNO)," jawab Ahmad Badawi.





Abdul Razak kelihatan agak terkejut mendengar syarat yang diberi oleh Ahmad Badawi itu. Bagaimanapun, bagi meredakan perasaan kurang selesa yang dialami oleh Abdul Razak ketika itu seperti yang terpamer pada air mukanya, Ahmad Badawi segera berkata, "Lawak aja tu, Datuk!".


Mendengar kata-kata Ahmad Badawi itu, mereka berempat pun ketawa.

Setelah selesai perbincangan, kesemua mereka menjamu selera dengan menikmati pelbagai lauk-pauk yang dimasak istimewa untuk hidangan seorang Perdana Menteri.

Menurut Md. Noor, semasa mula menikmati hidangan yang disajikan, Abdul Razak mengambil seekor udang dan memotongnya kepada dua bahagian. Satu daripadanya pula dipotong dua, satu diberi kepada Dr. Mahathir dan satu lagi untuk beliau.

Jika dilihat sekali imbas, tiada apa yang istimewanya tentang perbuatan Abdul Razak ini. Tetapi, jika dihalusi dan direnung secara makrifat, perbuatan beliau mencerminkan sikap para pemimpin Melayu sebelum ini yang tidak gelojoh, tamak atau pemboros dan masih tahu beradab sopan sekalipun memegang jawatan tinggi. Sikap inilah juga yang perlu ada bukan sahaja pada pemimpin sekarang, malah di kalangan generasi baru pelbagai kaum di negara ini untuk menjamin keharmonian sesama mereka sentiasa terpelihara.

Tidak berapa lama selepas menjamu selera, Abdul Razak meminta diri untuk pulang. Ahmad Badawi menghantar Abdul Razak dan Dr. Mahathir dengan keretanya ke Lapangan Terbang Bayan Lepas untuk pulang ke Kuala Lumpur.



Sungguhpun permintaan Ahmad Badawi kepada Abdul Razak agar beliau dilantik sebagai Menteri Pertahanan dibuat secara berjenaka, tetapi hasrat yang disampaikan oleh bapa Abdullah itu mungkin dianggap oleh Dr. Mahathir sebagai permintaan ikhlas seorang ulama yang semangat juangnya masih kental sekalipun tidak lagi menjadi pemimpin Pemuda UMNO. Barangkali, itulah sebabnya apabila beliau menjadi Perdana Menteri, Dr. Mahathir memenuhi hasrat pejuang kemerdekaan yang tidak kesampaian itu dengan melantik anaknya, Abdullah, sebagai Menteri Pertahanan.


Bagaimanapun, mereka yang tidak mengetahui kisah kunjungan Abdul Razak ke rumah Ahmad Badawi itu menganggap pertukaran Abdullah daripada portfolio pendidikan kepada pertahanan sebagai tindakan turun pangkat bagi beliau. Ini kerana, menurut kebiasaan, seseorang yang dilantik sebagai Menteri Pendidikan, bakal menjadi Perdana Menteri. Perkara ini berlaku kepada Abdul Razak, Hussein Onn dan Dr. Mahathir Mohamad.

Namun, biar apapun penilaian orang, Abdullah menerima pertukaran itu dengan hati terbuka kerana berpendapat, sebagai ketua, Dr. Mahathir tentunya mempunyai alasan kukuh untuk berbuat demikian dan sebagai orang bawahan pula, beliau perlu patuh kepada arahan dan menunaikan tanggungjawab yang diberi dengan penuh amanah dan kesungguhan.

Berita mengenai pertukaran jawatan Abdullah itu tersiar di semua akhbar. Selepas membaca berita berkenaan di akhbar, Md. Noor terus pergi menemui ibu Abdullah, Datuk Hajjah Khailan Hassan (Allahyarham) serta menasihati beliau supaya bertenang dan jangan mempercayai cerita yang bukan-bukan.



**GAGAH DAN BERDISIPLIN ...** Abdullah Ahmad Badawi yang pernah memegang jawatan Menteri Pertahanan sedang memeriksa Barisan kehormatan.




"Mak Cik tengok ni, ingat tak apa yang diminta oleh Allahyarham Ustaz (Haji Ahmad Badawi) semasa kunjungan Tun Razak bersama Dr. Mahathir di rumah ini dulu?", kata Md. Noor kepada Hajjah Khailan untuk mengembalikan ingatannya kepada permintaan secara bergurau yang pernah dibuat oleh Allahyarham suaminya kepada Abdul Razak supaya melantik beliau (Ahmad Badawi) menjadi Menteri Pertahanan.

Mendengar penjelasan Md. Noor, ibu Abdullah mengangguk tanda memahami kenapa anak kesayangannya itu ditukar menjadi Menteri Pertahanan. Walaupun cakap-cakap yang kurang enak mengenai pertukaran portfolio Abdullah itu sampai ke telinga beliau, namun Hajjah Khailan tidak menghiraukannya kerana beliau tahu orang yang bercakap mengenainya tidak mengetahui cerita sebenar di sebalik apa yang berlaku.

Pada hari yang sama, Md. Noor terus berlepas ke Kuala Lumpur untuk menemui Abdullah di rumah beliau. Harapannya yang berkobar-kobar untuk segera menemui Ahli Parlimen Kepala Batas itu tidak terlaksana kerana Abdullah masih belum pulang dari Kelantan. Bagaimanapun, tidak lama kemudian, Abdullah pun sampai dan setelah memberi peluang kepada beliau untuk berehat seketika dan mengerjakan solat, Md. Noor menemuinya dan menghulurkan akhbar yang beliau bawa dari Pulau Pinang. Md. Noor memberitahu anak rakan baiknya itu bahawa kedatangan beliau hanyalah untuk bertanya sama ada Abdullah sedar tentang berita yang tersiar dalam semua akhbar utama pada hari itu.

Abdullah mengatakan yang beliau tidak tahu tentang berita tersebut, termasuklah kisah yang mungkin tersembunyi di sebaliknya. Mendengar perkara itu, Md. Noor menerangkan kepada beliau apa sebenarnya yang



tersembunyi di sebalik pertukaran jawatan beliau sebagai Menteri Pertahanan itu serta kaitannya dengan kunjungan Abdul Razak serta Dr. Mahathir Mohamad ke rumah orang tuanya di Kepala Batas menjelang pilihan raya umum 1974.

Md. Noor juga berkata, sungguhpun cakap babanya (panggilan Abdullah kepada bapanya) itu secara berseloroh, tetapi mungkin bagi Dr. Mahathir, ia adalah hasrat yang perlu disempurnakan sekalipun tidak sempat kepada bapa, tetapi memadai ditunaikan kepada anaknya.

Apabila Abdullah tersingkir daripada Kabinet selepas Perhimpunan Agung UMNO 1987, para pemerhati politik membuat kesimpulan bahawa beliau mengalami nasib yang sama seperti Musa Hitam yang tidak berpeluang menjadi Perdana Menteri sekalipun pernah memegang jawatan Menteri Pelajaran.

Bagaimanapun, segala andaian dan ramalan mengenai Abdullah meleset kerana seperti yang terbukti sekarang, beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia selepas Dr. Mahathir.

Mungkin, apa yang membuat Abdullah berjaya sampai ke kemuncak perjuangan politiknya ialah sikap beliau yang berdisiplin, ikhlas dan sabar dalam perjuangan serta tidak melupakan peranan takdir dalam kehidupan manusia.

Sifat tidak mudah merajuk, tidak berkecil hati dan berdendam inilah yang membuat Dr. Mahathir tertarik untuk memilih Abdullah yang mempunyai moral yang tinggi sebagai pengganti beliau.



**CONTOH ANAK SOLEH** ... walau apa pun jawatan yang diterima oleh Abdullah, beliau mesti pulang untuk memohon restu ibu semasa hayatnya.





## ABJADNYA BETUL, ORANGNYA LAIN



Perdana Menteri Abdullah Haji Ahmad Badawi bukan orang baru dalam arena politik Malaysia. Beliau bukan sahaja menyaksikan, malah turut terlibat dalam pelbagai peristiwa politik, baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa semasa berkhidmat dengan kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan empat Perdana Menteri, daripada Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj pada tahun 1964, hinggalah ke zaman Dr. Mahathir Mohamad yang berakhir pada Oktober 2003.








Sebelum aktif berpolitik, Abdullah Ahmad Badawi (kiri sekali) berkhidmat sebagai pegawai Kerajaan yang telah diberi kepercayaan untuk memikul tanggungjawab berat bersama-sama beberapa menteri lain seperti Tun Sambathan (4 dari kiri) dan Tun Dr. Ismail (5 dari kiri) dan di bawah pimpinan Tun Abdul Razak semasa negara dikejutkan dengan peristiwa 13 Mei 1969.

*Beliau memulakan kerjaya dengan kerajaan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) hingga menyandang jawatan Penolong Ketua Setiausaha di Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum meletakkan jawatan untuk bergerak aktif dalam politik dan bertanding dalam pilihan raya umum 1978. Berbekalkan pengalaman yang begitu lama dalam parti politik pemerintah, Abdullah sudah tentu mempunyai pelbagai idea bernas untuk dilaksanakan bagi membawa negara ke tahap pencapaian yang dihajatnya iaitu cemerlang, gemilang dan terbilang.*




Walaupun telah lama berkecimpung dalam bidang politik, namun, berdasarkan perjalanan politik beliau sebelum ini, tidak ramai yang menyangka Abdullah akan menggantikan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia. Menurut hukum adat, orang yang sepatutnya menggantikan Dr. Mahathir ialah Musa Hitam yang pernah berkhidmat sebagai Timbalan Perdana Menteri pertama di bawah kepimpinan Dr. Mahathir. Bagaimanapun, perkara ini tidak berlaku apabila Musa mengundur diri dan meletakkan semua jawatan yang disandangnya dalam Kerajaan dan UMNO.



Apabila Musa berundur, Dr. Mahathir melantik Ghafar Baba sebagai timbalan beliau. Malangnya Ghafar juga tidak kekal lama kerana hatinya tersinggung apabila Anwar Ibrahim mencabar kedudukan beliau sebagai timbalan presiden parti pada Perhimpunan Agung UMNO 1993. Berikutan penarikan diri Ghafar Baba daripada mempertahankan kedudukan sebagai pemimpin kedua tertinggi dalam UMNO, Anwar diisytiharkan menang tanpa bertanding dan seterusnya dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Apabila Anwar menjadi Timbalan Perdana Menteri, ramailah yang semakin percaya tentang kebenaran teori "Rahman" iaitu abjad R merujuk kepada Rahman (Tunku Abdul Rahman), A, Abdul Razak (Abdul Razak Hussein), H, Hussein (Hussein Onn), M, Mahathir dan A, Anwar iaitu Anwar Ibrahim. Menurut teori ini, huruf yang terkandung dalam perkataan "Rahman" merupakan huruf pangkal dalam ejaan nama mereka yang menjadi Perdana Menteri Malaysia. Demikianlah betapa sesatnya sesetengah rakyat Malaysia, termasuk orang Melayu, akibat terlalu taksub kepada ramalan dan individu tertentu sehingga terlupa mengenai salah satu Rukun Iman iaitu kepercayaan kepada Qada dan Qadar.

Lima tahun kemudian, kepercayaan bahawa abjad A selepas abjad M yang terdapat dalam perkataan "RAHMAN" bermaksud Anwar ternyata tidak benar apabila bekas Perdana Menteri itu tersingkir daripada jawatannya kerana salah laku moral. Beliau dilucutkan jawatan tersebut pada 1 September 1998 dan dalam mesyuarat tergempar pada malam hari tersebut, Majlis Tertinggi UMNO membuat keputusan memecat Anwar daripada parti itu.



Berikutan peristiwa tersebut, kerusi nombor dua tertinggi dalam kerajaan dan UMNO sekali lagi mengalami kekosongan. Begitulah panasnya kerusi nombor dua dalam parti itu yang lazimnya menjanjikan jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Berikutan kekosongan kerusi nombor dua itu, kebanyakan penganalisis dan pemerhati politik meramalkan bahawa tokoh yang akan mengisinya ialah Menteri Luar ketika itu, Abdullah Haji Ahmad Badawi, yang juga menduduki tempat kedua dalam barisan Naib Presiden UMNO. Andaian dan ramalan mereka adalah berdasarkan kenyataan Dr. Mahathir semasa melawat kawasan pilihan raya beliau di Kubang Pasu, Kedah pada Oktober 1998 bahawa pengganti beliau tidak semestinya seorang yang terlalu warak tetapi mestilah bersih, bukan setakat daripada segi perlakuan, tetapi juga peribadinya.

Kenyataan Dr. Mahathir ini adalah seiring dengan apa yang beliau katakan pada akhir ucapan dasar presiden pada Perhimpunan Agung UMNO 1996 yang seolah-olah membayangkan kepada para perwakilan bahawa tokoh yang beliau kehendaki bagi membarisi kepimpinan parti itu mestilah memiliki sifat-sifat seperti yang ada pada diri Abdullah yang terkenal dengan gelaran "Mr. Clean dan Mr. Nice Guy" itu. Gelaran tersebut diberi kepada Abdullah kerana beliau tidak pernah dikaitkan dengan sebarang penyelewengan atau politik wang. Apa yang diandaikan ini menjadi kenyataan apabila beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 8 Januari 1999.

Ucapan dasar presiden yang disampaikan oleh Dr. Mahathir yang begitu klasik pada perhimpunan tersebut sememangnya ditunggu-tunggu oleh

para perwakilan untuk mendengar curahan isi hati beliau mengenai isu-isu besar yang melanda parti mereka. Dalam suasana sepi yang memenuhi setiap ruang Dewan Merdeka, Dr. Mahathir menyampaikan nasihat yang amat penting kepada para perwakilan dan umat Melayu dengan berkata: "Sebagai orang Melayu, sebagai Bumiputera, sebagai pencinta bangsa, agama dan negara, saya menyeru para perwakilan supaya menolak semua calon yang sudah menghulurkan rasuah dalam apa juga bentuk, termasuk mereka yang berkempen sesudah ia dilarang. Tolak dan tumbangkan mereka sebelum mereka menubuhkan parti kita yang tercinta ini, sebelum mereka menggagalkan gerakan reformasi kita yang bermatlamat mewujudkan tamadun Melayu/Bumiputera baru.

"Tolak mereka semua. Jangan kira kawan atau rakan. Kesetiaan kepada kawan yang tidak bermoral akan menghancurkan perjuangan bangsa dan negara. Sampaikan kepada mereka mesej yang jelas - UMNO tidak mempunyai tempat bagi pemimpin yang rasuah.

"Singkirkan mereka kerana bangsa, agama dan negara, kerana masa depan kita. Tidak akan rugi, tidak akan lemah parti kita jika mereka yang korup tidak ada di kalangan pemimpin parti kita. Sebaliknya kita akan menjadi lebih kuat dan kita akan dapat menguruskan parti kita, perjuangan kita dengan baik dengan jayanya, InsyaAllah.

"Sayangi parti, sayangi bangsa, sayangilah agama dan sayangilah negara. Saya berdoa semua yang akan mengundi pada hari ini mengundi dengan hati yang bersih dengan mengingati Allah. InsyaAllah, dengan berbuat demikian, akan terpeliharalah kita, akan terselamatlah perjuangan kita untuk bangsa, agama dan negara, untuk menegakkan




**SYUKUR ALHAMDULILLAH ...** pemilihan Mr. Clean atau Mr. Nice Guy, Abdullah Ahmad Badawi sebagai pemimpin negara adalah satu rahmat kepada rakyat Malaysia.

tamadun Melayu dan Islam abad ke-21. Dan akan tertebuslah maruah bangsa."

Memahami apa yang tersirat di lubuk hati Presiden yang dihormati dan disayangi itu, para perwakilan telah memilih Abdullah untuk kembali menduduki kerusi Naib Presiden. Bekas setiausaha politik Dr. Mahathir, Datuk Abdul Aziz Haji Shamsuddin pernah menceritakan kepada penulis bahawa selepas Abdullah diumumkan memenangi kerusi tersebut, beliau menemui Dr. Mahathir dan mengucapkan tahniah di atas ucapan dasar beliau yang begitu bernas dan berkesan selaku presiden parti. Menurut Abdul Aziz, Dr. Mahathir berkata beliau memerlukan pemimpin seperti Abdullah kerana Abdullah merupakan seorang yang berakhlak mulia, beragama, berhemah dan bersih daripada politik wang. Sesungguhnya, apa yang ada pada diri Perdana Menteri kelima ini amat sukar didapati pada kebanyakan individu lain.

Sebenarnya, perlantikan Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri keempat di bawah kepimpinan Dr. Mahathir bukanlah secara mutlak ditentukan oleh Dr. Mahathir kerana jawatan Perdana Menteri yang disandang Dr. Mahathir itu sendiri merupakan pemberian Allah s.w.t kepada hambaNya yang terpilih. Berdasarkan kepada hakikat ini, manusia patut insaf bahawa mereka tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menentukan sesuatu jawatan itu menjadi milik sesiapa kerana yang menentukannya ialah Allah s.w.t yang memiliki segala kebebasan dan kuasa untuk memberinya kepada sesiapa jua yang dikehendakinya.

Walaupun pada zahirnya ketiga-tiga Timbalan Perdana Menteri sebelum Abdullah merupakan tokoh yang kelihatan berwibawa dan berkarisma,



**SAHABAT SEJATI ...** Abdullah Ahmad Badawi bersama Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsudin.



tetapi, pada hakikatnya mereka bukanlah insan atau tokoh yang dikehendaki Allah untuk menjadi pemimpin utama Malaysia yang mempunyai rakyat pelbagai kaum dan agama. Allah lebih mengetahui segala rahsia alam berbanding makhluk ciptaanNya dan Dia jugalah yang berhak mengatur kehidupan seluruh hambanya.


Itulah sebabnya, sekalipun bekas Timbalan Perdana Menteri, Musa Hitam suatu masa dulu diyakini ramai akan menjadi Perdana Menteri selepas Dr. Mahathir terutama disebabkan oleh keakraban dan kecocokan mereka hingga diberi gelaran 2M, namun ia tidak menjadi kenyataan. Begitu juga dengan Ghafar Baba, seorang lagi bekas Timbalan Perdana Menteri yang tidak berpeluang menjadi Perdana Menteri Malaysia selepas Dr. Mahathir disebabkan oleh perkara-perkara yang tidak memungkinkan beliau menyandang jawatan itu.

Seterusnya, Anwar Ibrahim yang disebut-sebut oleh ramai pemerhati politik tempatan dan antarabangsa sebagai tokoh yang paling tepat untuk menggantikan Dr. Mahathir, akhirnya tidak juga memperoleh jawatan itu berikutan sebab-sebab tertentu yang mencatat titik hitam dalam sejarah politik negara.

Kesemua ini menunjukkan kepada manusia betapa kuasa dan jawatan merupakan pemberian Allah kepada sesiapa yang dikehendakinya dan mereka tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengangkat seseorang sebagai pemimpin tanpa izinNya. Ini juga menunjukkan bahawa biar sehebat atau sebijak mana sekalipun manusia membuat sesuatu perancangan, tetapi jika ia tidak diizinkan Allah, usahlah diharapkan ia menjadi kenyataan.



**HARMONI ...** Abdullah Ahmad Badawi tunduk mendengar sesuatu yang diperkatakan oleh Tan Sri Muhammad Muhd. Taib manakala Najib Tun Razak bersama-sama Ghafar Baba, Wan Mokhtar (dua dari kanan) dan Rafidah Aziz sedang berbual sesuatu.



Dengan kehendak Allah jua, pada Perhimpunan Agung UMNO 1990, Abdullah sekali lagi berjaya mengekalkan jawatan naib presiden dan dengan kemenangan itu beliau diambil semula oleh Dr. Mahathir menganggotai kabinetnya dengan diberi jawatan Menteri Luar.

Di sebalik sifat sederhananya, Abdullah memiliki ciri-ciri istimewa sebagai pemimpin yang mampu mengemudi sesebuah kementerian dengan cemerlang. Beliau juga adalah pemimpin yang sentiasa memikirkan kebajikan orang yang dipimpin.


Sebagai Menteri Luar, Abdullah perlu sering ke luar negara dan ini menyebabkan beliau tidak mempunyai banyak masa untuk melawat kawasan yang diwakilinya dan mendampingi rakan-rakan serta pemimpin politik di peringkat bahagian dan negeri. Dalam erti kata lain, jawatan Menteri Luar dilihat boleh mengurangkan penonjolan dan pengaruh politiknya di kalangan pemimpin dan anggota akar umbi parti.

Bagaimanapun, bagi Abdullah, apa yang lebih penting ialah menumpukan perhatian terhadap tugasnya seperti yang diamanahkan oleh Perdana Menteri dan parti. Kebetulan pula, beliau tidak mempunyai banyak masa untuk memikirkan tentang politik peribadinya apabila terpaksa menangani isu perang saudara di Bosnia Herzegovina yang menyaksikan umat Islam dibunuh dan diperlakukan secara kejam oleh puak Serb. Sebagai Menteri Luar, perkara ini sudah tentu menuntut perhatian dan penglibatan beliau dalam menangani konflik yang mempunyai kesan terhadap politik antarabangsa.

Sebagai negara Islam dan anggota OIC, Malaysia amat tersentuh dengan



**KEMBALI BERKHIDMAT ...** menerima watakah perlantikan sebagai Menteri Luar daripada Yang di-Pertuan Agong Raja Azlan Shah,




apa yang berlaku terhadap umat Islam di Bosnia Herzegovina serta di beberapa negara Islam lain angkara percaturan politik kuasa-kuasa besar yang kaya dan angkuh. Sebagai Menteri Luar, Abdullah perlu memantau dan melibatkan diri dalam usaha diplomatik bagi membantu mencari jalan penyelesaiannya di peringkat antarabangsa. Tugas yang beliau hadapi ini menuntut komitmen penuh serta pemikiran yang bertaraf global.

Di sebalik tugas yang begitu mencabar, Abdullah berjaya mengemudi Kementerian Luar dengan sentuhan-sentuhannya yang begitu cemerlang. Beliau berjaya melaksanakan wawasan yang dipelopori oleh Dr. Mahathir dengan merealisasikan dasar-dasar luar serta hubungan antarabangsa secara terbuka dan progresif.

Bagaimanapun, daripada sekian banyak kejayaan yang dicapai oleh Abdullah, paling menonjol ialah kecemerlang beliau dalam menangani hubungan di kalangan negara anggota ASEAN dan perkumpulan antarabangsa lain dengan mendedahkan peranan Malaysia yang bersifat progresif serta berperikemanusiaan dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang mencengkam umat manusia, khususnya yang menjadi mangsa ketidakadilan di peringkat sejagat.

Di samping itu, beliau juga berjaya mempamerkan kepada dunia betapa Malaysia boleh dijadikan model sebuah negara Islam sebenar berikutan kejayaannya mengamalkan pembangunan yang berimbang, mempunyai sifat toleransi antara kaum dan agama, aman serta maju dalam segenap bidang. Beliau juga adalah pelaksana dasar, perundingcara diplomasi dan pejuang Islam yang telah berbakti kepada banyak negara di dunia.



“Hasil dari kelantangan-kelantangan kita dalam bersuara, disusuli dengan kesungguhan kita dalam berusaha, kepimpinan dan negara kita kini, telah diberi penghormatan untuk mengetuai badan-badan di peringkat antarabangsa”

-Abdullah Badawi, sewaktu menjadi Menteri Luar




Semasa kebanyakan negara anggota ASEAN dilanda kegawatan ekonomi, beliau tampil untuk menyuarakan kepada para pemimpinnya tentang pentingnya struktur kewangan baru dunia digubal bagi mengatasi masalah tersebut. Seajar dengan itu, beliau secara bijaksana memperincikan kepada mereka resipi yang diperkenalkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dengan jelas dan sistematik bagi membantu mereka memahaminya dengan lebih mendalam. Hasil penjelasan yang beliau berikan itu, maka apabila Malaysia mengambil tindakan drastik untuk memulihkan ekonominya, termasuk mengawal nilai mata wang ringgit dan pengaliran modal, ia mendapat sokongan padu daripada negara anggota ASEAN lain.

Apa yang pasti, sebagaimana yang dinyatakan oleh Kamarulzaman Zainal, kebanyakan tindakan Abdullah ini disokong oleh tunjuk ajar dan bimbingan Dr. Mahathir. Ini termasuk petua-petua semasa berhadapan dengan media, khususnya, media asing yang sentiasa mencari peluang untuk mengorek rahsia pentadbiran negara dan memerangkap pemimpin Malaysia untuk membuat kenyataan yang boleh menimbulkan kontroversi.



**TUAN RUMAH ...** Abdullah Ahmad Badawi selaku Menteri Luar bersama-sama menteri ASEAN lain di mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur pada tahun 1991.



“Dasar luar sesebuah negara itu adalah hasil dari interaksi pelbagai faktor politik, ekonomi serta kebudayaan yang terdapat dalam negara tersebut”

-Abdullah Badawi, sewaktu menjadi Menteri Luar



Kamarulzaman berkata, semasa menjadi Menteri Luar, Abdullah pernah diberi tanggungjawab oleh Dr. Mahathir untuk menemui enam ketua negara Arab dan memujuk mereka supaya menghulurkan bantuan yang sewajarnya kepada para pejuang Islam di Bosnia yang bergadai nyawa untuk melindungi umat Islam di negara itu daripada menjadi mangsa kekejaman puak Serb.

Kamarulzaman yang turut serta dalam misi tersebut berkata, bukan suatu tugas yang mudah dan ringan untuk berjaya dalam misi serupa itu tetapi Dr. Mahathir mahu Pak Lah menjayakan juga tanggungjawab tersebut dengan apa cara sekalipun bagi membela nasib umat Islam di negara berkenaan.

“Oleh kerana pada diri Pak Lah itu sendiri terpancar sifat dan watak sebagai pemimpin Islam yang berhemah dan berwibawa, ditambah pula dengan pendidikan Islam yang beliau miliki serta pengalaman luas beliau dalam bidang diplomatik, maka Pak Lah telah berjaya memujuk dan menyakinkan ketua-ketua enam buah negara berkenaan supaya memenuhi permintaan Dr. Mahathir dan negara Malaysia itu”, kata beliau.

Bagaimanapun, takdir menentukan bahawa kejayaan cemerlang Abdullah



dalam mengendalikan Kementerian Luar dengan melaksanakan tugas-tugas penting negara tidak membantu beliau mempertahankan kedudukannya sebagai Naib Presiden UMNO dalam pemilihan parti itu pada 4 November 1993. Ramai pemerhati politik dan anggota UMNO sendiri berpendapat bahawa kekalahan yang dialami oleh Abdullah itu bukanlah kerana kelemahan atau populariti beliau sudah menurun tetapi disebabkan oleh pengaruh politik wang yang begitu hebat melanda UMNO. Sebagai pemimpin yang tidak mengamalkan politik wang, Abdullah menjadi mangsa dalam kegiatan yang tidak bermaruah itu. Pada pemilihan yang sama jugalah, tokoh veteran seperti Ghafar Baba yang menduduki kerusi Timbalan Presiden UMNO ketika itu, terpaksa menarik diri daripada mempertahankan jawatannya, juga disebabkan oleh masalah yang sama.

Kamarulzaman yang sentiasa mendampingi Abdullah mengingat kembali detik-detik mengharukan yang dialami oleh Abdullah selepas keputusan pemilihan tersebut diumumkan.

Beliau berkata, walaupun Abdullah tergamam menerima keputusan itu, namun gerak-gerinya tetap tenang seperti biasa.

"Tetapi, semasa saya berada di dalam kereta untuk pulang ke rumah bersama Pak Lah, mata beliau kelihatan merah dan sambil menahan sebak, Pak Lah berkata, apalah nak jadi selepas ini?", cerita Kamarulzaman.

Mendengar kata-kata hiba dan penuh bererti itu, Kamarulzaman yang duduk di sebelah Abdullah, segera mencelah dengan berkata, "segalanya belum berakhir dan perjuangan perlu diteruskan."



**SELAMAT DATANG ...** Menerima kunjungan singkat Presiden Palestin, Yaseer Arafat ke Malaysia.






**KENANGAN** ... Abdullah Ahmad Badawi (paling kanan) bersama-sama pemimpin UMNO lain di luar Dewan Merdeka PWTC menunggu tiba-tiba Presiden parti sebelum masuk untuk bermesyuarat.

Ungkapan yang lahir dari seorang setiausaha dan kenalan lama itu sedikit sebanyak telah mengubati kesedihan yang ditanggung oleh Abdullah. Kamarulzaman seterusnya menambah dengan berkata: "Dont worry, you will come back."

Abdullah amat terharu dengan sokongan yang diberikan oleh seorang setiausaha dan sahabat yang begitu setia kepadanya sekalipun dalam keadaan beliau yang kehilangan kedudukan.




Setibanya kereta yang mereka naiki di perkarangan rumah Abdullah, ratusan orang sudah menunggu. Pada masa itu hujan turun dengan lebat dan azan maghrib baru berlalu. Setelah turun dari kenderaan dan disambut oleh para penyokongnya, Abdullah meminta izin untuk menunaikan solat. Selesai menunaikan tanggungjawabnya kepada Allah, beliau keluar semula menemui orang ramai yang begitu setia menunggunya.

Suasana di dalam dan di luar rumah ketika itu agak suram dan berbeza sekali dengan suasana menyambut pemimpin yang baru menang dalam pertandingan. Kedatangan hadirin ke rumah Abdullah bertujuan menunjukkan betapa mereka masih setia menyokong perjuangan murninya sekalipun beliau tewas dalam pemilihan parti. Pada masa yang sama, mereka juga ingin mendengar amanat yang ingin disampaikan oleh pemimpin yang amat mereka kasihi itu.

Ketika Abdullah hendak memulakan ucapannya, tiba-tiba semua lampu di dalam dan di luar rumah terpadam. Serentak dengan itu kedengaran suara keluhan, "Habishlah kita kali ini Pak Lah."

Bagi kebanyakan orang, kejadian lampu terpadam itu seolah-olah menjadi petanda bahawa kerjaya politik Abdullah juga akan mengalami kegelapan. Begitulah agaknya apa yang difikirkan oleh kebanyakan mereka yang hadir di rumah Abdullah ketika itu. Bagaimanapun, keadaan demikian tidak lama berlarutan kerana seketika kemudian, lampu kembali beryala dan orang ramai yang berada di dalam dan di luar rumah bersorak gembira sambil mengucapkan syukur ke hadrat Allah.



Kegagalan beliau mempertahankan jawatan Naib Presiden UMNO pada pemilihan tersebut menyebabkan orang politik, khususnya para penyokong Anwar Ibrahim, mempunyai tanggapan baru terhadap Abdullah. Bagi mereka, Anwar adalah tokoh yang relevan dan mesti dikekalkan sebagai tokoh tunggal dari Pulau Pinang tanpa dibayangi tokoh lain. Dalam menghadapi keadaan ini, Abdullah tidak ada pilihan selain banyak bersabar dan menyerah diri kepada Allah bagi menentukan masa depannya dalam politik. Langkah ini ternyata membuat beliau sentiasa tenteram dan tidak tenggelam punca dalam menghadapi dugaan Allah ke atasnya. Salah satu sifat terpuji yang dimiliki oleh pemimpin yang berjiwa besar ini ialah beliau tidak pernah menyimpan dendam terhadap mereka yang menyakiti perasaan dan mengkhianati persahabatannya.

Berikutan prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh Abdullah sepanjang menjadi Menteri Luar, Dr. Mahathir telah mengekalkan beliau di portfolio itu dan melantiknya menduduki kerusi Majlis Tertinggi UMNO, kuasa yang diberi oleh perlembagaan parti kepada presiden. Justeru itu, harapan mereka yang mahu melihat Abdullah hanyut dalam kerjaya politiknya tidak menjadi kenyataan.

Hampir tiga tahun selepas gagal mengekalkan jawatan naib presiden, Abdullah dinasihati oleh doktor supaya menjalani pembedahan pintasan koronori di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur. Perkara ini sekali lagi diambil kesempatan oleh musuh politik beliau dengan menyebarkan pelbagai fitnah dan berita negatif yang bertujuan melemahkan kedudukan politiknya.

Demikianlah betapa kejinya sikap sesetengah orang. Mereka tergamak melakukan apa saja terhadap saudara seagama mereka demi



**ISYARAT BERMAKNA...** Apakah agaknya yang diperkatakan oleh Tan Sri Aziz Tapa sehingga membuatkan Abdullah Ahmad Badawi tersenyum.

mendapatkan pangkat serta kedudukan yang sementara sifatnya. Malah, jika boleh, mereka mahu membunuh kerjaya politik Abdullah kerana takut dengan adanya beliau, cita-cita mereka untuk berkuasa dan mengaut kekayaan akan terbantut.

Hakikatnya, tiada apa yang perlu mereka takutkan tentang anak dan cucu ulama ini. Beliau tidak pernah memusuhi sesiapapun dalam hidupnya. Mereka yang mengikuti perkembangan dan perjalanan politik beliau pasti mengakui bahawa Perdana Menteri kelima ini adalah ahli politik yang tidak mempunyai agenda kotor terhadap mana-mana



**MUDAH MESRA ...** Abdullah Ahmad Badawi tersenyum mendengar celoteh salah seorang ahli vateran UMNO.

*kenalan, sahabat, kawan atau orang yang menganggap beliau sebagai musuh. Bagi Abdullah, perjuangan politik yang diceburinya adalah berlandaskan kepada keazaman untuk berbakti kepada semua golongan tanpa mengira kawan atau lawan. Beliau juga tidak meminta balasan daripada jasa yang disumbangkan melainkan keredhaan Allah s.w.t. semata-mata.*

*Tidak lama selepas selamat menjalani pembedahan tersebut, beliau kembali bertugas. Apabila ditanya oleh kawan dan wartawan bagaimana keadaan kesihatan beliau, Abdullah menjawab: "Syukur ke hadrat Allah*



s.w.t kerana selepas menjalani rawatan di IJN, saya berasa lebih sihat."

Pada 8 Mac 1996, beliau mengumumkan keputusan akan bertanding merebut jawatan Naib Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO dalam tahun yang sama. Kenyataan tersebut sekali gus menamatkan spekulasi kononnya beliau ingin bersara daripada arus perdana politik tanah air, suatu fitnah yang disebarkan oleh golongan tertentu yang ingin melihat beliau tidak lagi mempunyai pengaruh di kalangan anggota parti.

Sebenarnya, kehilangan Abdullah daripada barisan depan kepimpinan UMNO suatu masa dahulu turut meresahkan Presiden Parti, Dr. Mahathir Mohamad. Perasaan ralat bekas Perdana Menteri yang menerajui negara selama 22 tahun itu dapat dikesan melalui ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO 1996 yang menunjukkan kesayangan beliau apabila mengenangkan seorang tokoh yang sepatutnya memegang salah satu jawatan tertinggi UMNO telah berada di luar. Apa tidaknya, Abdullah yang terkenal sebagai pemimpin yang jujur, bersih dan tidak pandai melukakan hati kawan itu hanya menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO, itupun kerana dilantik oleh Presiden Parti.







## **AKHIRNYA KE KEPALA BATAS JUGA PULANGNYA**

Kata perumpamaan Melayu, sekali air bah, sekali pantai berubah. Nampaknya begitulah yang berlaku di Malaysia pada Januari 1976 apabila Hussein Onn mengambilalih jawatan Perdana Menteri berikutan kepulangan ke rahmatullah Perdana Menteri Malaysia kedua, Abdul Razak Hussein secara mengejut di sebuah klinik di London pada 14 Januari tahun yang sama. Pemergian Abdul Razak pada usia 54 tahun itu telah mengubah senario politik dan kepimpinan di Malaysia.

Kerusi Timbalan Perdana Menteri yang kosong berikutan perubahan pucuk pimpinan negara itu perlu diisi bagi membantu Hussein Onn melaksanakan pelbagai tugas negara. Ini kerana, selain menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri, beliau juga perlu melaksanakan tugas sebagai Presiden dan Timbalan Presiden UMNO.

Keadaan tersebut menimbulkan teka-teki tentang siapakah yang akan dilantik oleh Hussein Onn sebagai timbalannya. Berikutan kekosongan itu, ketiga-tiga Naib Presiden UMNO ketika itu - Ghafar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah dan Dr. Mahathir Mohamad adalah kalangan yang boleh dipilih oleh Hussein untuk menduduki kerusi tersebut.

Selepas mengambil kira pelbagai aspek, akhirnya Hussein Onn memilih Dr. Mahathir sebagai timbalan beliau. Tindakan beliau ini mengejutkan banyak pihak kerana mengikut susunan, Dr. Mahathir adalah naib presiden yang menduduki tempat ketiga berdasarkan jumlah undi yang diperolehi. Keputusan yang diambil oleh Hussein Onn ini dilihat sebagai membelakangkan dua naib presiden yang mendapat undi lebih tinggi daripada Dr. Mahathir. Bagaimanapun, ramai yang terlupa bahawa pemilihan Timbalan Perdana Menteri merupakan hak mutlak Perdana Menteri dan oleh itu beliau bebas memilih sesiapa saja yang diinginkannya.

Walaupun banyak perubahan dan kejutan lain yang dibuat oleh Hussein Onn, tetapi apa yang menjadi fokus di sini ialah beberapa rentetan peristiwa yang membabitkan Abdullah hingga membawa kepada pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima. Peristiwa paling penting dan yang menjadi detik permulaan langkah beliau ke arah menjawat kedudukan tersebut ialah pemilihannya sebagai calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya umum 1978.



**DIHORMATI SETIAP PERINGKAT ...** Abdullah Badawi memenuhi setiap aspek yang perlu ada untuk menjadi calon Barisan Nasional walaupun pada mulanya beliau menolak.

Dalam pilihan raya tahun tersebut, Abdullah mewakili Barisan Nasional untuk bertanding di kawasan Parlimen Kepala Batas, Pulau Pinang yang sebelum itu diwakili oleh Sofie Haji Ibrahim. Bermula dengan kemenangannya dalam pilihan raya tersebut, Abdullah secara rasmi menyambung perjuangan politik yang diceburi oleh Allahyarham datuk dan bapanya.


Hussein Onn, selaku Perdana Menteri Malaysia ketiga memilih Abdullah sebagai calon Barisan Nasional untuk kawasan itu berdasarkan kebolehan dan kemampuannya memberi perkhidmatan yang lebih

berkesan, khususnya kepada penduduk setempat. Hussein Onn amat menyedari kualiti kepimpinan yang dimiliki Abdullah kerana beliau telah mengenali anak dan cucu kepada ulama terkenal ini sejak beliau berjuang bersama-sama bapa Abdullah semasa menentang gagasan Malayan Union yang ingin dilaksanakan oleh British di Tanah Melayu.

Sebenarnya, hubungan akrab Hussein Onn dan Ahmad Badawi telah terjalin sejak mereka berjuang menentang penjajah ketika sama-sama memimpin Pemuda UMNO pada awal penubuhannya. Hussein Onn mendapati Abdullah merupakan tokoh yang mempunyai latar belakang keluarga yang baik serta memenuhi kehendak parti bagi mewakili rakyat di kawasan Kepala Batas. Inilah asas utama yang menyebabkan tokoh yang berkelulusan dalam bidang Pengajian Islam dari Universiti Malaya ini dipilih sebagai calon bagi kawasan itu.

Bagaimanapun, menurut bekas setiausaha UMNO Bahagian Kepala Batas, Md. Noor Ahmad, selain Abdullah, ada seorang tokoh lain yang turut disenaraikan untuk menjadi calon bagi kawasan tersebut iaitu Tan Sri Murad Mohd. Noor (bekas Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia).

Mengenai pemilihan calon Barisan Nasional untuk kawasan berkenaan, Md. Noor memberitahu bahawa beliau serta rakan-rakannya dalam UMNO Bahagian Kepala Batas berpendapat bahawa sekiranya Abdullah tidak dicalonkan sebagai Ahli Parlimen kawasan itu, maka akan berakhirlah warisan perjuangan datuk serta ayah beliau yang begitu cemerlang dan diperlukan masyarakat setempat. Mereka lebih suka Abdullah menjadi wakil mereka kerana sudah biasa dan amat mengenali keluarga beliau. Para pemerhati politik pula berpendapat bahawa pemilihan anak dan



cucu ulama ini sebagai calon BN mampu menyekat kemenangan calon pembangkang, terutama PAS, di kawasan berkenaan.

Setelah berbincang dan mendapat persetujuan daripada rakan-rakannya, Md. Noor berangkat ke Kuala Lumpur untuk menemui Abdullah berhubung perkara tersebut. Dalam pertemuan itu, Md. Noor memberitahu: "La ni kami buat keputusan nak anta balik."


Abdullah menjawab: "Ish, nanti pilihan raya lagi sekalilah kot."

Menurut Md. Noor, Abdullah enggan memenuhi permintaannya itu sekalipun telah beberapa kali beliau berulang alik dari Kepala Batas ke Kuala Lumpur untuk memujuknya supaya menjadi calon dalam pilihan raya umum 1978. Sebaliknya, Abdullah meminta Md. Noor supaya memujuk Murad menjadi calon Barisan Nasional bagi kawasan Parlimen Kepala Batas. Nama Murad juga di sebut Md. Noor kepada Abdullah pada setiap pertemuan mereka.

Bagaimanapun, apabila beliau menemui Murad untuk menyatakan perkara itu, Murad juga menolaknya dengan memberi alasan bahawa beliau tidak dapat menerima cadangan Md. Noor itu kerana beliau tidak pandai dalam bidang politik. Murad juga menjelaskan kepada Md. Noor bahawa adalah tidak munasabah menyuruh beliau meletak jawatan yang sedang disandangnya, semata-mata untuk melakukan suatu tugas yang terlalu asing dan tidak mungkin dapat dilaksanakannya dengan baik. Sambil berseloroh, Murad berkata, "Lainlah kalau awak ni bapa saya, adalah juga saya asas tentang politik."



**USAH BIMBANG ...** kesanggupan Abdullah Badawi menyambung jejak perjuangan datuk serta bapanya melegakan hati setiap penduduk Kepala Batas.



Murad kemudiannya meminta Md. Noor terus memujuk Abdullah supaya bersetuju menjadi calon Barisan Nasional dalam pilihan raya umum itu. Murad berpendapat bahawa Abdullah adalah orang yang paling sesuai untuk menjadi calon berdasarkan latar belakang keluarganya dalam bidang politik. Beliau secara ikhlas dan bersungguh-sungguh menyuruh Md. Noor sekali lagi menemui Abdullah berhubung perkara itu.


Mendengar kata-kata Murad itu, Md. Noor tidak mempunyai pilihan kecuali terus berusaha meyakinkan Abdullah bahawa beliau adalah orang yang paling layak dan mendapat paling banyak sokongan masyarakat pelbagai kaum di Kepala Batas untuk menjadi wakil mereka di Parlimen. Setelah membulatkan tekad untuk memujuk Abdullah walau dengan apa juga cara sekalipun, Md. Noor sekali lagi berlepas ke Kuala Lumpur untuk menemui Abdullah.

Dalam pertemuan kali ketiga mereka, Md. Noor memberitahu Abdullah apa yang telah dikatakan oleh Murad semasa beliau menemuinya. Setelah mendengar apa yang nyatakan oleh Md. Noor mengenai Murad serta harapan para pengundi di kawasan Kepala Batas, Abdullah meminta tempoh dua minggu sebelum memberi keputusan muktamad sama ada menerima atau menolak cadangan Md. Noor itu.

Sungguhpun jawapan yang diberi itu bukan bermaksud Abdullah bersetuju menjadi calon dalam pilihan raya berkenaan, tetapi kesediaan beliau untuk menimbanginya amat menggembirakan Md. Noor. Beliau berdoa kepada Allah semoga dibukakan pintu hati Abdullah bersetuju menjadi calon. Md. Noor yang sudah lama mengenali hati budi dan pembawakan keluarga Ahmad Badawi yakin bahawa jawapan yang diberi oleh Abdullah







itu sudah cukup untuk beliau merasakan Abdullah akan bersetuju menjadi calon UMNO dalam Pilihan Raya Umum 1978 bagi kawasan Parlimen Kepala Batas.

Seperti yang diduga, apabila tiba tempoh dua minggu yang dijanjikan, Abdullah menyatakan kepada Md. Noor kesediaan beliau untuk bertanding sebagai calon Barisan Nasional bagi kawasan Parlimen Kepala Batas pada pilihan raya berkenaan. Sebaik sahaja mendengar jawapan itu, Md. Noor dan seluruh ahli UMNO serta penduduk Kepala Batas amat gembira dan mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana orang yang diharap meneruskan perjuangan Abdullah Fahim dan Ahmad Badawi bersedia mengabdikan diri untuk membela nasib mereka dalam segenap bidang.


Menurut Md. Noor, semasa beliau sedang berusaha memujuk Abdullah, beliau menerima panggilan telefon daripada Datuk Mustaffa Mohamad, Setiausaha Politik kepada Hussein Onn, yang meminta beliau mendapatkan persetujuan Abdullah untuk menjadi calon pilihan raya. Permintaan Mustaffa itu disifatkan oleh Md. Noor sebagai hasrat daripada Hussein Onn sendiri.

Walau bagaimanapun, Md. Noor tidak menceritakan tentang panggilan telefon itu kepada Ahmad Badawi kerana beliau yakin bapa Abdullah yang sudah menjejaki usia awal 70-an ketika itu pasti tidak akan bersetuju menamakan anaknya sebagai calon. Berdasarkan kepada keyakinan ini, Md. Noor menyimpan rahsia tentang percakapannya dengan Mustaffa mengenai perkara itu daripada pengetahuan Ahmad Badawi hinggalah bapa Perdana Menteri Malaysia kelima itu meninggal dunia.

Bagaimanapun, apa yang amat membanggakan Md. Noor ialah kesediaan dan kesanggupan Abdullah menghambakan diri kepada rakyat hingga sanggup melepaskan jawatan tinggi yang disandangnya dalam perkhidmatan kerajaan tanpa sebarang jaminan mengenai masa depan sendiri. Jika ditakdirkan beliau kalah dalam pilihan raya umum itu, keputusan yang diambilnya itu tidak ubah seperti kata pepatah, "tolak tangga menghayun kaki". Bagaimanapun, sebagai seorang pegawai tinggi kerajaan yang terdidik dalam bidang agama, Abdullah tentunya terlebih dahulu memikirkan tentang semua kemungkinan itu dan seterusnya bertawakkal kepada Allah dengan penuh yakin.

Selaku Perdana Menteri ketika itu, Hussein Onn tidak meragui kewibawaan dan kemampuan Abdullah untuk mewakili Barisan Nasional bagi kawasan Parlimen Kepala Batas yang merupakan kubu penyokong bapanya. Hussein Onn memilih Abdullah bukan kerana beliau mempunyai hubungan rapat dengan bapanya semata-mata, tetapi, lebih daripada itu kerana pencapaian dan kecemerlangan yang ditunjukkan oleh anak rakannya itu sebagai pegawai kerajaan yang memiliki kewibawaan sebagai seorang pemimpin rakyat yang berkesan.

Selepas mencapai kemenangan dalam Pilihan Raya Umum 1978, Abdullah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan. Dua tahun kemudian, beliau dinaikkan pangkat di Kementerian yang sama sebagai Timbalan Menteri. Jawatan-jawatan yang disandang Abdullah selepas menjadi ahli politik memberi pengalaman baru yang amat berguna untuk Abdullah dan sepanjang perkhidmatan beliau di bawah kepimpinan Hussein Onn, Abdullah lebih mengenali erti tugas dan tanggungjawab sebagai pemimpin politik terhadap rakyat dan negara.



Bagaimanapun, Abdullah lebih banyak mendapat pendedahan dalam bidang politik dan pentadbiran negara semasa berkhidmat pada era kepimpinan Perdana Menteri Malaysia Keempat, Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003). Kewibawaan, kebijaksanaan dan kekuatan disiplin yang dimiliki oleh ahli Parlimen Kepala Batas ini memberi keyakinan kepada Dr. Mahathir untuk menyerahkan pelbagai tugas mencabar kepada beliau berhubung pentadbiran negara. Sebagai pemimpin berpengalaman, Dr. Mahathir dapat mengesan ciri-ciri istimewa kepimpinan yang terdapat pada diri Abdullah dan seterusnya menggilap dan memantapkannya dari semasa ke semasa sebagai pemimpin pelapis negara.

Sebagai langkah permulaan ke arah itu, Abdullah dilantik menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan seterusnya sebagai Menteri Pelajaran (1984-1986). Tidak lama kemudian, beliau diberi kepercayaan menerajui Kementerian Pertahanan (1986-1987) dan Kementerian Luar (1991-1999). Perjalanan Abdullah ke puncak kerjayanya dalam bidang politik semakin hampir menuju sasarannya apabila beliau dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 1999. Akhirnya, dengan ketentuan dan kehendak Allah, beliau sampai ke destinasi yang menjadi idaman sebahagian besar ahli politik iaitu menjadi Perdana Menteri, apabila Dr. Mahathir melepaskan jawatan tersebut secara sukarela setelah menerajui Malaysia dengan jayanya selama 22 tahun.

Apabila memperkatakan tentang perkhidmatan Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri, kita tidak boleh memisahkan diri beliau dengan jawatan Menteri Dalam Negeri kerana kedua-dua jawatan itu disandangnya secara serentak. Sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau tidak pernah bertindak melebihi bidang kuasa yang diberi kepadanya iaitu

sebagai penolong kepada Perdana Menteri. Di sinilah terletaknya perbezaan paling ketara dan sifat setia serta taat kepada ketua yang dimiliki oleh Abdullah berbanding tiga Timbalan Perdana Menteri Malaysia sebelum beliau.

Pelantikan beliau sebagai Menteri Dalam Negeri mempunyai kaitan rapat dengan pengalaman serta kemampuannya semasa berkhidmat dengan MAGERAN. Pelantikan ini sebenarnya merupakan suatu cabaran dan pengalaman yang tidak ternilai harganya bagi diri beliau sebagai persiapan untuk menjadi Perdana Menteri, pemimpin yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua urusan sesebuah negara. Semasa menyandang jawatan inilah Abdullah memperlihatkan ketokohan beliau sebagai pemimpin yang tegas dan bijaksana dalam menangani sesuatu isu berkaitan keselamatan negara dan sekaligus, menutup mulut sesetengah pihak yang selama ini meragui kebolehan beliau untuk menangani sesuatu isu besar dan mendesak secara berkesan.

Apa tidaknya, semasa menyandang jawatan inilah beliau menunjukkan bukan sahaja kepada rakyat Malaysia, malah kepada seluruh dunia, kebolehan beliau menangani demonstrasi jalanan secara besar-besaran yang dilancarkan oleh para penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim yang menggelarkan diri mereka sebagai kumpulan reformasi kerana membantah penyingkiran ketua mereka itu daripada jawatannya.


Tanpa ketegasan, kebijaksanaan dan keberanian Abdullah dalam menangani isu tersebut, sudah pasti Malaysia akan dilanda huru-hara akibat tindakan kumpulan yang bertindak di luar batas undang-undang dan menimbulkan rasa tidak selamat di kalangan rakyat dan pelancong.



**CINTAI KEAMANAN ...** Ketegasan Abdullah Ahmad Badawi dalam pimpinan beliau adalah kerana inginkan kedamaian. Selain bertindak tegas terhadap keganasan, membentuk tabung untuk keamanan adalah salah satu usaha kerajaan untuk mencapai kedamaian sejagat. Perdana Menteri bersama Mustapa Mohammad (paling kanan) dan Idris Jusoh (dua dari kanan) sedang mengisi wang ke dalam Tabung Aman Malaysia.



**AMANAH - CEKAP- TEGAS - ADIL ...** motto Kementerian Dalam Negeri yang juga antara sifat Abdullah Ahmad Badawi yang menjadikan beliau amat efisien dalam menyelesaikan masalah serius negara.




Peristiwa yang meninggalkan detik hitam dalam sejarah negara ini sebenarnya turut didalangi oleh anasir luar yang cemburu melihat kejayaan Malaysia dalam segenap bidang di samping ingin menjatuhkan Dr. Mahathir yang mereka lihat menjadi penghalang kepada cita-cita mereka untuk mencorakkan pola pentadbiran dunia mengikut selera mereka yang penuh rakus dan haloba.

Pengalaman sebagai Menteri Luar memudahkan Abdullah melihat agenda politik dan ekonomi yang terselindung di sebalik angkara anasir luar ini. Beliau juga amat kesal dengan sikap rakyat negara ini termasuk beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti pembangkang yang begitu mudah memasuki perangkap pihak asing yang ingin menghancurkan Malaysia.

Bagaimanapun, berkat ketabahan serta keberanian Abdullah dalam menangani isu itu, negara kembali aman dan Anwar Ibrahim yang menggunakan kehebatannya dalam berpidato untuk menghimpunkan para penyokongnya di jalan raya bagi menuntut pengunduran Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia akhirnya dibawa ke muka pengadilan dan dijatuhi hukuman penjara kerana beberapa kesalahan. Niatnya untuk menyingkirkan Abdullah daripada arus perdana politik Malaysia semasa berkuasa bukan sahaja tidak kesampaian, malah menyaksikan insan yang sentiasa tenang ini berjaya menduduki tempat tertinggi dalam pemerintahan negara.


Demikianlah betapa maha berkuasa dan maha mengetahuinya Allah s.w.t. dalam segala hal. SifatNya yang Maha Berkehendak dan Maha Bijaksana tidak mampu ditandingi oleh sesiapa juga, sekalipun oleh mereka yang







**APA KHABAR?** ... sebagai seorang pemimpin yang mengamalkan ajaran Islam yang sebenar, Abdullah Ahmad Badawi tidak pernah mengabaikan dan memusuhi rakyat walaupun dari berlainan bangsa dan agama.



merasakan paling bijak membuat perancangan dan paling berkuasa di dunia. Allah, Dialah Tuhan yang memberi pangkat dan darjat kepada sesiapa yang dikehendakinya dan memberi kehinaan kepada sesiapa juga yang dikehendakinya.


Melalui jawatan Menteri Dalam Negeri yang disandangnya juga, sikap dan peribadi sebenar Abdullah sebagai pemimpin yang berwibawa dapat dilihat dengan nyata. Walaupun beliau dikenali ramai sebagai *Mr Nice Guy*, tetapi, apabila berhadapan dengan keadaan yang mencabar undang-undang serta menggugat keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat, beliau akan bertukar menjadi pemimpin yang tegas dan tidak mudah bertolak ansur seperti yang dapat dilihat dalam isu yang membabitkan kumpulan reformasi dan kegiatan keganasan yang sedang melanda dunia.

Satu lagi keistimewaan Abdullah yang tidak diketahui oleh kebanyakan orang ialah hubungan beliau dengan keempat-empat Perdana Menteri Malaysia. Datuk beliau, Abdullah Fahim dianggap oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri pertama negara ini sebagai ayah dan guru beliau manakala Abdullah pula pernah berkhidmat sebagai pegawai kerajaan pada zaman kepimpinan Tunku Abdul Rahman (1964-1971).

Perdana Menteri kedua, Abdul Razak Hussein yang seangkatan dengan Tunku pula sering mengiringi Bapa Malaysia itu mengunjungi Abdullah Fahim untuk meminta nasihat dan panduan daripada beliau bagi mengatasi masalah besar yang beliau hadapi semasa memperjuangkan kemerdekaan negara. Abdul Razak juga merupakan pemimpin yang banyak memberi dorongan serta rangsangan kepada Abdullah semasa



Hussein Onn (kiri) antara yang bertanggungjawab membawa masuk Abdullah Ahmad Badawi (paling kanan) ke dalam arena politik.




Perdana Menteri Malaysia kelima ini berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Perdana Menteri ketiga, Hussein Onn pula adalah sahabat dan rakan seperjuangan Ahmad Badawi iaitu bapa Abdullah. Sebenarnya, Hussein Onnlah pemimpin yang membuka laluan awal kepada Abdullah untuk menceburkan diri dalam bidang politik. Hubungan Ahmad Badawi dan Hussein Onn amat akrab. Oleh itu tidak hairanlah apabila dua tokoh utama yang pernah menjadi tulang belakang Pergerakan Pemuda UMNO ini amat mengenali hati budi dan sikap satu sama lain. Sebab itulah apabila Hussein Onn meninggalkan UMNO untuk mengikuti jejak bapanya, Onn Jaafar, Ahmad Badawi tidak mempersoalkan tentang semangat UMNO yang tertanam di jiwa sahabat karibnya itu kerana beliau tahu tindakan Hussein Onn itu semata-mata kerana ingin mematuhi kehendak bapanya, dan bukan kerana beliau membenci UMNO. Haji Ahmad Badawi juga tahu bahawa hati dan jiwa Hussein Onn tetap bersama UMNO dan apa yang dilakukannya itu hanyalah sekadar tidak mahu dianggap sebagai anak derhaka.

Menyedari hakikat inilah, maka apabila Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia kedua, beliau memujuk Hussein Onn supaya kembali ke pangkuan UMNO. Dengan kepulangan beliau ke pangkuan parti yang amat disayanginya itu, Abdul Razak melantik Hussein Onn mengambil alih jawatan Timbalan Perdana Menteri berikutan kematian Tun Dr. Ismail Abdul Rahman. Hussein Onn kemudiannya menjadi Perdana Menteri Malaysia ketiga apabila Abdul Razak meninggal dunia.

Mungkin ramai yang tidak mengetahui bahawa Allahyarham datuk kepada Dr. Mahathir telah mengenali Haji Abdullah Fahim sejak awal



tahun 1920-an lagi. Perkenalan mereka bermula ketika datuk kepada Perdana Menteri Malaysia Kelima ini dalam pelayaran untuk pergi dan balik dari India pada tahun 1921. Dalam pelayarannya ke negara itu bagi memenuhi undangan para ulama Karalla dengan menaiki kapal "Rajula", Abdullah Fahim telah berkenalan dengan datuk Dr. Mahathir yang merupakan seorang ahli perniagaan. Melalui perkenalan itu, lama kelamaan, mereka menjadi semakin rapat hingga membawa kepada ahli perniagaan yang menetap di Pulau Pinang itu menjadi murid dalam ilmu tarekat kepada Abdullah Fahim secara sambilan.

Kehebatan guru dan rakannya itu dalam bidang agama menyebabkan ahli perniagaan tersebut memberi kepercayaan kepada Abdullah Fahim untuk mengajar anaknya iaitu bapa Dr. Mahathir, ilmu-ilmu berkaitan Islam. Hubungan antara dua keluarga ini berterusan apabila Dr. Mahathir yang bergiat cergas dalam perjuangan menentang Malayan Union dan mendapatkan kemerdekaan negara dipertemukan dengan Abdullah Fahim dan Ahmad Badawi dalam wadah perjuangan yang sama.

Berdasarkan hakikat di atas, Abdullah bukanlah asing bagi keempat-empat Perdana Menteri Malaysia sebelum ini. Sejarah perjuangan datuk dan bapa beliau dalam menegak dan menebus maruah bangsa dengan menubuhkan gagasan Malayan Union dan seterusnya mendapatkan kemerdekaan negara akan terus tercatat dalam lipatan sejarah tanah air.

Begitulah mulianya zuriat daripada keturunan yang baik. Ia ibarat bau harum yang menyusup dan berkembang subur sekalipun pada musim kemarau. Begitulah istimewanya insan yang disaluti tuah di badannya. Insan yang amat ikhlas jariahnya kepada sesiapa sahaja tanpa mengira bangsa, agama dan asal usul.



**SELAMAT DATANG ...** Syed Mokhtar Al-Bukhary menerima kunjungan Abdullah Ahmad Badawi

*Justeru, pelantikan Abdullah sebagai Perdana Menteri memberi harapan kepada seluruh rakyat negara ini untuk terus menikmati kemajuan dan keamanan. Dengan pengalaman pentadbiran yang ditimbanya semasa menjadi pegawai tinggi kerajaan dan melayari perjuangan sebagai ahli politik yang tahan diuji, kini Abdullah merintis sejarah bermulanya suatu era baru dalam kepimpinan Malaysia yang dipimpin oleh zuriat ulama yang menjanjikan sebuah negara yang lebih maju, aman dan menepati tuntutan Ilahi.*






## **LONTARAN IDEA YANG MURNI**

Sungguhpun Abdullah telah berkhidmat dengan kerajaan sejak negara ini diterajui oleh Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj lagi, tetapi beliau lebih banyak mendapat bimbingan dalam bidang pentadbiran daripada Perdana Menteri Malaysia kedua, Abdul Razak Hussein.






Ketika negara diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Gerakan Negara atau ringkasnya MAGERAN pada 1969/70 berikutan Peristiwa 13 Mei, Abdullah boleh dikatakan berkhidmat di bawah dagu Abdul Razak yang mempengerusikan majlis itu. Jawatannya sebagai Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan Negara memberi banyak peluang serta pendedahan kepada Abdullah dalam usaha kerajaan memulihkan keamanan negara yang terjejas teruk berikutan tragedi pergaduhan kaum.

Pengalaman yang beliau perolehi sepanjang pemerintahan MAGERAN juga ternyata amat berguna kepada Abdullah apabila beliau mula bergiat cergas dalam politik, bermula pada zaman pemerintahan Perdana Menteri ketiga, Hussein Onn. Sebagai insan yang bencikan kekacauan dan sentiasa tunduk kepada kekuasaan Allah, Abdullah tidak putus-putus berdoa agar bencana yang menimpa negara itu segera berakhir dan semua kaum di negara ini kembali hidup dengan aman dan harmoni. Beliau amat sedih kerana keakraban hubungan di kalangan rakyat berbilang keturunan di negara ini yang telah terjalin sejak belum Merdeka lagi, akhirnya lenyap akibat tindakan dan hasutan golongan yang tidak bertanggungjawab. Apa yang lebih menyayat hatinya ialah apabila amanat dan saranan datuknya Haji Abdullah Fahim kepada Tunku Abdul Rahman supaya menyatukan ketiga-tiga kaum terbesar di negara ini iaitu, Melayu, Cina dan India ketika pejuang-pejuang kebangsaan bertungkus lumus menuntut kemerdekaan negara, telah dinodai.


Peristiwa 13 Mei juga menimbulkan keinsafan yang lebih mendalam dalam diri Abdullah tentang betapa pentingnya perpaduan dan keharmonian hidup antara rakyat berbilang bangsa di negara tercinta ini sentiasa dipupuk dan dipelihara dalam usaha melahirkan sebuah negara yang



**MAGERAN** ... penubuhannya untuk menyelesaikan masalah-masalah utama negara. Abdullah Ahmad Badawi (berdiri paling kiri) adalah antara yang diamanahkan tugas mencabar ini.

*aman, makmur dan dihormati dunia. Negara yang rakyatnya sentiasa bertelagah sesama sendiri bukan sahaja tidak akan maju, malah mudah dijajah oleh kuasa asing.*

*Menyedari hakikat inilah, tidak lama selepas beliau dilantik menjadi Menteri Pelajaran (sekarang Menteri Pendidikan) pada 1984, Abdullah memilih Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) sebagai tempat pertama yang dilawatinya. Beliau berbuat demikian bagi mendapatkan gambaran dan penerangan yang lebih jelas mengenai sistem dan falsafah pendidikan*




negara. Sebagai menteri yang bertanggungjawab bagi perkara itu, beliau sedar bahawa cara paling berkesan untuk membentuk rakyat yang berdisiplin dan bersatu-padu adalah melalui pendidikan.


Untuk mencapai matlamat tersebut, beliau berpendapat bahawa pendidikan di negara ini perlu diberi tumpuan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Di samping itu, beliau juga menaruh harapan agar pendidikan di negara ini mampu melahirkan warganegara yang berakhlak mulia, bertanggungjawab serta mampu mencapai kesejahteraan diri dan dapat menyumbang kepada keharmonian keluarga dan masyarakat.

Sejajar dengan itu, beliau yakin PPK mampu memainkan peranan utama bagi mencorakkan bentuk pendidikan yang menjurus kepada semangat patriotisme dan cintakan negara seperti yang beliau impikan dan pemimpin-pemimpin sebelumnya. Abdullah juga ingin melihat wujudnya satu kaedah pendidikan yang menjurus ke arah perpaduan dan integrasi kaum bagi mencapai tahap keharmonian rakyat yang utuh untuk menjadi pemangkin kepada kemajuan ekonomi dan pembangunan negara.

Bekas Pengarah PPK dan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Datuk Asiah Abu Samah berkata lawatan Abdullah ke pusat tersebut mempunyai misi yang amat besar. Sebagai Menteri Pendidikan, beliau diberi taklimat secara mendalam mengenai perancangan yang dibuat oleh pusat itu dalam bidang pendidikan.



**HARI GURU MEI 1985 ...** Abdullah Badawi sentiasa memberi idea-idea bernas untuk meningkatkan taraf pendidikan negara selaku Menteri Pelajaran ketika itu.



"Kebetulan, semasa beliau berkunjung ke situ, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) baru lebih kurang setahun diperkenalkan di seluruh negara, manakala Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pula masih di peringkat perancangan dan dijangka dilaksanakan enam tahun kemudian", kata beliau.

Memandangkan enam tahun adalah satu jangka masa yang lama, maka Abdullah mencadangkan agar sementara menunggu KBSM diperkenalkan kepada para pelajar, PPK patut menggubal satu program kewarganegaraan, kata Asiah yang menyambut baik cadangan itu kerana beliau amat memahami apa yang tersirat di lubuk hati pemimpin yang cintakan kedamaian itu.

Menurut Asiah lagi, pendidikan sivik dan sejarah ketika itu amat kurang diminati oleh para pelajar manakala program kewarganegaraan diyakini mampu memupuk semangat patriotisme di kalangan mereka.

Idea yang dikemukakan oleh Abdullah itu juga diyakini mampu membentuk generasi baru negara ini supaya menjadi rakyat serta pemimpin yang berkualiti dan berhemah tinggi. Selain itu, ia juga boleh menyemai pelbagai nilai murni di kalangan pelajar untuk menjadikan mereka warganegara yang ingin dibentuk sejajar dengan falsafah Rukunegara.

Menyedari kebaikan program yang diilhamkan oleh Abdullah itu, selaku Pengarah PPK, Asiah segera membentuk sebuah jawatankuasa yang dianggotai para pegawai yang pakar dalam bidang masing-masing bagi menyusun suatu modul "Kewarganegaraan" untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah di seluruh negara. Jawatankuasa yang diketuai oleh Aidah



ILHAM ABDULLAH AHMAD BADAWI ... Dr. Sharifah Nor Puteh (berbaju merah) antara pengasas program kewarganegaraan.

Abdul Ghani itu turut dianggotai oleh Dr. Sharifah Nor Puteh (Ketua Unit Sejarah dan Geografi), Dr. Salbiah Ismail, Dr. Aini Hassan dan Encik Siatan Ahmad. Ketiga-tiga pegawai kanan berkenaan berjawatan Penolong Pengarah Kurikulum.

Program kewarganegaraan merupakan program pendidikan jangka pendek yang dirancang khusus untuk para pelajar tingkatan 3, 4, 5, dan 6 atas yang bertujuan membentuk anggota masyarakat dan warganegara Malaysia yang menjunjung tinggi prinsip-prinsip Rukunegara.

Menurut Dr. Sharifah Nor Puteh, Program Pendidikan Kewarganegaraan adalah program di dalam dan luar bilik darjah yang merangkumi tiga aspek utama iaitu sejarah, kebudayaan dan pembangunan.

"Boleh dikatakan semua aspek utama dalam program ini memberi penekanan terhadap unsur-unsur kognitif dan efektif melalui penyampaian fakta dan pengetahuan yang mampu melahirkan kesedaran, keinsafan, rasa hormat, menghargai, menerima, meyakini serta bangga dengan pencapaian masyarakat dan negara", kata beliau.

Dr. Sharifah Nor seterusnya berkata, aspek kebudayaan dan pembangunan juga diberi penekanan dalam program ini untuk memberi pengetahuan tentang ciri-ciri masyarakat dan kebudayaan yang wujud sebagai warisan tradisi yang kaya dan berpegang kuat kepada identiti diri dan bangsa untuk membangunkan kebudayaan moden tanpa dipengaruhi cabaran luar yang boleh meruntuhkan budaya mengikut acuan kita.

Daripada aspek pembangunan pula, katanya: "Pendedahan mengenai pencapaian negara dalam pembangunan fizikal semenjak kita mencapai kemerdekaan akan dapat menanam rasa bangga di kalangan rakyat mengenai keupayaan mereka mencapai taraf kehidupan yang tinggi, sejajar dengan kedudukan suatu bangsa yang merdeka dan berdaulat".

Program itu juga, menurut beliau, memberi penekanan terhadap aspek pembangunan ekonomi, sosial, politik dan kebudayaan.

Encik Siatan Ahmad pula berkata, "Datuk Seri Abdullah amat serius dalam memastikan program yang beliau ilhamkan itu mencapai matlamatnya iaitu melahirkan generasi baru yang benar-benar cintakan negara".

"Datuk Seri Abdullah sering datang menjenguk kami ketika berbengkel dan bermesyuarat untuk menyedia dan menyiapkan bahan-bahan yang




**JASA MU DIHARGAI ...** Abdullah Ahmad Badawi sentiasa memberi dorongan dan semangat serta prihatin terhadap pendidik yang diibarat seperti lilin membakar diri.

akan digunakan dalam program tersebut dengan semangat kenegaraan yang tinggi", katanya.


Siatan pula amat mengagumi kesediaan Abdullah meluangkan masa untuk meninjau dan memberi sokongan moral kepada para pegawai yang bertugas hingga lewat malam bagi menyiapkan modul program berkenaan.

Katanya, kesungguhan yang ditunjukkan oleh pemimpin itu telah menyuntik semangat di kalangan mereka untuk menghasilkan suatu modul yang benar-benar berkesan untuk program tersebut.





**TELITI ...** Abdullah Ahmad Badawi amat mementingkan pembaharuan dalam bidang pendidikan. Kelihatan beliau diberi penerangan mengenai pendekatan baru pendidikan Bahasa Inggeris untuk kanak-kanak oleh salah seorang anggota Puteri UMNO.



Sungguhpun program berkenaan berjaya disusun dengan kemas ke arah mencapai matlamat murni negara, tetapi, malangnya, ia hanya mampu bertahan untuk suatu tempoh yang pendek berikutan pemindahan Abdullah ke Kementerian Pertahanan pada 1986.

Apabila Anwar Ibrahim mengambil alih jawatan Menteri Pendidikan, program tersebut dianggapnya kurang penting. Justeru itu, program kewarganegaraan yang dihasilkan untuk menjadi acuan dalam melahirkan warganegara yang harmoni, memiliki jati diri utuh dan penuh bersemangat dalam menghadapi pelbagai cabaran telah digabungkan ke dalam mata pelajaran sejarah. Akhirnya, ia mengalami nasib "hidup segan mati tak mahu". Dengan itu, terkuburlah satu program unik lagi murni yang belum pernah digubal atau dilaksanakan di mana-mana juga negara di dunia.

Bagaimanapun, 14 tahun kemudian iaitu pada 2001, Allah s.w.t., mentakdirkan Datuk Abdul Rafie Mahat dilantik menjadi Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia. Sebagai Ketua Pengarah Pendidikan yang menyedari betapa penting dan bermanfaatnya program kewarganegaraan kepada pelajar, beliau menggerakkan kembali program tersebut. Bukan itu sahaja, Abdul Rafie juga telah memenuhi saranan Abdullah agar sekolah dijadikan institusi masyarakat kerana beliau berpendapat bahawa apa yang dianjurkan oleh pemimpin yang berpandangan jauh itu perlu dilaksanakan secara terus-menerus.

Abdul Rafie turut berpendapat bahawa bagi memastikan program tersebut mencapai kejayaan, tidak memadai jika ia diserahkan kepada tanggungjawab para guru dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)

semata-mata, tetapi perlu melibatkan seluruh anggota masyarakat hingga mereka menganggap sekolah sebagai hak mereka. Falsafah ini bertepatan sekali dengan apa yang pernah disuarakan oleh Abdullah suatu ketika dulu.

Abdul Rafie berkata, dalam hal ini, apa yang dimaksudkan oleh Abdullah ialah pentingnya permuafakatan dan perpaduan di kalangan semua pihak dalam memupuk semangat berbaik sangka dan bekerjasama.


Sungguhpun ketika Abdul Rafie dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Abdullah sudah tidak lagi menjadi Menteri Pendidikan, namun, sebagai seorang ilmuan yang berpandangan jauh dan patriotik, Abdul Rafie tetap berazam untuk menterjemah dan melaksanakan semula rancangan unik yang diilhamkan oleh Abdullah itu dengan mewujudkan program integrasi murid yang diringkasnya dikenali sebagai RIMUP. Projek yang bertujuan memupuk perpaduan di kalangan generasi muda ini kemudiannya diperincikan lagi agar apa yang dihasratkan oleh Abdullah dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sejajar dengan apa yang dihasratkan oleh Abdullah itu, semasa berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan (1995-1996), Abdul Rafie telah memperkenalkan satu program khusus dengan menjadikan Ogos sebagai bulan patriotisme bagi sekolah di Wilayah Persekutuan. Apabila beliau memegang jawatan Pengarah Pendidikan Negeri Selangor pada 1998-1999, Abdul Rafie meneruskan program ini bagi semua sekolah di negeri berkenaan. Ini menunjukkan dengan jelas komitmen beliau untuk menjayakan program yang diilhamkan oleh Abdullah itu.



**BERKERJASAMA ...** Abdullah Ahmad Badawi bersama Menteri Pendidikan, Musa Mohammad, sama-sama berusaha memajukan sistem pendidikan negara.

Sebenarnya, keazaman Abdul Rafie untuk menjayakan hasrat murni dan idea bernas Abdullah tidak terhenti setakat itu sahaja. Beliau seterusnya mengilhamkan dan melaksanakan program Permuafakatan Sekolah-Rumah-Masyarakat-Rakan melalui gerakan yang dikenali sebagai "School-Home Partnership" yang bertujuan memantap dan meningkatkan lagi tahap disiplin di kalangan pelajar. Beliau mengambil langkah ini berikutan sungutan pelbagai pihak mengenai tahap disiplin yang semakin merosot di kalangan pelajar.



Apabila beliau dilantik menjadi Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Jabatan Sekolah, Kementerian Pendidikan pada tahun 2000, Abdul Rafie meneruskan usaha gigih beliau ini dengan mengerakkan semula Majlis Permuafakatan di peringkat Kebangsaan yang melibatkan Kesatuan Guru, Badan Profesional dan agensi kerajaan.

Abdul Rafie adalah kakitangan awam yang gemar mengamati dan mengkaji kebolehan seseorang pemimpin. Beliau menilai segala rancangan yang disarankan oleh setiap pemimpin yang bertujuan memenuhi kepentingan rakyat dan negara terutama dalam bidang pendidikan. Melalui pemerhatian serta kajiannya, Abdul Rafie tidak meragui kebaikan saranan dan harapan Abdullah untuk melihat perpaduan dan integrasi kaum di Malaysia terjalin dengan lebih erat. Berdasarkan hakikat inilah, beliau mengambil daya usaha untuk menjayakan program integrasi di kalangan pelajar melalui pelbagai kegiatan termasuk perkhemahan pelajar dan program berkembar secara ko-kurikulum di samping menyediakan peruntukan kepada jabatan pendidikan negeri bagi melicinkan lagi perjalanan program tersebut.

Dalam satu temu bual dengan penulis, Abdul Rafie melahirkan rasa kagumnya terhadap sifat mulia yang terdapat pada diri Abdullah. Antaranya ialah apabila Abdullah, dalam satu majlis taklimat yang dihadiri oleh Ketua-ketua Setiasusaha dan Ketua-ketua Pengarah, Abdullah menyarankan agar setiap orang suka dan sayangkan kerjanya.

Contohnya, kata Abdul Rafie, Abdullah mahu para guru sedar bahawa tugas mereka adalah fardhu ain. Kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri itu menjadi dorongan kepada kaum guru supaya melaksanakan



**BERKONGSI IDEA** ... Abdullah Ahmad Badawi, Musa Mohammad dan Ketua Pengarah Pendidikan, Abdul Rafie (tunduk) sedang meneliti beberapa perkara mengenai pendidikan sebelum disampaikan kepada rakyat.

tugas mereka dengan sebaik mungkin kerana ia merupakan suatu ibadah.

"Oleh itu kita tidak boleh lari daripada tanggung jawab tersebut dalam mendidik dan mengajar dengan lebih tekun berdasarkan kemampuan yang ada pada kita supaya sekurang-kurangnya, kita sudah menyempurnakan fardhu ain yang dituntut ke atas diri kita", kata beliau.

Menurut beliau, apa yang dimaksudkan oleh Abdullah ialah bagi orang yang tidak bertugas sebagai guru, khidmatnya menyebarkan maklumat dan mendidik merupakan fardu kifayah.

Sebagai Ketua Pengarah Pendidikan, beliau mensifatkan bahawa apa yang dihajati oleh Abdullah ialah kaum guru berusaha untuk melahirkan generasi yang tekun, amanah, dan setia kepada negara serta pemimpin.

Kata beliau lagi, apa yang dihajati oleh Abdullah ini mengandungi falsafah yang mendalam dan erti yang amat luas kepada kita semua.

Abdul Rafie juga menyifatkan Abdullah sebagai insan dan pemimpin yang peka serta tidak lokek memberi penghargaan serta pengiktirafan kepada mereka yang pernah berjasa, tidak kira biar sekecil mana sekalipun, jasa yang dicurahkan oleh seseorang itu.

Abdul Rafie berkata: "Hakikat ini adalah berdasarkan pengalaman saya ketika mengahadiri satu majlis di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur tidak lama dahulu kerana diundang mewakili kaum guru untuk menerima sumbangan daripada Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)."




**ASYIK ...** Abdullah Ahmad Badawi sedang menghayati kandungan sisipan suratkhbar yang diterbitkan khusus untuk para pelajar.

Peristiwa yang tidak dapat dilupakan oleh Abdul Rafie ini ialah apabila nama beliau diumumkan untuk naik ke pentas bagi menerima penghargaan, beliau terlihat Presiden GPMS, Datuk Suhaimi Ibrahim membisikkan sesuatu kepada Abdullah yang merupakan penangung persatuan tersebut.

"Semasa saya bersalaman dengan Perdana Menteri beliau memegang tangan saya lalu mengangkatnya sambil berkata dengan kuat, "GPMS Alor Gajah." Laungan beliau kemudian disambut dengan tepukan gemuruh oleh hadirin, kata Ketua Pengarah Pendidikan itu.





Abdul Rafie menceritakan peristiwa tersebut dengan penuh rasa terharu kerana beliau tidak menyangka sumbangan kecil beliau dalam mengerakkan GPMS ketika bertugas sebagai Pengetua Sekolah Dato Haji Abdul Karim, Alor Gajah di Melaka dari 1982 hingga 1985 telah mendapat perhatian Abdullah yang pernah memegang jawatan presiden persatuan itu pada awal tahun 1960-an ketika menuntut di Universiti Malaya.

"Bagi saya kesan daripada tindakan itu memberi makna yang sangat besar dan boleh mendorong seseorang menjadi lebih bermotivasi dan berdedikasi. Pendekatan itu juga telah mempamerkan stail kepimpinan beliau yang sebenar di mana beliau mengingati dan mengenang budi orang yang pernah berjasa," ujar Abdul Rafie

Sebagai Ketua Pengarah Pendidikan, Abdul Rafie amat mengagumi hasrat murni Perdana Menteri terhadap tiga perkara yang disuarakan kepada beliau ketika lawatan rasmi ke Kementerian Pendidikan pada 31 Disember 2003.

Sejajar dengan saranan Abdullah agar para pelajar sekolah rendah khatam membaca al-Quran sebelum memasuki sekolah menengah dan mempelajari bahasa Arab serta tulisan Jawi, Abdul Rafie yang sememangnya berazam menanam ciri-ciri keislaman dalam diri setiap pelajar Muslim, segera bertindak untuk melaksanakan apa yang disarankan oleh Perdana Menteri yang beliau amat kagumi itu

Beliau benar-benar ingin melihat apa yang disarankan oleh Abdullah menjadi realiti dalam masa terdekat. Menyedari masa yang sedia ada di sekolah tidak mencukupi untuk tujuan tersebut, beliau berusaha untuk



**DAH SEKOLAH KE BELUM?...** mungkin itu yang disoal oleh Abdullah Ahmad Badawi kepada kanak-kanak tersebut.

menstruktur semula waktu pembelajaran agar idea bernas Perdana Menteri itu dapat dilaksanakan dengan jayanya. Selain daripada faktor masa, Abdul Rafie juga mengkaji untuk mendapatkan khidmat guru-guru yang berkelulusan dan berkelayakan bagi melaksanakan ketiga-tiga pelajaran tersebut.


"Apa yang saya harapkan ialah semoga perancangan yang sedang diusahakan itu dapat dimulakan dalam bulan Mei atau Jun 2004 ini" kata Abdul Rafie dengan penuh harapan.





## **JODOH BERTENTANG MEJA**

Abdullah Haji Ahmad Badawi dilahirkan pada 26 November 1939 di Kampung Perlis, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Beliau adalah anak sulung kepada pasangan Datuk Haji Ahmad Badawi dan Datuk Hajjah Khailan Haji Hassan.



Menurut Haji Mohammad Subky Raof, bekas Ahli Parlimen Balik Pulau (1986-1990), ketika berusia lebih kurang sebulan, Abdullah dibawa oleh kedua orang tuanya berhijrah ke Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak mengikuti datuknya, Haji Abdullah Fahim yang bertugas sebagai mudir (pengetua) di Madrasah Idrissiah. Allahyarham Abdullah Fahim berkhidmat di sekolah tersebut dari tahun 1931 hingga 1946. Di Bukit Chandanlah Abdullah melalui zaman kanak-kanaknya, tempoh penting yang mencorakkan jati diri dan sikap seseorang insan.

Jiwa anak kecil ini telah dibaja, disiram dan dipupuk dengan kasih sayang oleh kedua ibu bapanya. Abdullah adalah anak yang amat bertuah kerana sejak kecil lagi, beliau diberi didikan agama yang sempurna oleh datuk-nenek dan ibu bapanya. Beliau membesar di dalam keluarga yang berpegang teguh kepada ajaran Allah manakala kedua-dua datuk dan bapanya pula merupakan ulama yang menjadi tempat anggota masyarakat mengenal dan mendalami ilmu agama.

Semasa tinggal di Bukit Chandan, Abdullah serta kakak Mohamad Subky, Khalsom (Allahyarham) yang membantu mengasuh Abdullah, dibawa pulang ke Pulau Pinang setiap kali cuti persekolahan. Ada kalanya, mereka sekeluarga balik ke rumah tempat kelahiran Abdullah di Bayan Lepas dan pada masa yang lain pula, mereka balik ke Kepala Batas, rumah datuknya.


Sebelum Abdullah memasuki usia persekolahan, datuk dan keluarganya pulang semula ke Pulau Pinang. Bagaimanapun, mereka tidak tinggal di Bayan Lepas tetapi di rumah pusaka milik datuknya di Kepala Batas. Semasa menetap di Kepala Batas, Abdullah diberi didikan secara lebih



**TERKENANG** ... Datuk Mohamad Subky Raof (kiri) bercerita mengenai Abdullah semasa zaman kanak-kanak. Wajah Abdullah semasa kecil bersama kakak Datuk Mohamad Subky (kanan).

serius oleh ibu bapa dan datuknya mengenai hal-hal berkaitan Islam, khususnya dalam pengajian Al-Quran, Penggunaan kaedah pendidikan yang berkesan dan ditambah pula dengan hati yang mudah menerima pelajaran yang dianugerahkan oleh Allah kepada Abdullah, menyebabkan beliau mampu khatam membaca kitab suci itu ketika berusia 7 tahun.

Bagaimanapun, untuk memahirkan lagi kebolehannya dalam bidang pembacaan al-Quran, Abdullah terus mengulangi pembelajarannya dan dalam masa dua tahun, beliau telah khatam sekali lagi.




Sejak zaman kanak-kanak lagi, Abdullah memiliki ciri-ciri seorang muslim sejati yang kaya dengan budi bahasa serta tertib dalam perilaku. Semua ini adalah hasil didikan ibu bapanya serta asuhan yang beliau terima di Sekolah Agama Daeratul Maarif Al Wataniah yang terletak berhampiran rumahnya. Sifatnya yang sederhana dalam serba-serbi dan ketertiban tutur katanya menyebabkan Abdullah disenangi oleh jiran serta sesiapa juga yang mengenalinya.

Seperti kebanyakan kanak-kanak lain, Abdullah amat rapat dengan datuk serta neneknya dan ini menyebabkan peribadi beliau banyak dipengaruhi oleh watak datuknya. Sebenarnya, perkara ini sering terjadi di kalangan keluarga Melayu terutama di kampung di mana nenek dan datuk amat rapat dengan cucu masing-masing.

Bagaimanapun, bagi Abdullah, ini tidak bererti ibu dan bapanya tidak rapat dengan beliau. Tetapi oleh kerana semasa kecilnya bapa Abdullah sering meninggalkan rumah untuk menjelajah ke seluruh ceruk rantau negara bagi menggembelng tenaga orang Melayu dalam perjuangan menentang Malayan Union dan menuntut kemerdekaan negara dari British, maka kehidupannya lebih banyak dipengaruhi oleh datuknya yang begitu memanjai beliau. Perkara ini sebenarnya dialami juga oleh keluarga pejuang lain di Tanah Melayu ketika itu.

Demikianlah betapa besarnya pengorbanan yang dibuat oleh para pejuang Melayu zaman dahulu yang sewajarnya dikenang dan dihargai oleh generasi hari ini. Tanpa pengorbanan mereka, tidak mungkin generasi sekarang dapat menikmati apa yang terhidang di hadapan mereka sekarang.




**KENANGAN ABADI ...** Abdullah Badawi bersama bapanya di hadapan Sekolah Agama Idrissiah.

Abdullah mula mengenali alam persekolahan formal semasa menuntut di Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam, Kepala Batas sebelum menyambung pelajaran menengahnya di Bukit Mertajam High School, Seberang Perai. Selepas itu beliau berpindah ke Sekolah Methodist Lelaki Pulau Pinang. Pada sebelah petangnya pula, Abdullah mengikuti pendidikan agama di Sekolah Menengah Agama Daeratul Maarif Wataniah, Kepala Batas yang diasaskan oleh datuknya dengan hasil wang yang didermakan oleh orang ramai.

Setelah tamat pengajian peringkat menengah, Abdullah terpilih





melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya (UM). Berkat kesungguhan dan kerajinannya, beliau lulus dengan cemerlang dan mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera (kepujian) dalam jurusan Pengajian Islam pada 1964.

Oleh kerana begitu banyak terdedah kepada perjuangan politik bapanya dan kearifan datuknya dalam politik Islam, sejak remaja lagi, jiwa Abdullah kuat dipengaruhi oleh kedua-dua bidang tersebut. Semasa menuntut di Universiti Malaya, beliau bergiat aktif dalam Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), sebuah persatuan yang begitu giat memperjuangkan kepentingan para pelajar Melayu.

Untuk membolehkannya memberi sumbangan yang lebih berkesan kepada pelajar Melayu, Abdullah menyimpan hasrat untuk bertanding dalam pemilihan Yang Dipertua persatuan itu. Kegiatan dan cita-cita Abdullah ini diketahui oleh bapa serta datuknya yang amat gembira mempunyai zuriat yang begitu bersemangat untuk memperjuangkan nasib anak bangsa.

Menurut Md. Noor, suatu pagi pada awal tahun 1961 iaitu ketika beliau bersarapan dengan beberapa penduduk setempat bersama Haji Abdullah Fahim di sebuah kedai kopi di pekan Kepala Batas, Abdullah Fahim memberitahu rakan-rakannya bahawa Insyallah, cucunya (Abdullah), akan menjadi pemimpin besar suatu masa nanti.


"Apa yang lahir dari mulut Tuan Guru yang dianggap mempunyai karamah itu kini telah menjadi kenyataan," kata Md. Noor.



**RUMAH KELAHIRAN PERDANA MENTERI ...** Rumah asal (atas) tempat Abdullah dilahirkan sebelum diubahsuai (bawah).



**KELUARGA BAHAGIA** ... Abdullah Ahmad Badawi bersama isteri, anak lelaki, Kamaruddin (dua dari kiri) dan anak bongsu perempuan, Nori (paling kanan) dan dua orang menantu.



Beliau berkata ramalan ulama terkenal itu menampakkan kebenaran dengan bermulanya kejayaan Abdullah yang terpilih sebagai Yang Dipertua GPMS bagi penggal 1962-1964.

Sebenarnya, jika diamati, Abdullah mempunyai pengalaman yang penuh warna-warni dalam meniti perjalanannya ke puncak kejayaan sebagai pemimpin negara. Kejayaan Abdullah sebagai pemimpin politik bermula dalam Pilihan Raya Umum 1978 apabila beliau mencatat kemenangan dengan majoriti besar untuk dipilih sebagai Ahli Parlimen Kepala Batas. Beliau seterusnya dilantik oleh Perdana Menteri Hussein Onn menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan.

Kebenaran kata-kata ulama itu terbukti lagi apabila Abdullah diberi kepercayaan menganggotai Kabinet Malaysia oleh Hussein Onn dan Dr. Mahathir Mohamad dengan memegang jawatan menteri di beberapa buah Kementerian sepanjang kedua-dua Perdana Menteri berkenaan menerajui negara.

Sebelum itu, dalam kerjayanya sebagai kakitangan awam, Abdullah pernah berkhidmat sebagai Pengarah Belia di Kementerian Belia dan Sukan dan Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian yang sama pada 1971.

Sebagai hamba Allah dan umat Nabi Muhamad (S.A.W) yang patuh kepada ajaran dan sunnahnya, Abdullah tidak melupakan tuntutan tabii untuk mendirikan rumah tangga walaupun sibuk dengan pelbagai tugas dan kegiatan. Akhirnya, dengan kehendak Allah jua, Abdullah bertemu jodoh dan diijabkabulkan dengan isterinya, Datin Seri Endun Mahmood, pada 4 September 1965 dan dikurniakan sepasang cahaya mata iaitu Kamaluddin dan Nori.

Pertemuan jodoh pasangan suami isteri ini bermula ketika mereka bertugas di pejabat yang sama dan mempunyai tempat duduk yang bertentangan meja. Walaupun hubungan antara Abdullah dan Endun begitu intim, namun mereka sentiasa memelihara adat susila dan batasan agama dalam pergaulan. Sifat inilah yang membuat mereka terlepas daripada segala gossip liar dan dihormati oleh rakan-rakan sepejabat.

Salah satu perkara menarik mengenai percintaan pasangan ini ialah tempat yang mereka pilih untuk mengadakan temu janji atau "date" pertama. Berbeza dengan pasangan lain yang lazimnya memilih taman bunga untuk mengadakan pertemuan, Abdullah dan Endun mengadakan temu janji pertama mereka dengan menyaksikan Majlis Musabiqah Al-Quran di Stadium Merdeka.

Apa yang mungkin menyebabkan Endun mengingati temu janji pertama mereka itu buat selama-lamanya ialah pada pertemuan tersebutlah beliau berpeluang mengenali sikap dan peribadi sebenar Abdullah. Apa tidaknya! Sepanjang majlis tersebut, Abdullah menterjemahkan kepada beliau maksud ayat-ayat suci Al-Quran yang dibacakan oleh qari dan qariah yang mengambil bahagian dalam majlis tersebut. Kemahiran dan kelancaran Abdullah mentafsir ayat-ayat suci yang dibacakan itu amat mengagumkan Endun.

Susulan kepada pertemuan pertama itu, Endun sekali lagi bersetuju untuk keluar bersama Abdullah. Bagaimanapun, untuk temu janji kali kedua, mereka menonton filem yang begitu popular ketika itu bertajuk, "My Fair Lady". Selepas temu janji kedua itu, hubungan mereka menjadi semakin intim hinggalah akhirnya diijabkabulkan sebagai suami isteri.



**PASANGAN BAHAGIA ...** Sokongan dan kesetiaan isteri tersayang banyak membantu Abdullah dalam mengharungi pelbagai cabaran hidup.

Panggilan mesra Endun kepada Abdullah ialah "Lah". Kejujuran dan kesolehan Abdullah yang diwarisi daripada moyang, datuk dan ayahnya menyebabkan Endun menggelar suaminya itu sebagai "KERAMAT HIDUP".

Walaupun sudah berumah tangga, sikap dan perangai Abdullah tetap tidak berubah. Beliau masih seperti sebelumnya yang berpegang teguh kepada sikap sederhana dalam serba-serbi dan mementingkan hubungan dengan saudara mara. Menceritakan sikap Abdullah yang begitu prihatin terhadap hubungan dengan sanak saudara dan kaum kerabat, Mohamad Subky memberitahu, beliau masih ingat bagaimana sikap mulia Abdullah pernah menyebabkannya berada dalam keadaan serba salah.

Sikap Abdullah yang sentiasa memelihara hubungan silaturahim dengan sanak saudaranya terpamer dengan jelas apabila beliau mengajak abang sepupunya itu tinggal di rumahnya walaupun ketika itu Abdullah baru sahaja mendirikan rumah tangga.

Menurut Mohamad Subky, ketika itu Abdullah tinggal di Jalan Gasing, Petaling Jaya manakala beliau pula tinggal di Kampung Baru dan bertugas di Rumah Persekutuan (berhampiran Dataran Merdeka sekarang). Bagaimanapun, beliau menolak pelawaan Abdullah itu dengan baik kerana tidak mahu mengganggu keselesaan hidup yang mereka nikmati sebagai suami isteri. Mohamad Subky juga berpendapat jarak untuknya berulang alik ke pejabat akan menjadi lebih jauh sekiranya beliau berpindah ke Jalan Gasing.

Mohamad Subky berkata beliau tahu Abdullah dan isterinya ikhlas ketika mempelawanya untuk tinggal bersama mereka agar beliau dapat



**MENGADU NASIB ...** Abdullah dan isteri adalah pasangan yang amat dikenali kerana keperihatinan dan keikhlasan mereka dalam membantu golongan yang memerlukan pertolongan.


menjimatkan perbelanjaan sewa rumah serta makan minum. Keikhlasan inilah, kata Mohamad Subky yang membuat beliau amat menghormati pasangan suami isteri itu sepanjang hayatnya.

Abdullah juga terkenal sebagai insan yang suka menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan bantuannya. Di samping itu, beliau juga sangat dikagumi kerana sikap sabar serta kemampuannya mengawal perasaan sekalipun dalam keadaan yang amat mencabar. Menurut Endun, beliau tidak pernah melihat suaminya itu marah sejak mereka mula berkenalan hinggalah ke hari ini.





**PERAMAH ...** Abdullah bersama isteri melayani kanak-kanak dan meraikan tetamu ketika menyambut Hari Raya tahun lalu.



Abdullah dihormati oleh segenap lapisan rakyat termasuk musuh politiknya kerana jawatan dan kedudukan tinggi yang beliau sandang tidak sedikit pun menggugat keimanan dan mengubah sikap beliau untuk berlagak sombong atau angkuh. Sifat sederhana sentiasa mengiringi perjalanan hidupnya sebagai seorang hamba Allah walaupun sudah bergelar pemimpin. Satu lagi sifat terpuji yang dimiliki oleh Abdullah ialah beliau sentiasa tenang dan sabar dalam menghadapi sebarang keadaan.

Antara contoh paling ketara mengenai kesabaran dan ketinggian akhlak Abdullah ialah apabila beliau menerima sindiran dan penghinaan oleh bekas Presiden PAS, Allahyarham Datuk Fadzil Noor berikutan penularan wabak Japanese Encephalitis (JE) di negara ini tidak berapa lama dulu. Dalam ceramahnya di Cheruk Tok Kun, Bukit Mertajam Pulau Pinang pada April 1999, Fadzil dengan jelas menghina Abdullah dan keluarganya apabila beliau berkata: "orang Badawi di tanah Arab menjaga unta dan kambing, tetapi Badawi di Malaysia menjaga babi."

Kata-kata Fadzil itu secara terang ditujukan kepada Abdullah yang ketika itu dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Petugas Khas Kabinet untuk bertindak dan menangani segala urusan berkaitan wabak JE yang mengancam kesihatan dan nyawa penduduk di negara ini, khususnya mereka yang terlibat dengan penternakan babi dan yang makan daging haiwan itu.

Kata-kata Fadzil itu bukan sahaja mengecewakan Abdullah dan keluarga beliau tetapi, pada waktu yang sama, merendahkan pekerti pemimpin PAS itu sendiri sebagai seorang yang berpendidikan agama. Lemparan kata-kata penghinaan ketua pembangkang itu telah menimbulkan


kemarahan di kalangan pemimpin dan rakyat Malaysia yang rasional dan tahu menghormati maruah sesama manusia.

Bagaimanapun, apa yang mengkagumkan semua pihak ialah kemampuan Abdullah mengawal perasaannya berikutan apa yang diucapkan oleh Fadzil itu apabila beliau berkata: "Saya benar-benar sedih kalau kenyataan itu keluar dari mulut (Fadzil) dan kalau budak-budak keluarkan kita panggil dia biadablah."

Di sinilah terpamernya kemuliaan akhlak Abdullah di samping kesabaran beliau yang tinggi ketika menghadapi sesuatu ujian dan cabaran. Beliau tidak mudah melatah atau melenting dan membalas kejahatan dengan kejahatan. Pendirian inilah yang sering membuat musuh beliau mati langkah dan malu terhadapnya. Ini merupakan senjata serta kekuatan yang tidak dimiliki oleh ramai orang terutama di kalangan mereka yang mempunyai kuasa seperti Abdullah.

Walaupun sedih dengan kata-kata nista dan penghinaan yang dilemparkan oleh Fadzil terhadap diri dan keluarganya, namun sebagai orang yang beriman, Abdullah menganggap perkara itu sebagai ujian Allah terhadap kesabarannya dan berdoa agar Allah memberi kepada beliau kekuatan serta kesabaran untuk menghadapinya.

Dengan kehendak Allah, pada 10 Mei 2002, Fadzil yang sebelumnya kelihatan sihat dan bersemangat setiap kali berdiri di pentas ceramah, telah mengadu sakit dada setibanya di Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu. Lanjutan daripada itu, beliau dimasukkan ke Hospital Besar Kuala Terengganu untuk pemeriksaan.



Oleh kerana keadaan beliau agak serius, maka Fadzil diterbangkan ke Kuala Lumpur untuk mendapat rawatan selanjutnya di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM). Hasil daripada pemeriksaan doktor, beliau didapati perlu menjalani pembedahan pintasan pembuluh jantung dengan segera dan pada 10 Jun 2002 pembedahan pun dilakukan .

Sebaik menerima perkhabaran tentang masalah kesihatan yang dihadapi pemimpin PAS itu, sebagai seorang muslim yang berhemah tinggi serta pemimpin yang berhati mulia, Abdullah segera melawat Fadzil walaupun pemimpin PAS itu pernah menghina dan menjatuhkan maruah beliau dan seluruh keluarga Ahamd Badawi. Kemesraan yang ditunjukkan oleh beliau terhadap Fadzil yang terlantar di katil menunjukkan seolah-olah tiada perkara yang tidak baik pernah berlaku antara mereka. Malah, Abdullah berdoa kepada Allah agar kesihatan ketua pembangkang itu segera pulih.


Bagaimanapun, sebagai hamba, kita perlu akur bahawa bukan semua doa dan permintaan kita akan diperkenan dan dikabulkan oleh Allah yang maha luas ilmunya tentang segala sesuatu. Kita juga perlu menerima hakikat bahawa sifat Allah yang Maha Berkehendak mengatasi kemahuan semua makhluk. Begitu jugalah halnya dengan doa yang dibaca oleh Abdullah untuk memohon kepada Allah supaya memulihkan kesihatan Fadzil. Sungguhpun beliau ikhlas dalam mengharapakan agar pemimpin PAS itu cepat sembuh, namun kudrat dan iradat Allah mengatasi segalanya. Pada pukul 10.30 pagi 23 Jun 2002, Fadzil yang telah menjalani pembedahan koronori serta terlantar selama 13 hari di katil HUKM, menghembuskan nafas terakhir.



**TIDAK BERDENDAM WALAUPUN DIHINA ...** Sebagai seorang yang menerima didikan agama yang cukup, Abdullah pasti menunaikan kewajipannya. Kelihatan beliau bersama-sama pemimpin PAS, membaca Surah Yassin di majlis tahliil untuk Allahyarham Presiden PAS, Datuk Fadzil Noor.

Sebaik sahaja menerima berita tentang kematian Fadzil, Abdullah segera bergegas ke HUKM untuk menziarahi jenazahnya. Abdullah dengan sedih menyampaikan ucapan takziah kepada ahli keluarga Allahyarham Fadzil. Beliau juga berusaha membantu segala apa yang diperlukan berhubung pengurusan jenazah pemimpin PAS itu. Apa yang paling menarik ialah Abdullah telah mengetuai bacaan doa sebelum jenazah Fadzil dibawa keluar dari hospital untuk di bawa ke kampung halamannya di Kedah untuk disemadikan.

Demikianlah betapa tingginya pekerti Abdullah. Beliau bukan sahaja tidak mengambil sebarang tindakan terhadap pemimpin PAS itu kerana telah



mengaibkan nama baik keluarganya, malah beliau menziarahi dan mendoakan Fadzil agar segera sembuh sebelum beliau menghembus nafas terakhir dan mengetuai pembacaan doa bagi mengiringi jenazahnya. Benar dan tepat sekalilah gelaran yang diberi oleh isterinya, Endun kepada Abdullah iaitu "Keramat Hidup".

Apa yang pasti ialah segala kesilapan dan keterlanjuran yang dilakukan oleh Fadzil terhadap Abdullah sudah pun beliau maafkan. Bagaimanapun, yang patut menjadi renungan dalam peristiwa ini ialah perwatakan dan keperibadian antara kedua-dua insan tersebut yang sama-sama berpendidikan agama yang tinggi, tetapi memiliki keperibadian dan perwatakan yang amat jauh berbeza.





## **PERJUANGAN SEORANG ULAMA**

**N**ama Haji Ahmad Badawi memang tidak asing dalam bidang politik dan agama di negara ini. Bapa kepada Perdana Menteri Malaysia Kelima ini adalah seorang nasionalis dan ulama yang amat disegani terutama oleh penduduk di negeri-negeri utara semenanjung dan pemimpin-pemimpin negara yang seangkatan dengannya.



Allahyarham adalah antara ulama yang telah memainkan peranan penting dan bergerak di barisan paling hadapan bersama pemimpin Melayu lain dalam perjuangan menentang penubuhan Malayan Union oleh British di Tanah Melayu. Beliau juga terkenal sebagai antara anak watan yang paling lantang dan memainkan peranan penting dalam menuntut kemerdekaan negara dari British.

Sikap Ahmad Badawi yang begitu bersemangat dalam memelihara kedaulatan Islam dan memperjuangkan kemerdekaan tanah air dibentuk oleh ilmu politik Islam yang diwarisi daripada bapanya, Allahyarham Haji Abdullah Fahim. Gandingan antara ilmu agama dan pengalamannya dalam berpersatuan semasa menuntut di Mekah telah berjaya membakar semangat orang Melayu untuk bangun menuntut kemerdekaan daripada penjajah Inggeris.

Semangat juang yang mengalir di dalam tubuh insan yang amat bercikan penjajah ini berjaya mempengaruhi sebahagian besar orang Melayu untuk menyertai beliau menggegarkan kedudukan British di negara ini. Perjuangan beliau ketika orang Melayu dan seluruh rakyat negara ini begitu dahagakan kemerdekaan adalah begitu luhur, tanpa mengharap untuk dinobatkan sebagai wira atau mendapat ganjaran duniawi. Bagi beliau, penjajahan terhadap orang Melayu bererti suatu penghinaan kepada Islam, iaitu agama yang mereka anuti.

Sebelum UMNO ditubuhkan, Ahmad Badawi bergerak cergas dalam Persatuan Melayu Seberang Prai (PMSP), Pulau Pinang. Apabila UMNO ditubuhkan, selaku peneraju PMSP, beliau telah mengambil daya usaha menggabungkan persatuan itu dan UMNO. Setelah kedua-dua pertubuhan Melayu ini bergabung, beliau dilantik Ketua Pemuda UMNO Seberang Prai.



**KENANGAN ...** Haji Ahmad Badawi (duduk dua dari kiri) bergambar kenangan bersama sahabat handai di Istana Sultan Perak di Kuala Kangsar, Perak.

Ahmad Badawi kemudiannya dipilih sebagai Naib Ketua Pemuda UMNO Kebangsaan pada Mesyuarat Agung UMNO ke-7 yang berlangsung di Seberang Prai dari 12 hingga 15 September 1952, jawatan yang disandanginya hingga 1964.

Menurut cerita Datuk Abdul Aziz Ahmad, lebih dikenali dengan panggilan Datuk Aziz Antara, yang pernah menuntut di bawah bimbingan Haji Abdullah Fahim sewaktu berusia belasan tahun, Haji Ahmad Badawi adalah pemimpin yang amat berwibawa dan memiliki semangat perjuangan yang tinggi.

"Haji Ahmad Badawi berjuang bukan untuk kedudukan atau wang ringgit. Beliau ikhlas dan tidak mengharapkan sebarang imbuhan. Keturunan Tuan Guru Sheikh Abdullah Fahim bukan calang-calang keturunan," kata Abdul Aziz.



**DATUK ABDUL AZIZ AHMAD ...**  
Pengalaman bersama Ahmad Badawi membuat beliau amat mengenali dan mengagumi kepenbadian bapa Perdana Menteri Kelima itu

Abdul Aziz berkata, walaupun beliau tidak sempat menuntut dengan Ahmad Badawi kerana menyambung pengajian di Maahad Al Masyhor, Pulau Pinang, tetapi beliau sering bertemu dengan tokoh UMNO Pulau Pinang itu semasa Ahmad Badawi menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan anggota Exco Pulau Pinang.

Abdul Aziz menyifatkan Ahmad Badawi sebagai seorang yang hebat kerana kemampuan beliau berjuang secara terus-menerus sejak sebelum merdeka hinggalah selepas merdeka dengan penuh tanggungjawab.

Pembabitan beliau dalam UMNO tidak terhenti sebagai Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO sahaja, malah beliau terpilih sebagai Ahli Majlis Kerja Tertinggi (kini dikenali sebagai Majlis Tertinggi -MT) bagi penggal 1958-1959. Dalam percubaan pertama itu, beliau menduduki tempat ke-15. Bermula dari tahun tersebut, Ahmad Badawi terus-menerus dipilih menganggotai MT hinggalah ke tahun 1964.

Penglibatan Ahmad Badawi dalam arena politik telah memikat hati sebahagian besar rakyat negara ini, terutama di Kepala Batas dan Pulau Pinang, untuk menyertai UMNO. Kehadiran ulama dan anak Tuan Guru yang terkenal sebagai pemimpin yang warak ini telah berjaya menyekat



**BERKHIDMAT UNTUK RAKYAT ...** Haji Ahmad Badawi (berdiri paling kiri) bersama Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada tahun 1963.

*pengaruh parti-parti pembangkang khususnya PAS di Pulau Pinang di kalangan orang Melayu.*

*Berkat keikhlasan, kejujuran serta ciri-ciri kepimpinan berkualiti yang beliau miliki, maka pada pilihan raya umum pertama selepas Merdeka yang diadakan pada 6 Jun 1959, Ahmad Badawi terpilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kepala Batas. Kini kawasan pilihan raya ini dikenali sebagai Bertam.*

*Berikutan prestasi cemerlangnya dalam memberi khidmat kepada rakyat, Ahmad Badawi berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai ADUN dan dilantik sebagai anggota EXCO sehinggalah beliau menghembuskan nafas terakhir pada 8 Mei 1977.*

*Jasa beliau sebagai ADUN dan EXCO Kerajaan Pulau Pinang kepada rakyat negeri itu, khususnya orang Melayu, terlalu besar. Jariahnya sepanjang*

berkhidmat sebagai ahli politik dan pendidik Islam terlalu sukar untuk dihitungkan dan dinilai dengan wang ringgit. Penglibatan beliau sebagai ulama yang gigih menyebarkan syiar Islam di negara ini serta kejayaannya menarik minat orang Melayu untuk menyertai UMNO membuktikan bahawa parti yang menjadi tulang belakang pentadbiran negara itu turut didokong oleh mereka yang mahir dalam ilmu-ilmu Islam.

Sesuai dengan kedudukan beliau sebagai ulama, ketika berucap dalam salah satu perhimpunan orang Melayu di Sauk, Kuala Kangsar pada tahun 1950-an, Ahmad Badawi berpesan kepada mereka supaya apabila negara mencapai kemerdekaan kelak, mereka perlu terus berpegang teguh pada ajaran Islam, khususnya dari segi akidah dan tauhid serta tidak lupa diri, untuk mengelak daripada menjadi hamba di tanah air sendiri.

Katanya, kealpaan orang Melayu juga boleh menyebabkan mereka menjadi ibarat ayam yang mati kelaparan di kepok padi, itik yang mati kehausan di kolam atau menjadi seperti Pak Kadok, menang sorak, kampung tergadai.

Keikhlasan dan kebolehan Ahmad Badawi sebagai ahli politik yang diterima semua bangsa menyebabkan beliau dilantik sebagai Exco kanan kerajaan Pulau Pinang di bawah pimpinan Ketua Menteri ketika itu, Tun Dr. Lim Chong Eu. Oleh itu, tidak hairanlah beliau diberi kepercayaan oleh pemimpin Pulau Pinang itu untuk memangku jawatan Ketua Menteri semasa Dr. Lim berada di luar negara pada tahun 1975.

Sebagai ulama, Ahmad Badawi pernah memegang pelbagai jawatan berkaitan agama termasuk Pengerusi Zakat dan Ahli Majlis Penasihat Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Sepanjang menjadi wakil rakyat, Haji



**BERKARISMA** ... Haji Ahmad Badawi (berdiri tujuh dari kiri) menganggotai Dewan Undangan Negeri sehingga ke akhir hayat beliau. Kepimpinan beliau di akui sendiri oleh Ketua Menteri ketika itu.

*Ahmad Badawi begitu dihormati dan dikasihi ramai kerana sikapnya yang tidak memilih bangsa atau taraf hidup dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat.*

*Haji Ahmad Badawi dilahirkan pada 13 Oktober 1907 di Mekah Al Mukarramah. Gelaran Badawi yang tertera di dalam kad pengenalan beliau adalah mengambil sempena nama salah seorang daripada empat ulama (Qutub Empat) Mesir. Bagaimanapun, mengikut cerita Allahyarham Datuk Haji Abdul Fatah bin Abdullah, bekas setiausaha politik kepada Abdullah, gelaran Badawi yang digunakan oleh Ahmad Badawi adalah mengambil sempena ijazah, Al Badawi, yang beliau terima setelah tamat menuntut dengan 40 orang guru agama di Mekah.*

*Gelaran Badawi juga membawa erti besar kepada beliau kerana ketika masih remaja, Ahmad Badawi telah melibatkan diri dalam pertubuhan-*




**KETURUNAN PENDIDIK ...** Haji Ahmad Badawi (berserban) sebagai pengetua yang diwarisi daripada bapanya, bersama tenaga pengajar dan pelajar di hadapan Daeratul Maarif al-Wataniah.

pertubuhan Arab bagi menentang penjajah Inggeris, Perancis dan Yahudi. Pertubuhan yang berpusat di Mesir ini bergerak cergas di beberapa buah negara Teluk.

Semenjak kanak-kanak lagi, Ahmad Badawi telah mendapat pendidikan agama daripada Allahyarham ayahandanya, Tuan Guru Haji Abdullah Fahim hinggalah usianya meningkat remaja. Beliau kemudian meneruskan pengajian secara formal di Mekah selama lapan tahun. Semasa menuntut di Mekah, Ahmad Badawi menjadi pemimpin bagi pelajar Melayu yang berasal dari Semenanjung Tanah Melayu, Indonesia dan Pattani, Thailand.

Semasa menuntut di Mekah, Ahmad Badawi juga aktif dalam sukan bola sepak dan pernah melatih belia-belia Arab dalam permainan itu. Ulama yang juga mahir dalam ilmu persilatan ini merupakan pengasas kelab bola sepak Al-Wahdah di Mekah yang kekal sehingga sekarang.



Sekembali beliau ke tanah air dari Mekah, Ahmad Badawi menjadi tenaga pengajar di Sekolah Agama Daeratul Maarit Wataniah (DMW) di Kepala Batas. Di samping itu, beliau juga memberi kuliah agama di Masjid Kepala Batas dan mempunyai pelajar dari seluruh Semenanjung hinggalah ke Pattani di Thailand. Kebolehan beliau menguasai pelbagai ilmu agama dan dalam bidang pengurusan mendapat kepercayaan bapanya, Abdullah Fahim, untuk mengambil alih jawatan mudir DMW apabila ahli falak terkenal itu telah meningkat usia. Keluhuran pekerti dan keikhlasan Ahmad Badawi dalam usahanya menyebarkan syiar Islam terbukti apabila beliau tidak pernah mengambil sebarang gaji sepanjang menjadi mudir DMW.


Jasa dan pengorbanan Ahmad Badawi dalam bidang politik dan agama amat menonjol sewaktu kebangkitan rakyat negara ini, khususnya orang Melayu, menentang penjajah terutama ketika munculnya gagasan Malayan Union. Sejak zaman kepimpinan Allahyarham Datuk Onn Jaafar hinggalah ke zaman Tunku Abdul Rahman, beliau sentiasa berada di barisan hadapan dalam perjuangan menuntut kemerdekaan negara.

Pengorbanan yang beliau curahkan dalam perjuangan yang akhirnya membawa kepada kemerdekaan negara dan sumbangannya dalam mengisi era kemerdekaan pada zaman kepimpinan Abdul Razak terlalu besar untuk dinilai dengan wang ringgit atau dibalas dengan gelaran kebesaran. Seluruh rakyat Malaysia termasuk generasi masa kini amat terhutang budi kepada Ahmad Badawi kerana melalui pengorbanan dan sumbangan beliau bersama rakan sepejuangannya, kita semua dapat merasai nikmat kemerdekaan dan kemajuan yang ada sekarang.





**ISTERI DAN IBU MITHALI ... Allahyarham Datuk Khailan ditemani Abdullah Badawi sewaktu menerima gelaran Datuk.**



Sebagai ulama, pendakwah dan pendidik pula, Ahmad Badawi telah melahirkan ramai tokoh dan guru agama yang menyambung jariah beliau dalam melahirkan insan yang bertakwa dan berjasa kepada tanah air dan agama Islam bukan sahaja di negara ini, malah di kalangan masyarakat Islam di negara jiran.

Ahmad Badawi mendirikan rumahtangga dengan Hajjah Khailan Haji Hassan dan dikurniakan empat orang anak, tiga lelaki dan seorang perempuan. Abdullah adalah anak sulung mereka serta adik-adiknya Aminah, Ibrahim dan Tahir.

Hajjah Khailan adalah anak keenam daripada isteri ketiga pasangan Haji Hassan dan Mariah yang dikenali di kalangan keluarganya sebagai Siantah. Kelima-lima orang saudara tua Hajjah Khailan adalah lelaki iaitu Datuk Haji Abdul Kadir (bekas ADUN Penaga, Pulau Pinang), Haji Ishak, Haji Tahar, Haji Surusi dan Haji Bilal. Bagaimanapun, kesemua mereka telah meninggal dunia.

Menurut sepupu Abdullah, Datuk Haji Mohamad Subky, Allahyarham Haji Hassan bin Salleh adalah seorang Cina Islam yang berasal dari Kwantong, China. Apabila berhijrah ke Pulau Pinang, beliau menjalankan perniagaan intan berlian dan lada.


Sepanjang hayatnya, Ahmad Badawi hidup sebagai pejuang yang tidak pernah mengenal erti takut atau jemu dalam memburu impian untuk melihat tanah airnya bebas daripada cengkaman penjajah. Dalam perjuangan menegakkan syiar Islam pula, beliau adalah seangkatan dengan tokoh-tokoh agama terkenal di Tanah Melayu seperti Tok Kenali,

Syed Shiekh Al-Hadi dan Shiekh Tahir Jalaluddin. Penglibatan tokoh-tokoh ini dalam perjuangan menentang penjajahan membuktikan betapa pragmatismenya ulama pada zaman dahulu dalam menangani isu-isu negara. Mereka tidak hanya menghadkan pembabitan masing-masing di masjid, surau atau madrasah semata-mata.

Perjuangan Ahmad Badawi kini diteruskan pula oleh anaknya Abdullah, yang turut memanfaatkan segala pengetahuan yang beliau miliki dalam bidang pentadbiran dan agama bagi membela nasib rakyat dan mempertahankan kemerdekaan negara daripada segala bentuk penjajahan pada zaman moden ini. Ahmad Badawi amat bertuah kerana mempunyai anak yang bukan sahaja mewarisi perjuangannya, malah menghargai dan menggunakan acuan nasionalisme dan agama yang telah beliau gunakan dalam membela nasib rakyat dan pertiwi.

Hakikat ini dapat dilihat dengan jelas melalui ucapan beliau semasa merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO pada Jun 1999 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Dalam ucapannya, Abdullah antara lain, mengingatkan hadirin bahawa tiada jalan pintas yang dapat memastikan kejayaan sesuatu perjuangan seperti yang dapat dilihat dalam perjuangan para pemimpin terdahulu, termasuk Allahyarham bapanya, dalam mencapai kemerdekaan negara.

Beliau juga memuji kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad yang telah berjaya meletakkan martabat bangsa di persada yang tinggi dan mendaulatkan kemerdekaan negara melalui wawasan yang luas dan agenda pembangunan yang dinamik.



Para pimpinan kita, kata beliau, telah melalui lorong perjuangan yang penuh berliku serta menempuh onak dan duri untuk memastikan rakyat dan negara ini menikmati kemakmuran.

"Demikianlah pahit jerih, keringat dan tenaga yang dilaburkan untuk meningkatkan martabat bangsa dan untuk mendaulatkan kemerdekaan negara dalam usaha membuka laluan luas kepada bangsanya untuk menerokai dunia. Mereka yang tidak mengalami keperitan untuk membangun dan menyatukan sesebuah organisasi terlalu mudah menjalankan usaha untuk meruntuh institusi yang kini terbina kukuh hingga ada yang sudahpun hilang pedoman dan sanggup membuka pintu negara kita merelakan campur tangan asing untuk meruntuhkan organisasi bangsa sendiri", kata Abdullah.

Begitulah nada dan seruan seorang pemimpin tulen yang mahu melihat bangsanya, institusi yang diwarisinya, negaranya dan rakyat yang dipimpinnya terus-menerus meneroka kejayaan dalam pelbagai bidang hingga di peringkat antarabangsa.

Ketulusan beliau dalam mengingatkan generasi hari ini mengenai pengorbanan yang telah dicurahkan oleh para pejuang kebangsaan bagi mengembalikan kedaulatan bangsa, negara dan agama Islam yang maha suci daripada cengkaman penjajah, merupakan amanat penting yang seharusnya dilihat daripada perspektif yang positif dan minda yang lebih terbuka oleh seluruh rakyat negara ini.





## **BESARNYA JASA HAJI ABDULLAH FAHIM**




Haji Abdullah Fahim berketurunan Arab. Beliau yang lebih dikenali sebagai Sheikh Abdullah Fahim memang tidak asing di kalangan para ulama dan sinonim dengan tarikh kemerdekaan Negara Malaysia. Beliau adalah antara ulama tempatan yang paling giat berjuang dalam bidang agama dan menjadi pemandu arah kepada para pemimpin politik negara ini dalam menyatupadukan penduduknya dalam gerakan menentang penjajahan dan mendapatkan kemerdekaan tanah air.

Haji Abdullah Fahim yang lebih mesra dengan panggilan "Pak Ngah Lah" di kalangan penduduk setempat dan anak muridnya, dilahirkan pada 1870. Bagaimanapun ada pihak yang mengatakan ulama terkenal ini dilahirkan di sebuah kampung bernama Shaiab Ali berhampiran Masjid Al-Haram di Mekah, Arab Saudi dan ada pula yang mengatakan beliau dilahirkan di Kampung Kubur Panjang, kira-kira 32 kilometer dari Alor Setar, Kedah.

Menurut beberapa sumber termasuk kisah yang dikutip daripada cucu-cicit, kenalan keluarga dan catatan yang disimpan oleh mereka yang mempunyai kaitan dengan ahli falak terkenal ini, Abdullah Fahim dikatakan telah berhijrah ke Mekah bersama ayahnya, Sheikh Ibrahim bin Haji Tahir ketika beliau masih kecil untuk bermastautin di sana. Menurut sumber, Sheikh Ibrahim Haji Tahir berasal dari Kampung Kubur Panjang, Kedah.

Fakta ini terkandung dalam carta salasilah keturunan beliau yang masih disimpan oleh sepupu Abdullah, Haji Mohamad Subky Raof. Semasa tinggal di Mekah, Allahyarham moyang Abdullah, Shiekh Ibrahim, menjadi guru dalam bidang pengajian Al-Quran hinggalah ke akhir hayatnya.

Haji Abdullah Fahim adalah anak kedua daripada empat orang adik beradik. Keluarga Abang Haji Abdullah Fahim (panggilan keluarga sebagai Pak Long) masih berada di Balik Pulau, Pulau Pinang manakala keluarga adiknya, Hajjah Kalsom, yang dikenali di kalangan keluarga sebagai Mak Lang, tinggal di Permatang Bogak, Seberang Perai. Adik bongsu Abdullah Fahim yang bernama Asma (panggilan keluarga sebagai Mak Cik) dan keluarganya pula dipercayai tinggal di Permatang Buloh dan Lahar Yooi, Seberang Perai, Pulau Pinang.



**HJH. SAREAH HJ. HASSAN ...**  
Isteri kedua Abdullah Fahim.

Semasa hayatnya, Sheikh Ibrahim Tahir juga pernah dilantik sebagai ahli lembaga pengelola Masjidil Al-Haram selama tujuh tahun. Kedua beranak ini dikenali oleh masyarakat Mekah sebagai keturunan Jawa dan Pattani. Haji Abdullah Fahim pernah menuntut dengan 45 orang guru agama terkenal dan mendapat kelulusan dalam lebih 15 bidang ilmu Islam. Kemahiran utama datuk kepada Perdana Menteri Malaysia kelima ini adalah dalam bidang ilmu Falak dan Kesusasteraan Arab.

Semasa tinggal di Mekah, Abdullah Fahim mendirikan rumah tangga dengan Hajjah Wan Habsah Haji Abdullah. Mereka dikurniakan dua orang anak lelaki iaitu Ghazali dan Ahmad Badawi. Ghazali dan ibunya, Wan Habsah, z meninggal dunia di Mekah.

Apabila kembali ke Tanah Melayu pada awal tahun 1920-an, Abdullah Fahim berkahwin pula dengan Hajjah Sareah Haji Hassan. Bagaimanapun, mereka tidak dikurnai anak.

Semasa di Mekah, selain mengajar agama, Abdullah Fahim juga bergiat cergas dalam gerakan Islam dan pernah terlibat dalam perjuangan membebaskan tanah Arab daripada penjajahan Yahudi, Inggeris, Perancis dan Amerika. Darah perjuangan inilah yang kini mengalir dalam tubuh cucunya, Abdullah Ahmad Badawi dalam mengemudi Malaysia untuk



menjadi sebuah negara yang lebih maju, bertoleransi, aman dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa.

Dalam bidang agama, Abdullah Fahim mengajar ilmu usuluddin, falak, tafsir al-Quran dan Hadith di Masjidil Haram. Pelajarnya terdiri daripada pelbagai bangsa termasuk yang berasal dari Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Brunei Darussalam, Sumatera, Jawa, Pattani, Filipina, India dan China. Disebabkan oleh kemasyhurannya, apabila pulang ke Tanah Melayu pada 1921, Abdullah Fahim sering diundang untuk menyampaikan ceramah atau memberi pendapat pada seminar dan forum mengenai Islam. Beliau juga sering diminta membentangkan kertas kerja dan menjadi pakar rujuk dalam hal-hal berkaitan agama. Ketinggian ilmu agama yang beliau miliki turut diakui oleh ulama terkenal Indonesia, Allahyarham Profesor Dr. Hamka.

Sekembalinya beliau ke Tanah Melayu, Abdullah Fahim tinggal di Kampung Limbong Kapal, Alor Setar, Kedah dan menjadi guru di Maahad Mahmud yang ketika itu menggunakan sistem pendidikan secara pondok. Pada peringkat awal kepulangan beliau ke tanah air, Abdullah Fahim terpaksa menggilap semula kemahirannya berbahasa Melayu kerana sudah sekian lama tidak mengamalkan bahasa itu.


Selepas menetap di Kedah selama beberapa tahun, beliau berpindah ke Kepala Batas, Seberang Prai, Pulau Pinang. Semasa mula-mula tinggal di Kepala Batas, beliau mengajar agama di anjung rumahnya dan di Masjid Kepala Batas. Apabila jumlah muridnya semakin bertambah, ulama yang merupakan Mufti pertama Pulau Pinang ini mengasaskan penubuhan Madrasah Daeratul Maarif al-Wataniah (DMW) di Kepala Batas yang tenaga pengajarnya termasuklah anak beliau, Haji Ahmad Badawi.



**JARIAH ABDULLAH FAHIM ...** Bangunan Daeratul al-Wataniah sekarang, sebuah pusat pengajian yang diasaskan oleh Abdullah Fahim.



**MADRASAH IDRISIAH, BUKIT CHANDAN, KUALA KANGSAR PERAK ...** Salah satu tempat pengajian yang menerima khidmat dan jasa Abdullah Fahim.



Pada 1931, Abdullah Fahim diundang menjadi Mudir di Madrasah Idrissiah, sebuah sekolah menengah agama di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak. Madrasah tersebut yang diasaskan oleh Sultan Perak, Almarhum Sultan Idris Murshidi Adzam Shah Ibni Almarhum Bendahara Raja Alang Iskandar pada 1922, terletak berhadapan dengan Masjid Ubudiyah.

Abdullah Fahim merupakan Mudir ketiga sekolah tersebut selepas Tuan Haji Mohamad Salleh (Mudir pertama) dan Sheikh Abdullah Al-Maghribi (Mudir kedua). Semasa menetap di Kuala Kangsar, Abdullah Fahim menjalin hubungan rapat dengan beberapa orang ulama terkenal di Perak termasuk Sheikh Tahir Jalaludin, Haji Mohammad Arshad Karai dan Sheikh Haji Nawawi Muhamad.

Walaupun berat hati bagi ulama ini untuk meninggalkan DMW yang baru diasaskannya itu, namun kerana tidak mahu menghampakan harapan pentadbir Madrasah Idrissiah dan bagi memanfaatkan ilmu yang dianugerahkan oleh Allah kepadanya, maka Abdullah Fahim meninggalkan juga madrasah tersebut untuk berhijrah ke Bukit Chandan. Bagaimanapun, DMW terus berfungsi dan menerima ramai pelajar baru di bawah kelolaan Ahmad Badawi bersama guru-guru lain.

Sebagai ulama dan guru agama yang berpengalaman luas dalam bidang pendidikan, Abdullah Fahim mengutamakan disiplin Islam semasa mengajar di Madrasah Idrissiah. Beliau juga mengajar tafsir al-Quran secara tahkik dengan berpandukan tafsir-tafsir muktabar serta meletakkan faham khas dan amnya. Murid-murid yang berada di peringkat tinggi pula digalakkan membaca tafsir Al Baidhawi, Al Khazin, an-Nasafi dan Ibnu


Abbas. Beliau turut menggalakkan pelajar di peringkat rendah dan tinggi supaya mengikuti pengajian umum dan membaca tafsir Al Jalalain pada setiap selepas solat Subuh dan Maghrib.

Menurut Mudir Madrasah Idrissiah, Ustaz Haji Kamaruddin Ahmad, ramai pelajar yang dididik oleh Abdullah Fahim mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang. Mereka termasuk bekas Mufti Perak iaitu Haji Asaaya dan Datuk Haji Abu Hassan As Asyaari, Mudir kelima Madrasah Idrissiah, Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan Perak, Datuk Haji Abdul Malik Haji Nordin (bekas mufti Kerajaan Perak) dan Haji Mohd Salleh Shafie, Guru Besar Sekolah Agama PGAS, Seberang Prai, Pulau Pinang."

Selain terkenal sebagai pendidik agama, ulama dan pejuang politik Islam, Haji Abdullah Fahim juga adalah penulis handalan yang banyak karyanya tersiar dalam majalah dan akhbar di negara Arab pada 1920-an. Selain itu, tulisannya dalam bahasa Melayu pula banyak diterbitkan di Tanah Melayu dan Singapura.

Pendek kata, sepanjang hayatnya, Abdullah Fahim telah menggunakan segala ilmu yang dikurniakan oleh Allah kepadanya untuk memberi manfaat kepada umat Islam dari seluruh pelusok dunia. Jariah yang beliau curahkan itu mengalir hingga ke hari ini apabila ramai muridnya menjadi guru agama, mufti, kadi dan sebagainya yang mencurahkan khidmat bakti demi kesejahteraan masyarakat di dunia dan akhirat.

Keberkatan hasil usaha Abdullah Fahim dapat dilihat dengan jelas pada kemajuan yang dicapai oleh sekolah agama yang beliau asaskan, Daeratul Maarif Wataniah dan Madrasah Idrissiah, sekolah yang pernah beliau



terajui. Bagi Daeratul Maarif Wataniah, ia telah berkembang dari sekolah pondok yang kekurangan serba-serbi, kepada sekolah moden yang lengkap dengan kemudahan peralatan serta mempunyai bilangan murid yang ramai.

Begitu jugalah halnya dengan Madrasah Idrissiah. Bermula dengan sebuah bangunan yang sebahagian besarnya dibina daripada kayu, sekolah tersebut kini mempunyai beberapa blok bangunan konkrit yang dilengkapi pelbagai kemudahan pembelajaran.

Haji Kamaruddin berkata kira-kira setahun selepas Abdullah Ahmad Badawi dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau serta ustaz Yusoff Mokhta, Cikgu A.Rahman Najib, Ustaz Khairul Anuar dan Sazali Musa dari Madrasah Idrissiah menemui cucu Abdullah Fahim itu di pejabatnya di Kuala Lumpur untuk mencadangkan supaya bangunan asal Madrasah Idrissiah diroboh dan diganti dengan bangunan batu sepenuhnya.

"Datuk Seri Abdullah bagaimanapun menolak cadangan kami dengan berkata adalah lebih elok jika bangunan asal sekolah tersebut dikekalkan bagi memelihara nilai sejarah dan keunikan reka bentuknya", kata Kamaruddin.

Beliau berkata sebab itulah bangunan asal Madrasah Idrissiah masih tersergam kukuh hingga ke hari ini untuk diambil iktibar oleh generasi baru tentang sejarah perjuangan nenek moyang mereka dalam bidang agama.

Namun demikian, beberapa blok bangunan konkrit telah dibina bagi menampung bilangan pelajar yang kian bertambah, katanya.

Madrasah Idrissiah mempunyai erti tersendiri kepada Abdullah kerana di sekitar sekolah inilah beliau melalui alam bayi dan seterusnya belajar meniarap, merangkak, bertatih, berjalan dan berlari. Beliau dibawa oleh ibu bapanya untuk tinggal bersama datuknya yang mengajar di situ ketika masih dalam usia bayi. Di persekitaran sekolah ini jugalah beliau mula mengenal erti disiplin yang perlu dihayati oleh setiap kanak-kanak Islam sebagai persiapan untuk mengharungi dunia yang penuh dengan cabaran dan tipu daya Syaitan.

Segala pengalaman yang beliau lalui semasa tinggal di perkarangan sekolah ini amat berharga bagi Abdullah dan menjadi kenangan sepanjang hayat beliau. Oleh itu, tidak hairanlah, semasa beliau menjadi Menteri Pelajaran, Abdullah menghantar 12 orang guru berpengalaman untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah itu bagi meningkatkan pencapaian pelajarinya.

Semasa Madrasah tersebut mengadakan majlis untuk mengenang jasa bekas mudir-mudirnya pada tahun 2000, Abdullah telah dijemput untuk mewakili datuknya, Abdullah Fahim bagi menerima sumbangan RM2000.00 sebagai tanda penghargaan terhadap jasa Allahyarham kepada sekolah itu. Oleh kerana tidak dapat menghadirinya, Abdullah meminta Mohamad Subky mewakili beliau menerima sumbangan tersebut. Pemberian itu bagaimanapun dihadiahkan semula oleh Abdullah kepada Madrasah Idrissiah bagi membeli kitab-kitab untuk ditempatkan di khutub khanah sekolah tersebut.






**TERIMA KASIH ...** Abdullah menerima cenderahati pada majlis pelancaran buku mengenai datuk beliau, Abdullah Fahim yang juga merupakan seorang tokoh kemerdekaan.



Walaupun Abdullah Fahim tidak begitu terkenal dalam arena politik tanah air, tetapi beliau sebenarnya amat berjasa kepada negara, khususnya UMNO. Ini kerana, ketika sebilangan besar mereka yang dianggap sebagai ulama meninggalkan parti itu untuk menyertai PAS, beliau dan anaknya, Ahmad Badawi tetap setia menyokong UMNO dalam perjuangannya membela nasib bangsa dan seluruh penduduk Tanah Melayu tanpa mengira kaum dan anutan agama.

Kesetian Abdullah Fahim terhadap perjuangan UMNO tidak dapat dinafikan apabila beberapa hari selepas parti itu ditubuhkan pada Mei 1946, Yang Dipertua Pertama parti itu, Onn bin Jaafar datang menemuinya dan meminta beliau menjadi ahli UMNO pertama bagi kawasan Seberang Prai Utara.

  
Sebaik sahaja Abdullah Fahim menandatangani borang keahlian, Onn menyematkan lencana UMNO pada kolar kot beliau. Lencana tersebut dipakai oleh Abdullah Fahim hingga akhir hayatnya bagi membuktikan betapa beliau amat menyayangi dan menghayati perjuangan parti itu.  




Apabila Tunku Abdul Rahman mengambil alih pucuk pimpinan UMNO pada 1951, beliau menghadapi beberapa masalah termasuk untuk merapatkan kembali hubungan di kalangan ahli UMNO yang berpecah apabila Onn dan beberapa orang rakannya keluar daripada parti itu untuk menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP).

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh Tunku ialah untuk mencari orang yang benar-benar layak dan berkarisma untuk mengambil alih jawatan Ketua Pemuda UMNO yang dikosongkan oleh Hussein Onn. Walaupun Abdul Razak menggantikan Hussein sebagai Ketua Pemuda UMNO, tetapi Tunku nampaknya lebih memerlukan khidmat Abdul Razak untuk membantu beliau memperkemas perjalanan parti dan perjuangan yang masih dalam peringkat awal untuk mencapai kemerdekaan negara.

Untuk memecah kebuntuan fikirannya, Tunku mengambil keputusan mengunjungi Abdullah Fahim, ulama yang amat beliau hormati serta dianggap bapa dan gurunya, untuk mendapatkan nasihat beliau tentang perkara itu. Sebagai putera raja yang tidak pernah berbangga atau sombong kerana darjatnya, secara rendah diri Tunku menceritakan masalah yang beliau hadapi kepada Abdullah Fahim. Mendengar keluhan Tunku itu, ulama terkenal ini mencadangkan kepada beliau supaya mengambil anak sahabatnya iaitu Saadon Haji Jubir untuk mengisi tempat Hussein Onn itu. Haji Abdullah Fahim membuat cadangan itu kerana beliau mengenali bapa Saadon.

Setelah menimbang dengan teliti cadangan Abdullah Fahim itu, Tunku akhirnya bersetuju dan dalam pemilihan berikutnya Saadon dipilih sebagai

Ketua Pemuda UMNO yang ketiga. Kehadiran Saadon ketika itu amat tepat sekali kerana semangat orang Melayu untuk menuntut kemerdekaan daripada British sedang memuncak. Jawatan Saadon sebagai pemimpin Pemuda UMNO menyemarakkan lagi semangat mereka kerana sikapnya yang berani, lantang dan tegas dalam memperjuangkan nasib orang Melayu dan kemerdekaan negara.

Walaupun Tunku berjaya menggembleg semangat dan tenaga orang Melayu dalam memperjuangkan kemerdekaan negara, tetapi apa yang lebih merisaukan Perdana Menteri Pertama Malaysia ini ialah sikap British yang tetap berkeras tidak akan memberi kemerdekaan kepada orang Melayu sekiranya mereka tidak mahu berkongsi kemerdekaan itu dengan kaum pendatang lain. Saadon adalah antara pemimpin Melayu yang paling lantang menentang usaha untuk memaksa orang Melayu berkongsi kemerdekaan dengan kaum pendatang.

Semasa berucap di Padang Kelab Melayu Butterworth pada 12 September 1952, Saadon mengibaratkan Pemuda UMNO sebagai Besi Waja dan Gunung Berapi. Beliau berkata sekiranya Kerajaan Inggeris tidak memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu dan sekiranya orang Melayu diminta berkongsi kemerdekaan tanah pusaka nenek moyang mereka ini dengan kaum lain, maka Pemuda UMNO rela bermandi darah untuk mempertahankan maruah bangsa mereka.

Bagaimanapun, sebagai orang lama yang sudah masak dengan asam garam kehidupan, Tunku mempunyai pandangan tersendiri tentang kemerdekaan Tanah Melayu. Jika boleh, beliau tidak mahu melihat berlakunya pertumpahan darah dalam perjuangan mendapatkan kemerdekaan negara.



**SIMBOLIK** ... Hj. Md. Noor bercerita sambil menunjukkan bagaimana Abdullah Fahim menggunakan jari beliau untuk memberi penjelasan dan nasihat kepada Tunku Abdul Rahman cara-cara menuntut kemerdekaan dari British.

Bagi mengatasi keadaan yang boleh dikatakan tegang itu, Tunku telah mengajak Datuk Haji Sulaiman Palestin (Allahyarham) menemaninya berjumpa Abdullah Fahim bagi mendapatkan nasihat ulama itu tentang cara-cara untuk menangani keadaan tersebut. Pada pertemuan yang turut disaksikan oleh Ahmad Badawi itu, Abdullah Fahim berkata cara terbaik untuk mengusir penjajah ialah melalui perpaduan yang dicapai oleh semua kaum yang tinggal di Tanah Melayu.

Md. Noor, yang mengikuti pertemuan itu dari bawah rumah Abdullah


Fahim, menceritakan bahawa semasa menyampaikan buah fikirannya, ulama terkenal itu secara berfalsafah mengangkat tangan kanan dan membengkokkan ibu jari beliau ke telapak tangan sambil melurus dan merapatkan jari-jari lain sambil berkata: "jari telunjuk ini adalah penjajah Inggeris".

Beliau seterusnya menjelaskan kepada Tunku bahawa jari hantu adalah orang Melayu, jari manis orang Cina dan jari kelingking orang India.

"Ketiga-tiga jari berkenaan iaitu jari hantu, jari manis dan jari kelingking mesti disatukan supaya dapat kita halau penjajah, kata Abdullah Fahim



**DISAMBUT MERIAH ...** Formula kongsi kuasa Abdullah Fahim yang diguna pakai oleh Perdana Menteri Pertama hingga Perdana Menteri Kelima, Abdullah Ahmad Badawi menjadikan para pemimpin negara Islam ini disayangi dan dihormati oleh semua bangsa .



sambil menarik jari telunjuk bagi memisahkannya daripada ketiga-tiga jari yang diluruskan tadi.

Md. Noor seterusnya berkata, ketika Abdullah Fahim menjelaskan perkara tersebut dengan penuh simbolik kepada Tunku, Ahmad Badawi sempat melakar rajah jari-jemari Abdullah Fahim seperti yang dijelaskan oleh bapanya itu untuk tujuan rujukan pada masa akan datang. Bagaimanapun, lakaran yang amat bersejarah dan penuh falsafah itu kini tidak dapat dikesan di mana letaknya.

Saranan Abdullah Fahim itu terlaksana apabila Datuk Haji Yahya Razak yang dilantik menjadi ahli jawatankuasa UMNO Cawangan Kuala Lumpur berjaya memujuk Tun Ong Yoke Lin supaya berbincang dengan pucuk pimpinan MCA (Malayan Chinese Association) untuk membawa parti itu bekerjasama dengan UMNO bagi menghadapi pilihan raya umum pertama di negara ini.

Susulan daripada itu, terbentuklah Parti Perikatan yang dianggotai UMNO, MCA dan kemudiannya MIC (Malayan Indian Congress). Gandingan parti-parti yang mewakili tiga kaum utama di Tanah Melayu itu telah membawa kemenangan besar kepada Parti Perikatan pada Pilihan Raya Umum 1955, dan seterusnya membawa kepada pembentukan Kabinet pertama di negara ini yang diketuai Tunku.

Sejak itu, formula politik yang diilhamkan oleh Abdullah Fahim ini dijadikan asas arah tuju amalan perkongsian kuasa di Malaysia dari semasa ke semasa hinggalah ke zaman pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang diterajui oleh UMNO dan kini dipimpin oleh cucu beliau, Abdullah



**ULAMA TERBILANG** ... Abdullah Fahim mendidik agar orang-orang Islam mengamalkan ajaran Islam sebenar, tidak mengteipikan hak agama lain dan menghormati agama lain sepertimana kita mahu agama lain menghormati agama kita.


“Bila kita dah merdeka, jangan pula ada pemimpin-pemimpin kita mengaut kekayaan di atas belakang rakyat.”

“...Kita bangsa Melayu, Islam, menerima Kebangsaan, kebangsaan tak boleh tolak Islam.”

-Abdullah Fahim-

Haji Ahmad Badawi. Formula yang mudah tetapi berkesan ini telah berjaya menjadi asas kepada perpaduan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama dalam menghadapi pelbagai cabaran dari dalam dan luar negeri. Ringkasnya, formula yang diilhamkan oleh ulama terkenal ini menjadi landasan kukuh dalam mewujudkan perpaduan rakyat dan seterusnya menjadi kunci kepada pembangunan dan kemakmuran negara.

Nama Abdullah Fahim juga berkait rapat dengan kemerdekaan Tanah Melayu kerana beliau adalah tokoh yang diberi kepercayaan untuk memilih tarikh yang dirasakan serasi untuk dikemukakan kepada pentadbiran Inggeris.



Semasa beliau dikunjungi Tunku dan para pemimpin UMNO lain untuk mendapatkan tarikh berkenaan, Abdullah Fahim mencadangkan dua tarikh iaitu 31 Ogos 1957 dan 31 Ogos 1962. Pada pendapat beliau, tarikh 31 Ogos 1957 paling sesuai memandangkan segala usaha dan perjuangan rakyat Malaya sudah sampai kepada masanya untuk membuat tuntutan dan sekiranya pihak British tidak bersetuju dengan tarikh itu, maka satu lagi tarikh yang sesuai dan baik untuk Tanah Melayu mencapai kemerdekaan ialah 31 Ogos 1962.

Apabila kedua-dua tarikh tersebut dibincangkan pada mesyuarat peringkat tertinggi UMNO, Ketua Pemuda UMNO, Saadon Haji Jubir menolak tarikh alternatif 31 Ogos 1962 dan bertekad bahawa sekiranya British menolak tarikh 31 Ogos 1957 sebagai tarikh kemerdekaan negara ini, pemuda UMNO akan bertindak secara habis-habisan untuk menentanginya.


Walau bagaimanapun dengan nasihat Abdullah Fahim dan kebijaksanaan Tunku, akhirnya, seperti yang terakam dalam sejarah tanah air, Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957. Tarikh keramat ini sebenarnya bukan dipilih dengan sesuka hati oleh Abdullah Fahim tetapi melalui ilmu firasat yang beliau miliki. Tarikh inilah yang kini dirayakan setiap tahun oleh seluruh rakyat Malaysia yang menghargai erti kemerdekaan. Oleh itu setiap kali kita menyambut ulang tahun kemerdekaan negara, terutama bagi yang beragama Islam, janganlah kita lupa menghadiahkan sekurang-kurangnya bacaan Surah al-Fatihah kepada Haji Abdullah Fahim, ulama yang banyak menyumbang tenaga dan buah fikiran terhadap kemerdekaan yang kita nikmati sekarang.





**MISI KEMERDEKAAN ...** Rombongan kemerdekaan yang diterajui oleh Tunku Abdul Rahman meliputi pemimpin daripada pelbagai bangsa dan agama yang bersatu di bawah Parti Perikatan (sekarang Barisan Nasional).

*Mungkin juga tidak ramai yang mengetahui bahawa pada pertemuan untuk membincangkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu itu, Abdullah Fahim memberitahu Tunku bahawa selepas lima tahun Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, negara ini akan bertukar namanya. Ramalan yang dibuat berdasarkan ilmu firasat yang beliau miliki itu ternyata benar apabila dengan kehendak Allah jua, Tanah Melayu telah ditukar namanya kepada Malaysia lima tahun selepas kemerdekaannya.*



Walaupun ramai orang kagum dengan kelebihan yang dimiliki oleh ulama ini, tetapi bagi beliau dan ahli keluarganya, semua itu adalah pemberian Allah kepada sesiapa jua yang dikehendakinya.

Sungguhpun Abdullah Fahim bukan pemimpin utama UMNO, tetapi buah fikiran beliau sebagai orang tua dan ulama yang dihormati amat diperlukan dalam menangani sesuatu isu besar yang dihadapi oleh rakyat dan negara. Sebagai ulama, segala kata-kata dan buah fikirannya diyakini bebas daripada sebarang kepentingan diri serta mendapat petunjuk dari Allah Subhanahu Wataala.

Setelah bemunajat kepada Allah untuk memohon petunjukNya, Abdullah Fahim menasihati Tunku supaya rombongan enam orang anggota yang mewakili Parti Perikatan berserta seorang setiausaha dan enam orang yang mewakili Raja-raja Melayu turut menyertai rombongan untuk berbincang dengan Kerajaan British mengenai kemerdekaan Tanah Melayu berlepas ke Karachi dengan kapal laut sebelum menaiki kapal terbang menyambung perjalanan ke London.


Alasan Abdullah Fahim menasihati mereka belepas ke Karachi dengan kapal laut ialah supaya anggota rombongan itu mempunyai masa yang panjang untuk berbincang mengenai perkara berkaitan tuntutan kemerdekaan. Bagaimanapun, beliau menasihati Tunku dan rombongannya supaya menggunakan kapal terbang untuk segera pulang ke tanah air setelah selesai rundingan tersebut bagi membolehkan rakyat mengetahui dengan cepat keputusan yang mereka nanti-nantikan sejak sekian lama.

Berdasarkan hakikat di atas, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa Abdullah Fahim merupakan arkitek serta ulama yang melakar laluan negara ke arah mencapai kemerdekaannya dengan menganjurkan agar bangsa Melayu dan bangsa-bangsa lain di bumi bertuah ini sentiasa bersatu padu dalam menghadapi sebarang cabaran yang mendepani negara. Ternyata sudah, formula yang beliau ilhamkan ini telah berjaya menjadikan Malaysia sebuah negara yang bukan sahaja merdeka dan berdaulat, malah mencatat kemajuan dalam segenap bidang hingga disegani oleh bangsa-bangsa lain di dunia yang suatu ketika dulu memandang rendah kepadanya.

Apa yang menarik ialah selepas lebih kurang 52 tahun berlalu, iaitu pada 19 Ogos 2003, cucu Abdullah Fahim, Abdullah Ahmad Badawi telah merasmikan pelancaran satu program bagi memperkukuhkan lagi asas yang disarankan oleh datuknya itu untuk memantapkan lagi pembangunan negara yang amat dicintai ini.

Program yang dimaksudkan ialah "Dasar Sosial Negara" (DSN) yang bermatlamat mencapai pembangunan seimbang yang berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mewujudkan kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang lebih maju dan mantap dalam segenap segi, sejajar dengan tuntutan era globalisasi.

Pelancaran dasar tersebut juga bertujuan meningkatkan keupayaan rakyat dalam mendepani sembilan cabaran besar yang digariskan di dalam matlamat Wawasan 2020 yang menjadi pelan induk pembangunan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju mengikut acuannya sendiri



menjelang tahun 2020. Wawasan yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad ini bertujuan melahirkan sebuah negara Malaysia yang rakyatnya mencapai pembangunan seimbang dari segi material dan rohani serta bebas daripada masalah moral, sejajar dengan tuntutan Allah.

Sembilan cabaran utama yang dimaksudkan itu ialah bersatu, berjiwa bebas, yakin diri, demokratik dan matang, bermoral dan beretika, liberal dan bertolak ansur, saintifik dan progresif, penyayang, adil dalam bidang ekonomi serta makmur. Dasar Sosial Negara juga menjadi teraju untuk membawa rakyat Malaysia ke arah kehidupan yang lebih harmoni, sejahtera dan maju dalam segenap bidang.

Demikianlah betapa besarnya jasa Abdullah Fahim kepada negara termasuk melahirkan zuriat yang banyak memberi sumbangan terhadap kemerdekaan Tanah Melayu dan seterusnya menerajui pentadbiran Malaysia untuk memimpin rakyatnya supaya terus menjadi bangsa yang bermaruah dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa.

Ulama serta tokoh kemerdekaan negara ini menghembuskan nafas terakhir untuk menghadap Khalik pada pukul 8 pagi 28 April 1961 dalam usia 92 tahun. Jenazah Allahyarham disemadikan di tanah perkuburan di perkarangan Masjid Kepala Batas, sebuah pekan yang banyak merakam sejarah perjuangan bangsa.

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh tokoh agama dan pejuang kemerdekaan yang telah banyak berjasa kepada agama, bangsa dan negara ini. Amin!





## **INSAN YANG MEMENUHI TUNTUTAN ILAHI**




*Sebagaimana yang dikatakan lebih awal lagi bahawa Perdana Menteri, Abdullah Haji Ahmad Badawi mempunyai cara dan stailnya yang tersendiri untuk memandu Malaysia ke arah mencapai tahap negara Maju sebagaimana yang dihasrat dan direncanakan dalam Wawasan 2020.*





**CEKAP DAN PRODUKTIF** ... Abdullah di hari pertama sebagai Perdana Menteri bergambar bersama kakitangan kerajaan yang berkhidmat bersama beliau di Putrajaya.



Untuk mencapai matlamat tersebut, Abdullah yang memulakan tugas sebagai Perdana Menteri Malaysia Kelima telah melancarkan program pelaksanaan etika kerja yang lebih berkesan di kalangan kakitangan awam. Melalui program ini, beliau mahu jabatan dan agensi kerajaan memberi perkhidmatan dengan lebih cekap dan produktif kepada rakyat agar sebarang ketidakpuasan hati dan rungutan orang ramai dapat segera diatasi.

Pada masa yang sama, beliau mahu agar langkah-langkah tegas bagi menangani gejala rasuah terus diperhebatkan untuk memberi keyakinan kepada rakyat bahawa kerajaan amat komited untuk melihat Malaysia bebas daripada amalan buruk itu.

Saranan yang dibuat oleh Abdullah ini memperlihatkan ketegasan beliau untuk memastikan kerajaan di bawah pimpinannya mencapai kecemerlangan dalam bidang pentadbiran bagi menjamin segala amanah yang dipertanggungjawabkan kepada beliau berjalan dengan teratur, licin dan penuh dedikasi.

Sungguhpun apa yang beliau sarankan itu pernah diberi penekanan oleh Perdana Menteri sebelumnya, tetapi Abdullah melihat tahap pencapaiannya masih boleh dipertingkatkan demi kebaikan negara.

Sejajar dengan matlamat ini, Abdullah memperuntukkan sejumlah RM17 juta bagi menubuhkan Akademi Anti Rasuah sebagai tanda komitmen kerajaan pimpinannya untuk memerangi gejala rasuah. Penubuhan akademi tersebut, yang pertama seumpunya dirantau ini, bertujuan mempertingkatkan kepakaran dan kemahiran anggota penguatkuasa




dalam bidang penyiasatan ke arah membendung peningkatan amalan rasuah di negara ini yang boleh merosakkan kehidupan rakyat dan menghancurkan Malaysia.

Langkah wajar dan tindakan tegas yang diambil oleh Abdullah untuk menubuhkan akademi tersebut merupakan salah satu usaha ke arah memupuk nilai murni dan tingkah laku beretika di kalangan rakyat. Semasa mengumumkan pertuntukan tersebut pada 4 Disember 2003 ketika merasmikan persidangan tiga hari anjuran bersama Badan Pencegah Rasuah (BPR), Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) di Kuala Lumpur, beliau berkata: "Kita perlu sentiasa beri pertimbangan terhadap pendekatan cara meluas sebagai tindakan kita terutama berkaitan urus tadbir yang baik, dan usaha memerangi rasuah tidak sepatutnya hanya ditujukan ke arah menanam nilai serta sikap yang betul semata-mata, tetapi perlu melangkaui sasaran itu yang turut meliputi usaha memantapkan proses, insitutsi serta tindakan hukuman."

Abdullah juga berkata beliau sentiasa mempunyai kepercayaan yang teguh terhadap keperluan meningkatkan urus tadbir yang baik dalam usaha memperbaiki sistem pemberian perkhidmatan kepada orang ramai untuk menjadikannya lebih cekap, telus dan bertanggungjawab.

Menurut beliau, di samping membawa bencana besar terhadap kesejahteraan sosial, politik serta ekonomi sesebuah negara, amalan rasuah juga boleh menjejaskan urus tadbir yang baik serta mencacatkan dasar awam.



**FAIL BIRU KERAJAAN ...** Abdullah sedang meneliti buku yang mengandungi perkara-perkara penting untuk rujukan Perdana Menteri.


Bagi membuktikan komitmen negara ini dalam memerangi gejala rasuah, kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Abdullah bersetuju menandatangani Konvensyen Anti Rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi meningkatkan lagi tahap kerjasama yang sedia ada antara Malaysia dan masyarakat antarabangsa, terutama dengan negara-negara yang menandatangani konvensyen berkenaan.

Semasa berlangsungnya Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun di Tokyo, Jepun pada 12 Disember 2003, Abdullah mengambil kesempatan menemui para pemimpin negara anggota ASEAN untuk mempelawa mereka menghantar peserta masing-masing mengikuti latihan di Akademi Anti Rasuah dan Pusat Wilayah Bagi Menentang Keganasan yang akan ditubuhkan di Malaysia.

Abdullah merupakan satu-satunya pemimpin negara anggota ASEAN yang menyentuh tentang rasuah semasa berucap pada sidang kemuncak tersebut. Dalam ucapan beliau, Abdullah menegaskan bahawa akademi tersebut diharap akan menjadi pusat untuk membina kemampuan dalam usaha memerangi amalan rasuah di kalangan negara-negara anggota ASEAN. Pelawaan yang dibuat oleh Perdana Menteri Malaysia ini mendapat sokongan positif daripada pelbagai pihak.

Abdullah menyedari bahawa skop kegiatan rasuah bukan hanya terhad dalam wilayah Malaysia sahaja, tetapi melangkau jauh ke semua benua.

Beliau berkata, sekiranya usaha tidak dibuat bagi menjalin kerjasama yang lebih erat dengan negara lain, maka harapan Malaysia untuk melihat usahanya memerangi amalan terkutuk itu tidak akan mencapai hasil yang diharapkan.




Dalam peperangan menghapuskan gejala rasuah, Abdullah juga mahu BPR memberi perhatian lebih serius terhadap jenayah itu dan beroperasi tanpa rasa takut atau memilih bulu. Beliau turut mengarahkan agar badan tersebut menjalankan siasatan dengan cepat dan menyeluruh ke atas setiap kes rasuah.

Kesungguhan Abdullah dalam memerangi amalan rasuah amat difahami kerana, jika dibiarkan, ia boleh menjadi suatu budaya buruk di kalangan rakyat tanpa mengenal status mereka, dari tahap serendah-rendahnya hinggalah ke tahap pemimpin. Jika ini berlaku, maka negara akan menjadi kucar-kacir kerana segala urusan tidak dapat dilaksanakan dengan tulus dan mengikut peraturan.

Banyak contoh yang boleh dikutip mengenai perbuatan rasuah yang tidak mengenal taraf kehidupan seseorang jika ia menjadi suatu budaya di sesebuah negara, termasuk negara yang dianggap maju dan kaya raya. Akibat mengamalkan perbuatan rasuah, beberapa pemimpin negara di seluruh dunia telah tersingkir dari jawatan masing-masing termasuklah bekas Presiden Korea Selatan, Chun Doo Hwan dan bekas Presiden Filipina, Ferdinand Marcos yang terpaksa hidup dan mati dalam buangan. Dunia juga telah melihat betapa bekas Presiden Amerika Syarikat, Richard Nixon tumbang akibat skandal Watergate yang memeranjatkan masyarakat sejagat suatu ketika dulu.

Kes-kes jenayah rasuah juga telah menyebabkan Raja Iran, Shah Reza Pahlavi kehilangan takhtanya. Beliau yang merupakan seorang raja yang begitu kuat dan berpengaruh akhirnya terpaksa meninggalkan istana dan takhta kerajaan Iran berikutan kebangkitan rakyat menentanginya



kerana tidak tahan lagi dengan amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang menjadi amalannya.


Berdasarkan kepada hakikat betapa kejinya perbuatan rasuah itulah, Abdullah begitu berazam untuk memeranginya supaya ia tidak menjadi suatu cara hidup di kalangan rakyat negara ini. Inilah antara agenda utama beliau dalam meneruskan langkah ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Sebagai Perdana Menteri yang berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran dan begitu maklum akan betapa buruknya padah yang dibawa oleh amalan rasuah, Abdullah sudah tentu tidak akan bertolak ansur dengan sesiapa sahaja yang terlibat dengan perbuatan itu. Ini termasuklah mereka yang bergelar pemimpin, pegawai tinggi kerajaan dan orang biasa. Sikap beliau ini adalah selaras dengan ajaran Islam yang melarang keras perbuatan rasuah seperti sabda Nabi Muhammad (S.A.W) dalam sebuah Hadith yang bermaksud:

"Pemberi dan penerima rasuah akan dimasukkan ke neraka."


Kesungguhan Abdullah dalam memerangi supaya rasuah terbukti apabila selepas 100 hari beliau menduduki kerusi Perdana Menteri beberapa orang kenamaan diseret ke muka pengadilan untuk dibicarakan. Jelas sekali apa yang dikatakan oleh Abdullah segera dikotakannya.

Seiring dengan komitmen beliau dalam membentaras kegiatan rasuah, Abdullah juga menyarankan seluruh rakyat negara ini supaya mengamalkan sikap berjimat-cermat. Saranan ini juga beliau tujukan



**JAUHI PENYAKIT RASUAH ...** Kesungguhan Abdullah dalam membentaras rasuah telah terbukti melalui tindakannya dan bukan melalui kata-kata sahaja.

kepada kakitangan awam agar mereka tidak membelanjakan wang kerajaan dengan cara yang tidak wajar apabila menganjurkan sesuatu majlis. Dalam hubungan ini, beliau mahu agar setiap majlis yang diadakan adalah bersifat sederhana manakala perbelanjaan yang dikeluarkan pula mestilah dikawal dan dibuat secara berhemat agar tidak merugikan kerajaan dan rakyat. Saranan beliau ini juga adalah sesuai dengan ajaran Islam yang amat benci kepada pembaziran




Sebenarnya soal penjimatan mempunyai kaitan rapat dengan ekonomi. Sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Abdullah amat menitikberatkan soal kewangan negara agar ia sentiasa dibelanja secara berhemat dan tidak diambil kesempatan oleh mana-mana pihak. Ekonomi bukanlah subjek asing bagi Abdullah. Semasa menerajui kementerian-kementerian lain sebelum menjadi Perdana Menteri, beliau banyak melahirkan projek berunsur ekonomi. Malah, semasa berkhidmat sebagai pegawai kerajaan di Kementerian Belia dan Sukan lagi, Abdullah telah menunjukkan kebolehan dan kearifan beliau dalam bidang ekonomi dengan mengilhamkan program Belia Niaga yang bertujuan meningkatkan taraf ekonomi golongan belia di negara ini.

Penglibatan dan sumbangan Abdullah terhadap usaha membangunkan ekonomi negara memang tidak boleh dinafikan. Bagaimanapun, sumbangan beliau yang paling menonjol ialah semasa Malaysia dilanda kegawatan ekonomi pada 1997 akibat krisis ekonomi yang melanda sebahagian besar negara di dunia.

Kefahaman beliau tentang perjalanan ekonomi negara serta pendekatan diplomatik yang beliau amalkan telah berjaya menarik sokongan negara-negara di rantau Asia terhadap langkah-langkah drastik yang diambil oleh Dr. Mahathir dan kerajaan Malaysia bagi mengelakkan negara menjadi muflis dan jatuh ke tangan kuasa luar.

Sesuai dengan sifat amanah dan bertanggungjawab yang menjadi pegangan beliau, Abdullah mengendalikan ekonomi negara dengan amat berhati-hati kerana ia melibatkan wang rakyat. Itulah sebabnya dalam seruannya kepada kakitangan kerajaan supaya mengamalkan sikap



berjimat-cermat, berhemah dan sederhana dalam mengendalikan kewangan negara, beliau juga mengharapkan agar rakyat turut mengamalkan sikap yang sama.

Sebagai Pengerusi Pertubuhan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Abdullah diyakini akan dapat menterjemahkan idea-idea baru bagi meletakkan Malaysia dan negara-negara di dalam kedua-dua pertubuhan tersebut di tahap yang lebih kukuh dan menyerlah daripada segi amalan dan tindakan. Suaranya juga diyakini akan mewakili perjuangan umat sejagat khususnya umat Islam dalam memerangi ketidakadilan yang berlaku di banyak tempat di dunia termasuk memperbetulkan pandangan serong yang dilemparkan oleh sebahagian besar masyarakat Barat terhadap Islam dan umatnya.

Abdullah juga dilihat akan memberi penekanan yang lebih serius bagi meneruskan pelaksanaan fasa kedua dan ketiga projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dalam usaha mempercepatkan pencapaian negara yang setanding dengan negara maju lain dalam bidang teknologi maklumat (IT).

Berdasarkan pengalaman luas beliau dalam kerajaan, Abdullah sudah pasti mampu melahirkan idea bernas bagi memantapkan pengisian agenda IT negara selaras dengan matlamat penubuhan MSC iaitu bagi memenuhi tuntutan ekonomi dan sosial rakyat.

Walaupun cenderung kepada perkara-perkara berunsur Islam disebabkan oleh latar belakang pendidikannya, tetapi Abdullah bukanlah produk pendidikan Islam yang lazimnya dikaitkan dengan individu yang kurang



mementingkan kemodenan. Perlu ditegaskan di sini bahawa walaupun mendapat pendidikan dalam jurusan Pengajian Islam semasa di universiti, Abdullah turut memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam bidang lain kerana pernah berkhidmat sebagai kakitangan awam dan anggota Kabinet .

Sejajar dengan kedudukan Malaysia sebagai negara majmuk, kerajaan di bawah pimpinan Abdullah akan terus melaksanakan sistem pentadbiran yang telah diasaskan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu sekalipun stail dan pendekatannya mungkin berbeza.

Sehubungan dengan ini, Abdullah sudah pasti dapat melihat dengan jelas kebaikan yang dibawa oleh teknologi maklumat kepada rakyat dan negara ini dalam menghadapi cabaran dunia yang bersifat global sekarang. Berdasarkan kepada hakikat inilah, tiada siapa yang perlu bimbang bahawa Abdullah akan mengabaikan program IT negara, khususnya MSC yang telah dimulakan oleh Perdana Menteri Malaysia sebelum ini, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Sebagai pemimpin Islam yang progresif, Abdullah sudah pasti akan memanfaatkan sepenuhnya segala kemajuan sains dan teknologi sambil memastikan ia berjalan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Islam. Dalam hal MSC, beliau sudah tentu akan berusaha dengan gigih bagi menjayakan pelaksanaannya ke arah memantapkan lagi pembangunan insan, infrastruktur dan aplikasi seperti yang termaktub dalam agenda IT negara.


Berdasarkan rekod cemerlang beliau, sepanjang berkhidmat sebagai



**SANGAT BAGUS ...** Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri yang boleh dikatakan alim dalam bidang agama, tetapi bagi beliau itu bukan alasan untuk tidak menerima kemajuan terutama dalam bidang teknologi seperti sesetengah ulama.

pegawai tadbir, anggota Kabinet dan pemimpin UMNO sebelum ini, Abdullah bolehlah disimpulkan sebagai tokoh yang tidak suka memukul canang tentang kehebatan diri tetapi lebih banyak bekerja demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

Abdullah adalah pemimpin yang tidak pernah berbangga dengan kedudukan. Beliau lebih mudah mesra dengan sesiapa sahaja tanpa mengira bangsa, darjat keturunan dan anutan agama. Bagaimanapun,



di sebalik peribadinya yang kelihatan lembut dan murah dengan senyuman itu, Abdullah tidak akan bertolak ansur dengan mereka yang melanggar disiplin dan mengkhianati amanah rakyat, biarpun pelakunya adalah mereka yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat atau kerajaan, termasuk rakannya sendiri.

Sesungguhnya, rakyat Malaysia amat bertuah mempunyai Abdullah sebagai pemimpin dan perdana menteri mereka kerana beliau merupakan insan yang berpekerti luhur, arif dalam ilmu-ilmu Islam serta memahami tuntutan era globalisasi. Gandingan ciri-ciri istimewa inilah yang menjadikan beliau pemimpin yang diyakini ramai, di luar dan dalam negara, akan dapat membawa Malaysia ke era kecemerlangan baru demi kesejahteraan hidup generasi hari ini dan akan datang, tanpa mengira bangsa dan agama mereka. Sebenarnya, inilah juga apa yang dihajati oleh Abdullah dalam mencari damai abadi dalam perjuangannya.



**PATRIOTIK ...** Susah, senang, turun, naik, suka dan duka adalah liku-liku hidup yang terpaksa dilalui oleh Abdullah untuk berbakti kepada negara Malaysia tercinta.